



Jurnal
**PENYELIDIKAN
KENT 2023**

JURNAL PENYELIDIKAN KENT

eISSN : 3036-0129

TAHUN 2023



**INSTITUT PENDIDIKAN GURU MALAYSIA
KAMPUS KENT
PETI SURAT 2, 89207 TUARAN SABAH**

JURNAL PENYELIDIKAN KENT 2023

Diterbitkan oleh:

Institut Pendidikan Guru Kampus Kent
Peti Surat 2, 89207 Tuaran
Sabah
Tel: 088-797500
Fax: 088-788007

@Hak Cipta IPG Kampus Kent

Hak cipta terpelihara. Tiada bahagian daripada terbitan ini yang boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau ditukarkan ke dalam sebarang bentuk atau dengan sebarang alat juga pun, sama ada dengan cara elektronik, gambar serta rakaman dan sebagainya tanpa kebenaran bertulis daripada Institut Pendidikan Guru Kampus Kent.

Perpustakaan Negara Malaysia
Data Pengkatalogan-Dalam-Penerbitan

eISSN: 3036-0129

Cetakan Pertama 2023

Dicetak oleh:
Institut Pendidikan Guru Kampus Kent
Peti Surat 2, 89207 Tuaran Sabah

KANDUNGAN

BIL	TAJUK	MUKA SURAT
1	<p>TAHAP PELAKSANAAN KEMAHIRAN BERFIKIR ARAS TINGGI DI SEKOLAH MENENGAH NEGERI SABAH Fadzilah binti Patman, PhD, Suhairullah bin Omar Ramih (PhD)</p>	1-5
2	<p>PENGETAHUAN DAN KEMAHIRAN GURU BAHASA MELAYU TERHADAP AMALAN PEDAGOGI BERBEZA DI SEKOLAH RENDAH: SATU TINJAUAN AWAL Law Yien Hua, Ng Lee Fong, PhD</p>	6-20
3	<p>HUBUNGAN ANALISIS DAN PELAKSANAAN RISIKO TERHADAP KREDIBILITI JURULATIH DALAM AKTIVITI FIZIKAL BERISIKO TINGGI. Suhairullah Bin Omar Ramih, (PhD), Fadzilah Binti Patman (PhD), Kasim Bin Md. Mansur (PhD), Muddin Beting</p>	21-27
4	<p>TAHAP KREDIBILITI JURULATIH DALAM PROGRAM PENDIDIKAN LUAR (BINA INSAN GURU) Syibin Bin Japar, Suhairullah Bin Omar Ramih (PhD), Ahmad Fauzi Bin Mohd Satnih, Shelen Aderina Kok, Fadzilah Binti Patman (PhD)</p>	28-35
5	<p>HADITH DA'IF DALAM AMALAN HARIAN MASYARAKAT MALAYSIA: SATU ANALISIS Awang Nazrul A.M</p>	36-49
6	<p>TAHAP PENGURUSAN RISIKO DALAM PROGRAM PENDIDIKAN LUAR (BINA INSAN GURU) Azman Anak Ismail, Suhairullah Bin Omar Ramih, PhD, Willie Basir @ Sazalee, Hafizah Binti Abd Rahim, Fadzilah Binti Patman, PhD</p>	50-59
7	<p>PENGURUSAN MUDAH ALIH: INOVASI DALAM PENGURUSAN PRAKTIKUM MENGGUNAKAN EASY Tele-Prak Nancy Anthony, Inurni Sati, Norifah Samad</p>	60-71

8	<p>THE EFFECTIVENESS OF INTERACTIVE SMART BBC MICROBIT ACTIVITY BOARD (ISB- MAB): GAME-BASED INQUIRY LEARNING IN CHEMISTRY SUBJECT AMONG SCIENCESTUDENTS IN SMK BUKIT GARAM II, KINABATANGAN, SABAH, MALAYSIA</p> <p>Nurfarah Dina Binti Kahar</p>	72-82
9	<p>PENDIDIKAN INKLUSIF: CABARAN KEPADA TAHAP KESEDIAAN GURU</p> <p>Rosnah@Nining Binti Sidek, PhD, Haslan Bin Manja, Zaieddi Bin Sackdan@Sahadan & Mohd Saiful Bahri Bin Bustam</p>	83-88
10	<p>STUDENTS' PERCEPTIONS AND EXPERIENCES OF COLLABORATIVE ENGLISH LANGUAGE LEARNING IN MULTIGRADE RURAL CLASSROOMS</p> <p>Eric Spencer Benidict</p>	89-99
11	<p>GAYA KEPIMPINAN TRANSFORMASI DAN KEPUASAN BEKERJA DALAM KALANGAN ANGGOTA KUMPULAN PELAKSANA (AKP) DI INSTITUT PENDIDIKAN GURU KAMPUS KENT, TUARAN, SABAH</p> <p>Rosinah binti Edinin, PhD, Adeline Leong Suk Yee, PhD, Hapsah binti Magit</p>	100-122

PRAKATA

Bismillahirrahmanirahim,

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh, salam sejahtera, salam Malaysia Madani, salam IPGM peneraju kecemerlangan pendidikan guru bertaraf dunia.

Setinggi tinggi tahniah dan syabas kepada sidang editor kerana telah berjaya menerbitkan e-Jurnal Penyelidikan Kent 2023. Penerbitan e-Jurnal Penyelidikan Kent membolehkan artikel yang terpilih diakses dengan mudah oleh ahli akademik, pelajar dan masyarakat. Selain itu, usaha Jabatan Perancangan, Penyelidikan dan Inovasi (JPPI) menerbitkan Jurnal penyelidikan dalam bentuk e-Jurnal merupakan satu proses ke arah meningkatkan status Jurnal Penyelidikan Kent daripada jurnal berwasit kepada jurnal yang diindeks oleh *Directory of Open Access Journals (DOAJ)*, menjadi status *myCite* atau *myjurnal*.

Penerbitan Jurnal Penyelidikan Kent setiap tahun ialah satu usaha JPPI untuk menggalakkan semua warga Institut Pendidikan Guru Malaysia Kampus Kent (IPGMKK) melibatkan diri secara aktif dalam penyelidikan. Usaha ini adalah sejajar dengan matlamat Kementerian Pendidikan Malaysia untuk melonjakkan kecemerlangan pendidikan negara dalam bidang penyelidikan. Justeru, penganjuran Kolokium Penyelidikan dan Pertandingan Inovasi (KoPPI2023) peringkat kebangsaan di Institut Pendidikan Guru Malaysia Kampus Kent (IPGMKK) pada tahun 2023 adalah satu wadah untuk semua penyelidik berkongsi dapatan kajian melalui pembentangan penyelidikan. Seterusnya dikongsi melalui Jurnal Penyelidikan Kent 2023.

Akhir bicara, terima kasih kepada semua yang terlibat dalam penerbitan Jurnal Penyelidikan Kent 2023. Kesungguhan, ketekunan dan komitmen semua pihak menunjukkan adanya kebersamaan yang erat dan jitu dalam kalangan warga IPGMKK. Semoga budaya penyelidikan dan penerbitan dalam kampus ini akan berterusan dan meningkat dari semasa ke semasa demi kecemerlangan IPGMKK.

Sekian, Terima Kasih.

DR. HAMIDAH BINTI SAMSUDIN

Pengarah

Institut Pendidikan Guru Malaysia Kampus Kent, Tuaran.

**SIDANG EDITORIAL
JURNAL PENYELIDIKAN KENT 2023**

PENAUNG

Dr Hamidah Binti Samsudin
Pengarah
Institut Pendidikan Guru Kampus Kent

PENASIHAT

Tuan Hj. Harun Bin Hj. Sarail
Timbalan Pengarah
Institut Pendidikan Guru Kampus

PENGERUSI

Dr Saimin Ginsari
Ketua Jabatan
Jabatan Perancangan, Penyelidikan dan Inovasi

KETUA EDITOR

Dr Khoo Chwee Hoon

PANEL EDITOR

Dr Salina Abdullah Sangguro
Dr. Ng Lee Fong
Dr. Roziah Rusdin
Dr. Fadzilah Binti Patman
Jovinia Jowinis

REKA BENTUK MUKA DEPAN

Cik Alimah Muslim

PANEL PENILAI

Dr. Muhammad Ridzuan Idris	IPGM Kampus Kota Baharu
Prof Madya Dr. Mohd Nazri Abdul Rahman	Universiti Malaya
Dr. Mazni binti Muhammad	Universiti Melaka
Prof Madya Dr Johari Bin Surif	Universiti Teknologi Malaysia
Prof Madya Nor Hasniza Binti Ibrahim	Universiti Teknologi Malaysia
Dr.Daron Benjamin Loo	Universiti Malaysia Sabah
Dr. Ng Lee Fong	IPGM Kampus Kent
Dr. Roziah Binti Rusdin	IPGM Kampus Kent
Dr. Saimin Ginsari	IPGM Kampus Kent

TAHAP PELAKSANAAN KEMAHIRAN BERFIKIR ARAS TINGGI DI SEKOLAH MENENGAH NEGERI SABAH

Fadzilah binti Patman (PhD)¹ (*fadz_dila@yahoo.com.my*)
Suhairullah bin Omar Ramih (PhD)² (*kentyeyeng@gmail.com*)

^{1,2} Institut Pendidikan Guru Kampus Kent, Tuaran

ABSTRAK

Penyelidikan ini dijalankan adalah bertujuan untuk mengkaji tahap pelaksanaan kemahiran berfikir aras tinggi atau KBAT dalam kalangan guru sekolah menengah di negeri Sabah. Kajian kuantitatif ini juga menggunakan kaedah tinjauan. Sementara itu, kajian ini turut menggabungkan beberapa teknik pensampelan iaitu rawak kluster, rawak berstrata dan rawak mudah. Data diperolehi dengan mendedarkan satu set borang soal selidik yang telah adaptasi daripada penyelidik asal. Seramai 400 orang responden yang terdiri daripada guru sekolah menengah di negeri Sabah telah menjawab soal selidik tersebut. Data dianalisis melalui kaedah statistik deskriptif perisian IBM SPSS. Dapatan kajian menunjukkan tahap pelaksanaan KBAT guru diamalkan pada tahap yang tinggi. Akhir sekali, implikasi serta cadangan kajian lanjut juga turut dibincangkan dalam penyelidikan ini.

Kata kunci: Pelaksanaan KBAT guru, kemahiran berfikir aras tinggi, sekolah menengah.)

PENGENALAN

Transformasi pendidikan di Malaysia pada masa kini telah memberi fokus khususnya terhadap konsepberfikir aras tinggi atau lebih dikenali dengan KBAT. Konsep KBAT ini diyakini berupaya melahirkan generasi modal insan yang berkebolehan untuk bersaing di peringkat global. Selari dengan pandangan yang diutarakan dalam kajian Raiyan dan Tilchin (2015) yang menyatakan bahawa KBAT adalah cabaran multidimensi pendidikan yang rumit pada masa kini. Sementara itu, Chen (2016) turut menyatakan konsep KBAT telah menjadi komponen kritikal dalam kurikulum pendidikan dan matlamat yang dikehendaki. Justeru itu, peranan guru sangat signifikan dalam melengkapkan pelajar dengan kebolehan kognitif pada tahap yang tinggi bagi mendorong mereka berfikir secara lebih proaktif. Rentetan itu, senario ini telah membawa kepada satu perubahan dan pembaharuan terhadap sistem pendidikan semasa bagi banyak negara di seluruh dunia termasuklah Malaysia.

Salah satu daripada inisiatif Kementerian Pendidikan Malaysia untuk meningkatkan kualiti paraguru ialah memperkasakan pelaksanaan KBAT di sekolah. Usaha ini adalah agar kualiti guru di Malaysia seiring dengan trend dan perkembangan pendidikan semasa terutamanya seperti di negara- negara maju

seluruh dunia. Dalam pada itu, didapati aspek berkaitan pelaksanaan Kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT) atau pun *Higher Order Thinking Skills (HOTS)* ini bukanlah suatu perkara yang masih baru dalam KPM. Sungguhpun program berkaitan KBAT merentasi semua mata pelajaran telah dilaksanakan dari tahun 1994 lagi. Namun, hakikatnya pelaksanaan KBAT masih kurang berkesan (Zarina, 2016). Maka dengan itu, pihak KPM telah memberi penekanan khususnya terhadap aspek KBAT kepada guru di sekolah (Pelan Pembangunan Pendidikan Maaysia, 2013-2025).

Pernyataan Masalah

Pelaksanaan KBAT di Sabah menjadi fokus utama dalam kajian ini bersesuaian dengan matlamat Jabatan Pendidikan Negeri Sabah yang meletakkan KBAT sebagai salah satu daripada 24 KPI yang harus dicapai dengan sekurang-kurangnya mendapat satu taraf cemerlang dalam penarafan KBAT berdasarkan SKPMg2 pada tahun 2019. Namun begitu, hanya 7 buah sekolah sahaja yang berjaya mencapai taraf cemerlang tersebut daripada 48 buah sekolah yang mewakili 24 buah Pejabat Pendidikan Daerah masing-masing (Jabatan Pendidikan Negeri Sabah, 2018). Terdapat beberapa penyelidik iaitu Nor Hasmaliza *et al.* (2016) dan Wan *et al.* (2017) telah mendapati guru kurang diberi pendedahan berkaitan strategi dan kaedah pengajaran serta pedagogi KBAT menjadi punca pelaksanaan KBAT kurang berkesan.

Objektif Kajian

Penyelidik meletakkan objektif utama yang ingin dikenal pasti di dalam kajian ini. Objektif kajian ini dapat menjelaskan hala tuju sebenar kajian yang dijalankan. Berikut adalah objektifkajian:

- i. Mengenal pasti tahap pelaksanaan KBAT dalam kalangan guru di sekolah menengah negeri Sabah.

SOROTAN LITERATUR

Sorotan literatur yang dilakukan ke atas pelaksanaan KBAT guru menunjukkan bahawa terdapat beberapa penyelidikan yang berkaitan dengan topik KBAT telah dijalankan. Secara keseluruhannya dapatan penyelidikan yang telah disoroti menunjukkan pelaksanaan KBAT guru berada pada pelbagai tahap. Antaranya ialah kajian Uminur *et al.* (2017) yang menunjukkan tahap pelaksanaan KBAT guru berada pada tahap yang sederhana. Selain itu, Mintana *et al.* (2018) tahap pelaksanaan KBAT adalah masih pada tahap yang rendah bagi beberapa sekolah di negara Uganda. Begitu juga, Noor Hasimah *etal.* (2017) turut mendapati tahap pelaksanaan KBAT yang rendah terutamanya dari aspek pengetahuan, kemahiran dan sikap guru. Sebaliknya, bertentangan dengan kajian Chew (2017) yang menunjukkan pelaksanaan KBAT khususnya aspek pengetahuan adalah berada pada tahap yang tinggi

METODOLOGI KAJIAN

Dalam kajian ini pendekatan yang digunakan ialah kuantitatif. Menurut, Chua (2006) dan Creswell (2009) menyatakan bahawa kaedah tinjauan adalah kaedah yang sangat

populer digunakan dalam penyelidikan bagi bidang Sains Sosial. Oleh itu, reka bentuk kajian adalah bukan eksperimen. Manakala, responden yang dipilih adalah berdasarkan kaedah rawak mudah. Maka dengan itu, hasil analisis statistik deskriptif digunakan untuk menjelaskan tentang tahap variabel yang dikaji berdasarkan kepada min, peratus serta taburan.

Sehubungan dengan itu, dari sudut instrumen kajian pula penyelidik menggunakan kaedah borang soal selidik untuk memperolehi maklumat yang sahih, tepat dan betul. Instrumen kajian yang digunakan adalah diadaptasi daripada penyelidik terdahulu yang ditelaah diuji dan sesuai digunakan dalam kajian ini. Instrumen tersebut adalah diadaptasi daripada Soal selidik *Teaching of Higher Order Thinking Skills* oleh Rajendran (1998). Proses kesahan dan kebolehpercayaan instrumen kajian telah dijalankan. Didapati bahawa nilai *Cronbach alpha* (kebolehpercayaan) dan *Kaiser Mayer Olkin* (analisis faktor) bagi instrumen tersebut secara keseluruhannya adalah melebihi 0.80.

Alat ukur kajian ini telah melalui proses adaptasi dan telah disesuaikan dengan konteks penyelidikan ini. Selain itu, alat ukur ini juga telah diuji dan disahkan oleh pakar dalam bidang berkaitan serta telah melalui prosedur yang ketat. Manakala, responden yang terlibat dalam kajian ini adalah terdiri daripada 12 buah sekolah mewakili 12 buah Pejabat Pendidikan Daerah serta enam bahagian dalam negeri Sabah.

DAPATAN KAJIAN

Sebanyak 400 borang soal selidik telah diedarkan kepada responden dalam penyelidikan ini. Selepas itu, baharulah proses analisis deskriptif dijalankan. Dapatan kajian menunjukkan bahawa pelaksanaan KBAT guru berada pada tahap tinggi. Penelitian terhadap nilai min menunjukkan responden berpendapat pelaksanaan KBAT adalah berada pada tahap yang tinggi.

Berdasarkan jadual 1, pelaksanaan KBAT berada pada tahap tinggi iaitu nilai min adalah sebanyak 3.85 dan sisihan piawai sebanyak 0.19.

Jadual 1: Nilai min Pemboleh ubah

Pemboleh ubah	N (bilangan)	Min	Sisihan Piawai
Pelaksanaan KBAT	400	3.85	0.19

PERBINCANGAN DAN IMPLIKASI

Dapatan dalam kajian ini memberikan implikasi dan manfaat yang sangat berfaedah terutamanya kepada para guru khususnya terhadap aspek pelaksanaan KBAT dalam PdP di sekolah. Sungguhpun kajian ini hanya tertumpu kepada pelaksanaan KBAT

di negeri Sabah sahaja, namun penemuan ini boleh diaplikasikan juga oleh guru-guru di seluruh Malaysia secara amnya. Diharapkan melalui kajian ini, hasilnya dapat menambah baik lagi pelaksanaan KBAT guru di sekolah. Di samping itu, dapat meningkatkan prestasi pencapaian sekolah serta memperhebatkan lagi kualiti pendidikan khususnya di negeri Sabah.

Justeru itu, perbincangan dalam bahagian ini adalah lebih tertumpu kepada implikasi teori dan model, penyelidikan serta pengalaman. Kesimpulannya, kajian ini menunjukkan bahawa teori dan model berkaitan dengan pemboleh ubah yang dikaji adalah masih relevan dengan situasi dan keadaan semasa.

Sehubungan dengan itu, penemuan kajian ini mendapati bahawa pelaksanaan KBAT guru berada pada tahap yang tinggi. Dapatan ini menepati hasrat KPM yakni meletakkan pelaksanaan KBAT guru sebagai elemen penting yang harus dikuasai oleh para guru untuk membangunkan kualiti pendidikan negara supaya setanding dengan kualiti pendidikan di peringkat global.

Oleh itu, sudah pasti para guru perlu mempunyai pengetahuan yang luas berkaitan KBAT, kemahiran yang pelbagai untuk melaksanakan pedagogi berunsur KBAT serta sikap yang positif terhadap pelaksanaan KBAT iaitu sentiasa terbuka dan bersedia untuk melaksanakan KBAT semasa proses pengajaran dan pembelajaran di sekolah. Hasil penyelidikan ini dapat membuka ruang seterusnya memberi peluang kepada pengkaji akan datang untuk membuat kajian selanjutnya.

KESIMPULAN

Hasil penemuan kajian ini mendapati bahawa tahap pelaksanaan KBAT guru di Sabah adalah tinggi. Hal ini menunjukkan bahawa ilmu pengetahuan, kemahiran dan sifat positif terhadap pelaksanaan KBAT di sekolah juga berada pada tahap yang tinggi. Justeru itu, dapatan ini menunjukkan pelaksanaan KBAT guru yang berkesan dari aspek pengetahuan, kemahiran dan sikap guru diyakini mampu meningkatkan kualiti pendidikan di Malaysia secara amnya.

RUJUKAN

- Bloom, B. A. (1956). *Taxonomy of Education Objectives-Book 1 Cognitive Domain*. London: Longman Group Limited.
- Chen, M.H. (2016). Theoretical Framework for Integrating Higher-order Thinking into L2 Speaking. *Theory and Practice in Language Studies*, 6(2), 217.
- Chew Bee Gek. (2017). *Pengetahuan dan Pengaplikasian Kemahiran Berfikir Aras Tinggi dalam Kalangan Guru Teknik dan Vokasional*. Batu Pahat: Universiti Tun Hussein Onn Malaysia.
- Chua, Y. P. (2006). *Kaedah dan Statistik Penyelidikan*. Kuala Lumpur: McGraw Hill.

- Creswell, J. W. (2009). *Research Design: Qualitative, Quantitative, and Mixed Method Approaches (3rd ed)*. USA: Sage Publication, Inc.
- Mitana, J. M. V., Muwagga, A. M., & Ssempala, C. (2018). Assessment of Higher Order Thinking Skills: A Case of Uganda Primary Leaving Examinations. *African Educational Research Journal*, 6(4), 240-249.
- Noor Hasimah, H & Effandi, Z. (2017). Kesediaan Guru Matematik dalam Melaksanakan Pengajaran dan Pembelajaran KBAT. *National Pre-University Seminar 2017*, 14-23.
- Nor Hasmaliza, H, & Zamri, M. (2016). Persepsi Guru Bahasa Melayu Sekolah Menengah Terhadap Kemahiran Berfikir Aras Tinggi. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 6(2), 78–90.
- Raiyn, J., & Tilchin, O. (2015). Higher-Order Thinking Development through Adaptive Problem-based Learning. *Journal of Education and Training Studies*, 3(4), 93–100.
- Rajendran, N. (1998). *Teaching Higher Order Thinking Skills in Language Classroom: The Needs for Transformation of Teacher Practice*. (Tesis Doktor Falsafah) Michigan State University.
- Uminur, A & Effandi, Z. (2017). Persepsi Guru Matematik Terhadap Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) Semasa Pengajaran dan Pembelajaran di Dalam Bilik Darjah. *Seminar Pendidikan Transdisiplin (STEd 2017)*, Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia, 699-

PENGETAHUAN DAN KEMAHIRAN GURU BAHASA MELAYU TERHADAP AMALAN PEDAGOGI TERBEZA DI SEKOLAH RENDAH: SATU TINJAUAN AWAL

Law Yien Hua¹, Dr Ng Lee Fong²
Institut Pendidikan Guru Kampus Kent

ABSTRAK

Pedagogi terbeza merupakan strategi pengajaran yang menekankan kepelbagaian gaya pembelajaran. Kajian ini dijalankan secara kuantitatif dengan menggunakan soal selidik bagi mengenal pasti tahap dan hubungan pengetahuan, kemahiran dan amalan guru Bahasa Melayu (BM) dalam melaksanakan pedagogi terbeza di sekolah rendah. Responden terdiri daripada 30 orang guru BM di sekolah rendah daerah Bintulu. Data dianalisis secara statistik deskriptif dan inferensi melalui perisian Statistical Package for the Social Sciences (SPSS) versi 29.0. Dapatan tinjauan awal menunjukkan bahawa skor min bagi tahap pengetahuan adalah 4.20, tahap kemahiran adalah 4.11 dan tahap amalan adalah 4.05. Dapatan awal ini juga menunjukkan terdapat hubungan erat antara pengetahuan dan kemahiran guru BM dengan amalan melaksanakan pedagogi terbeza. Kesimpulannya, guru BM mempunyai tahap pengetahuan, kemahiran dan amalan yang tinggi dalam pelaksanaan pedagogi terbeza di sekolah rendah.

Kata kunci: *pedagogi terbeza, pengetahuan, kemahiran, amalan, guru Bahasa Melayu*

PENGENALAN

Pedagogi terbeza ialah strategi pengajaran yang menekankan keperluan setiap murid di dalam kelas untuk memberikan pendidikan yang saksama kepada murid. Strategi ini melibatkan guru menentukan tahap penguasaan dan kemampuan murid terlebih dahulu agar dapat mengambil kira kemampuan semua murid semasa merancang aktiviti pengajaran yang dilaksanakan di dalam kelas. Dalam strategi ini, guru perlu mengaplikasi pelbagai pendekatan untuk mengubahsuaikan kurikulum pembelajaran berdasarkan tahap kebolehan dan keperluan murid, malah murid tidak perlu menukar gaya pembelajaran untuk mengikuti kurikulum. Pada masa kini, pelaksanaan pedagogi terbeza masih tidak digunakan meluas dalam proses pengajaran dan pembelajaran (PdP). Salah satu faktor ialah guru masa kini masih kerap menggunakan buku teks dan pengajaran berpusatkan guru dalam proses PdP (Zamri & Anita, 2020). Kaedah tradisional seperti ini tidak dapat memenuhi kehendak murid yang berbeza di dalam kelas. Oleh itu, guru perlu melengkapkan diri dengan ilmu pengetahuan dan menguasai pelaksanaan pedagogi terumatanya pendekatan pedagogi terbeza untuk membantu murid yang pelbagai meningkatkan penguasaan mereka dalam bidang akademik.

PERNYATAAN MASALAH

Dasar pengasingan kelas telah dimansuhkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sepenuhnya bermula tahun 2019. Pemansuhan dasar pengasingan kelas ini

telah menyebabkan kepelbagaian murid dari segi aras pencapaian, pemahaman dan keupayaan yang berada di kelas yang sama. Perkara ini telah menimbulkan satu cabaran kepada guru, yakni guru perlu memilih kaedah pengajaran yang memenuhi kehendak murid yang berbagai-bagai di dalam satu kelas. Justeru, KPM telah memperkenalkan satu pendekatan pengajaran baharu kepada guru melalui Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) gelombang kedua, iaitu pedagogi terbeza yang menekankan kepada kepelbagaian strategi pengajaran bagi memenuhi keperluan murid yang berbeza-beza (Zurina et al., 2022). Namun, pelaksanaan amalan pedagogi terbeza masih berada pada peringkat sederhana dalam kalangan guru disebabkan kekurangan pendedahan, kursus dan latihan kepada guru untuk menerajui kemahiran pedagogi ini. Pernyataan ini juga disokong oleh Danial dan Zamri (2020) bahawa amalan pengajaran terbeza masih kurang diterapkan dalam kalangan guru BM di sekolah rendah pendalaman. Hal ini disebabkan guru-guru BM masih belum mempunyai ilmu pengetahuan yang cukup dan mendalam terhadap pedagogi terbeza untuk menjadikannya sebagai amalan pengajaran seharian mereka. Oleh itu, pengkaji ingin meninjau tahap dan hubungan pengetahuan, kemahiran dan amalan guru BM dalam melaksanakan pedagogi terbeza di sekolah rendah.

TINJAUAN LITERATUR

Berdasarkan analisis dan pemerhatian, didapati bahawa terdapat beberapa kajian tentang pelaksanaan pedagogi terbeza dalam PdP telah dilaksanakan oleh pengkaji-pengkaji lepas. Antaranya ialah kajian “Pelaksanaan Pendekatan Pengajaran Terbeza Dalam Kalangan Guru BM Yang Mengajar Di Sekolah Rendah Pendalaman Kategori 3” yang dilaksanakan oleh Danial dan Zamri pada tahun 2020. Berdasarkan dapatan kajiannya, guru BM mempunyai tahap pengetahuan yang sederhana rendah, iaitu min 2.95. Hal ini melambangkan kebanyakan guru novis BM masih kurang didedahkan dengan pengetahuan tentang pedagogi terbeza. Bagi tahap pelaksanaan amalan pedagogi terbeza pula, min keseluruhan yang didapati dalam kajian ini ialah min 2.47, di mana menunjukkan bahawa pelaksanaan amalan pedagogi terbeza masih belum meluas diaplikasi dalam PdP. Namun, min bagi tahap penerimaan guru-guru BM terhadap pedagogi terbeza ialah 3.46 yang menunjukkan bahawa rata-rata responden amat berkehendak untuk mengetahui tentang pedagogi terbeza dengan lebih mendalam.

Hanita dan Anuar (2023) juga telah melaksanakan kajian “Pengajaran Terbeza: Kajian Tinjauan terhadap Guru Sejarah Sekolah Menengah di Sabah”. Kajiannya telah melibatkan 233 orang responden yang merupakan guru-guru Sejarah yang mengajar di sekolah menengah negeri Sabah. Terdapat lima aspek yang telah dinilai dalam kajian ini, iaitu tahap pengetahuan, tahap penerimaan, tahap kesediaan, tahap amalan dan tahap cabaran yang dihadapi oleh guru apabila menjalankan pengajaran terbeza. Dapatan kajian telah mempamerkan kesemua lima aspek ini mempunyai skor min yang tinggi. Dapatan ini juga telah memaparkan bahawa guru-guru telah menghadapi banyak cabaran semasa melaksanakan pedagogi terbeza sungguhpun mereka mempunyai pengetahuan dan kesediaan yang tinggi serta menjadikannya sebagai amalan. Berdasarkan kajian ini, cabaran yang paling besar

untuk menjayakan pengajaran terbeza dikaitan dengan beban tugas guru, bilangan murid yang terlalu besar dalam satu kelas, ketidakcukupan bahan bantu mengajar, pengurusan masa dan kekurangan prasarana. Justeru, pihak yang terlibat haruslah meneroka setiap cabaran yang diketengahkan untuk meningkatkan amalan guru dalam melaksanakan pengajaran terbeza.

OBJEKTIF KAJIAN

Secara khusus, objektif kajian ini adalah untuk:

1. Mengenal pasti tahap pengetahuan guru BM terhadap pedagogi terbeza.
2. Mengenal pasti tahap kemahiran guru BM terhadap pedagogi terbeza.
3. Mengenal pasti tahap amalan guru BM dalam melaksanakan pedagogi terbeza.
4. Menentukan hubungan antara pengetahuan guru BM dengan amalan pedagogi terbeza.
5. Menentukan hubungan antara kemahiran guru BM dengan amalan pedagogi terbeza.

HIPOTESIS KAJIAN

Berikut merupakan kenyataan hipotesis bagi kajian ini:

H₀₁ Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara pengetahuan guru BM dengan amalan pedagogi terbeza.

H₀₂ Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara kemahiran guru BM dengan amalan pedagogi terbeza.

METODOLOGI KAJIAN

Reka Bentuk Kajian

Reka bentuk kajian yang digunakan dalam kajian ini adalah berdasarkan penyelidikan kuantitatif yang menggunakan kaedah kajian tinjauan deskriptif untuk mengenal pasti pengetahuan dan kemahiran guru BM terhadap amalan pedagogi terbeza di sekolah rendah.

Sampel Kajian

Populasi dalam kajian ini tertumpu kepada guru-guru yang mengajar mata pelajaran BM di sekolah rendah daerah Bintulu sahaja. Pengkaji menggunakan jenis persampelan secara bertujuan yang mengumpul maklumat dari sekumpulan sampel yang ditentukan dan bertepatan dengan objektif kajian (Suriana & Khadijah, 2020). Kajian ini telah melibatkan seramai 30 orang responden.

Instrumen Kajian

Dalam kajian ini, instrumen kajian yang telah dibangunkan untuk mendapatkan data ialah menggunakan soal selidik melalui *google form*. Penilaian dalam borang soal selidik yang dibangunkan dalam kajian ini telah menggunakan nilai skala Likert 5 mata, iaitu 1 = Sangat Tidak Setuju (STS), 2 = Tidak Setuju (TS), 3 = Tidak Pasti (TP), 4 = Setuju (S) dan 5 = Sangat Setuju (SS). Jumlah item soalan kesemuanya dalam instrumen kajian ini sebanyak 36 item seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 1. Berdasarkan Bond & Fox (2015), nilai *Cronbach Alpha* 0.8 hingga 1.0 bermaksud instrumen kajian sangat baik dan efektif dengan tahap konsistensi yang tinggi. Soal selidik ini mempunyai nilai *Cronbach Alpha* 0.967. Dengan ini, instrument ini mempunyai ketekalan yang tinggi.

Jadual 1

Taburan Item Soal Selidik

Bahagian	Elemen	Jumlah Item
A	Maklumat Demografi Responden	3
B	Pengetahuan Guru BM Terhadap Pedagogi Terbeza	10
C	Kemahiran Guru BM Terhadap Pedagogi Terbeza	13
D	Amalan Guru BM dalam Melaksanakan Pedagogi Terbeza	10
Jumlah		36

Analisis Data

Data dianalisis secara deskriptif melalui perisian SPSS versi 29.0 bagi mengukur nilai min, kekerapan, peratusan tahap pengetahuan, tahap kemahiran dan tahap amalan guru dalam melaksanakan pedagogi terbeza di sekolah rendah daerah Bintulu. Data ini juga akan dianalisis secara inferensi untuk mengenal pasti hubungan antara pengetahuan dan kemahiran guru BM dengan amalan melaksanakan pedagogi terbeza. Bagi kajian ini, analisis terhadap maklumat demografi responden merangkumi latar belakang responden, iaitu jantina, umur dan pengalaman mengajar akan dilaksanakan secara deskriptif melalui taburan frekuensi dan peratusan. Pengkaji juga akan menggunakan interpretasi skor min untuk menentukan tahap min bagi setiap pemboleh ubah yang dikaji. Skala tahap nilai min adalah berdasarkan garis panduan skor min yang digunakan oleh Pallant (2010) dalam Siti Nurbaizura dan Nurfaradilla (2020). Selain itu, pengkaji akan mengaplikasi analisis *Korelasi Pearson* untuk mendapatkan statistik inferensi dalam kajian ini bagi menentukan hubungan antara dua pemboleh ubah tidak bersandar, iaitu pengetahuan dan kemahiran guru BM terhadap pedagogi terbeza dengan pemboleh ubah bersandar, iaitu amalan guru BM dalam melaksanakan pedagogi terbeza. Nilai kekuatan hubungan ini akan menggunakan skala kajian Hair et al. (2007) dalam Low dan Faridah (2022).

DAPATAN KAJIAN

Dapatan kajian difokuskan kepada 4 bahagian, iaitu demografi responden kajian, tahap pengetahuan guru BM terhadap pedagogi terbeza, tahap kemahiran guru BM terhadap pedagogi terbeza dan tahap amalan guru BM dalam melaksanakan pedagogi terbeza.

Demografi Responden Kajian

Paparan data pada Jadual 2 merupakan bilangan demografi responden yang akan dijelaskan secara deskriptif. Kajian ini telah melibatkan 30 orang responden yang terdiri daripada 7 orang guru lelaki (23.3%) dan 23 orang guru perempuan (76.7%). Kebanyakan responden berada pada peringkat umur 31 hingga 40 tahun, iaitu seramai 18 orang (60%). Seterusnya, diikuti oleh responden yang berumur dalam 41 hingga 50 tahun, iaitu 10 orang (33.3%). Hanya seorang responden (3.3%) yang berumur 20 hingga 30 tahun dan seorang responden (3.3%) yang berumur 51 tahun ke atas telah dijadikan responden bagi kajian ini. Dari aspek pengalaman mengajar, kebanyakan responden mempunyai pengalaman mengajar selama 6 hingga 10 tahun, iaitu 12 orang (40%) dan seterusnya diikuti dengan responden yang berpengalaman mengajar selama 1 hingga 5 tahun, iaitu 8 orang (26.7%). Terdapat 7 orang responden (23.3%) mempunyai pengalaman mengajar selama 15 tahun ke atas dan 3 orang lagi responden (10%) mempunyai pengalaman mengajar selama 11 hingga 15 tahun. Melalui data yang dianalisis ini, dapat disimpulkan bahawa kebanyakan responden yang terlibat merupakan guru perempuan, berumur 31 hingga 40 tahun dan mempunyai pengalaman mengajar selama 6 hingga 10 tahun.

Jadual 2

Taburan Demografi Responden

	Kriteria	Kekerapan (N=30)	Peratusan (%)
Jantina	Lelaki	7	23.3
	Perempuan	23	76.7
Umur	20-30 tahun	1	3.3
	31-40 tahun	18	60
	41-50 tahun	10	33.3
	51 tahun ke atas	1	3.3
Pengalaman Mengajar	1-5 tahun	8	26.7
	6 – 10 tahun	12	40
	11 – 15 tahun	3	10
	15 tahun ke atas	7	23.3

Tahap Pengetahuan Guru BM Terhadap Pedagogi Terbeza

Jadual 3

Bil	Pernyataan item	STS	TS	KS	S	SS	Min
		1	2	3	4	5	
B1	Saya tahu tentang konsep pedagogi terbeza.	-	-	-	20 (66.7%)	10 (33.3%)	4.33
B2	Saya tahu elemen-elemen pedagogi terbeza.	-	-	2 (6.7%)	20 (66.7%)	8 (26.7%)	4.20
B3	Saya tahu cara membezakan pengajaran melalui isi kandungan.	-	-	2 (6.7%)	18 (60%)	10 (33.3%)	4.27
B4	Saya tahu cara membezakan pengajaran melalui proses.	-	-	4 (13.3%)	20 (66.7%)	6 (20%)	4.07
B5	Saya tahu cara membezakan pengajaran melalui produk (hasil pembelajaran murid).	-	-	2 (6.7%)	20 (66.7%)	8 (26.7%)	4.20
B6	Saya tahu cara membezakan pengajaran melalui persekitaran.	-	-	2 (6.7%)	24 (80%)	4 (13.3%)	4.07
B7	Saya tahu cara mengajar berdasarkan kesediaan murid.	-	-	1 (3.3%)	21 (70%)	8 (26.7%)	4.23
B8	Saya tahu cara mengajar berdasarkan minat murid.	-	-	2 (6.7%)	21 (70%)	7 (23.3%)	4.17
B9	Saya tahu cara mengajar berdasarkan profil pembelajaran murid.	-	-	4 (13.3%)	19 (63.3%)	7 (23.3%)	4.10
B10	Saya tahu kepentingan pedagogi terbeza.	-	-	1 (3.3%)	18 (60%)	11 (36.7%)	4.33
Keseluruhan							4.20

Pengetahuan Guru BM Terhadap Pedagogi Terbeza

Jadual 3 memperincikan taburan min bagi konstruk tahap pengetahuan. Semua item berada pada tahap interpretasi tinggi, iaitu 4.07 hingga 4.33. Item tertinggi ditunjukkan pada item B1 “*Saya tahu tentang konsep pedagogi terbeza*” dan B10 “*Saya tahu kepentingan pedagogi terbeza*” dengan nilai min 4.33. Item B4 “*Saya tahu cara membezakan pengajaran melalui proses*” dan B6 “*Saya tahu cara membezakan pengajaran melalui persekitaran*” memperoleh nilai min terendah, iaitu 4.07. Lain-lain item berada pada skala min 4.10 hingga 4.27. Kajian ini secara total mencatatkan tahap pengetahuan guru BM di sekolah rendah daerah Bintulu terhadap

pedagogi terbeza berada pada tahap tinggi yang mana min keseluruhannya adalah pada 4.20.

Tahap Kemahiran Guru BM Terhadap Pedagogi Terbeza

Jadual 4

Bil	Pernyataan item	STS	TS	KS	S	SS	Min
		1	2	3	4	5	
C1	Saya dapat mengenal pasti tahap kesediaan murid terhadap sesuatu tajuk yang ingin diajar.	-	-	-	22 (73.3 %)	8 (26.7 %)	4.27
C2	Saya dapat mengubah suai kandungan pelajaran mengikut kesediaan murid.	-	-	-	22 (73.3 %)	8 (26.7 %)	4.27
C3	Saya dapat mengenal pasti minat setiap murid.	-	-	4 (13.3 %)	17 (56.7 %)	9 (30%)	4.17
C4	Saya dapat mengubah suai proses pengajaran mengikut minat murid.	-	-	2 (6.7%)	20 (66.7 %)	8 (26.7 %)	4.20
C5	Saya dapat menunjukkan kepada murid bagaimana mata pelajaran yang diajar ada kaitan dengan minat tertentu.	-	1 (3.3 %)	5 (16.7 %)	15 (50%)	9 (30%)	4.07
C6	Saya dapat membantu murid memperoleh minat baharu dengan menyediakan kurikulum yang menarik.	-	-	3 (10%)	21 (70%)	6 (20%)	4.10
C7	Saya dapat menggunakan alat (soal selidik) untuk mengetahui profil pembelajaran murid.	-	2 (6.7 %)	3 (10%)	21 (70%)	4 (13.3 %)	3.90
C8	Saya dapat menggunakan alat (kajian) untuk mengetahui profil pembelajaran murid.	-	1 (3.3 %)	5 (16.7 %)	21 (70%)	3 (10%)	3.87
C9	Saya dapat menggunakan alat (pemerhatian) untuk mengetahui profil pembelajaran murid.	-	-	2 (6.7%)	24 (80%)	4 (13.3 %)	4.07
C10	Saya dapat menggunakan alat (temu bual) untuk mengetahui profil pembelajaran murid.	-	-	4 (13.3 %)	22 (73.3 %)	4 (13.3 %)	4.00
C1	Saya dapat membezakan	-	-	4	21	5	4.03

1	produk (hasil pembelajaran murid) dengan memberikan bahan yang berbeza mengikut profil pembelajaran murid.			(13.3 %)	(70%)	(16.7 %)	
C1	Saya dapat menyusun atur persekitaran bilik darjah yang kondusif.	-	-	3 (10%)	15 (50%)	12 (40%)	4.30
C1	Saya dapat mengawal dan memantau proses pelaksanaan pedagogi terbeza.	-	-	4 (13.3 %)	17 (56.7 %)	9 (30%)	4.17
Keseluruhan							4.11

Kemahiran Guru BM Terhadap Pedagogi Terbeza

Berdasarkan hasil kajian dalam Jadual 4, didapati bahawa nilai min yang diperoleh secara keseluruhannya bagi tahap kemahiran guru BM terhadap pedagogi terbeza berada pada tahap yang tinggi, iaitu dengan nilai min 4.11. Nilai min bagi item C12 “*Saya dapat menyusun atur persekitaran bilik darjah yang kondusif*” berada pada paras tertinggi, iaitu min 4.30 diikuti item C1 “*Saya dapat mengenal pasti tahap kesediaan murid terhadap sesuatu tajuk yang ingin diajar*” dan C2 “*Saya dapat mengubah suai kandungan pelajaran mengikut kesediaan murid*” dengan min 4.27. Item C8 “*Saya dapat menggunakan alat (kajian) untuk mengetahui profil pembelajaran murid*” ialah item yang memperoleh min terendah, iaitu min 3.87, tetapi masih dikategorikan pada min tahap tinggi. Secara keseluruhannya, guru BM di zon Bintulu mempunyai tahap kemahiran yang tinggi terhadap pedagogi terbeza dan dapat melaksanakannya dengan berkesan.

Tahap Amalan Guru BM Dalam Melaksanakan Pedagogi Terbeza

Jadual 5

Amalan Guru BM dalam Melaksanakan Pedagogi Terbeza

Bil	Pernyataan item	ST	TS	KS	S	SS	Min
		1	2	3	4	5	
D1	Saya sentiasa melaksanakan pra ujian untuk mengetahui tahap kesediaan murid.	-	-	9 (30%)	17 (56.7 %)	4 (13.3 %)	3.83
D2	Saya sentiasa menyesuaikan kandungan pelajaran mengikut tahap kesediaan murid.	-	-	3 (10%)	20 (66.7 %)	7 (23.3 %)	4.13

D3	Saya sentiasa merancang aktiviti mengikut kesesuaian ruang dan suasana pembelajaran.	-	-	3 (10%)	19 (63.3%)	8 (26.7%)	4.1 7
D4	Saya sentiasa mempelbagaikan soalan berdasarkan keupayaan murid.	-	-	2 (6.7%)	19 (63.3%)	9 (30%)	4.2 3
D5	Saya sentiasa membenarkan murid bekerja secara individu.	-	1 (3.3%)	6 (20%)	21 (70%)	2 (6.7%)	3.8 0
D6	Saya sentiasa membenarkan murid bekerja secara berkumpulan.	-	-	2 (6.7%)	22 (73.3%)	6 (20%)	4.1 3
D7	Saya sentiasa memberi peluang kepada murid untuk memilih kumpulan mengikut minat mereka.	-	5 (16.7%)	6 (20%)	17 (56.7%)	2 (6.7%)	3.5 3
D8	Saya sentiasa memberi kebebasan kepada murid untuk menunjukkan produk (hasil pembelajaran murid) melalui cara yang berbeza.	-	-	4 (13.3%)	22 (73.3%)	4 (13.3%)	4.0 0
D9	Saya sentiasa melaksanakan pentaksiran secara berterusan bagi memastikan objektif pembelajaran tercapai.	-	-	2 (6.7%)	18 (60%)	10 (33.3%)	4.2 7
D10	Saya sentiasa memberi dorongan kepada murid yang memerlukan pemulihan.	-	-	-	19 (63.3%)	11 (36.7%)	4.3 7
Keseluruhan							4.0
Keseluruhan							5

Dapatan kajian menunjukkan skor min keseluruhan adalah 4.05 yang menunjukkan tahap amalan guru BM dalam melaksanakan pedagogi terbeza adalah pada tahap yang tinggi. Skor min item yang paling tinggi adalah pada item D10 (min 4.37) yang menyebut “*Saya sentiasa memberi dorongan kepada murid yang memerlukan pemulihan*”, manakala skor min yang paling rendah adalah pada item D7 (min 3.53), iaitu “*Saya sentiasa memberi peluang kepada murid untuk memilih kumpulan mengikut minat mereka*”. Item-item lain berada pada skala min 3.80 hingga 4.27 yang mana masih dikategorikan pada tahap yang tinggi. Secara ringkasnya, guru BM di sekolah rendah daerah Bintulu dapat mengamalkan pedagogi terbeza dalam proses PdP.

Hubungan Antara Pengetahuan Guru BM Dengan Amalan Pedagogi Terbeza


Jadual 6

Hubungan Antara Pengetahuan Guru BM Dengan Amalan Pedagogi Terbeza

Konstruk		Amalan Guru dalam melaksanakan pedagogi terbeza
Pengetahuan Guru Terhadap Pedagogi Terbeza	Korelasi Pearson	.803**
	Sig.	.000

Graf 1

Hubungan Antara Pengetahuan Guru BM Dengan Amalan Pedagogi Terbeza



Pengkaji telah mengkaji hubungan antara pengetahuan guru BM dengan amalan pedagogi terbeza yang dipaparkan dalam Jadual 6 dan Graf 1. Dapatan kajian menunjukkan bahawa nilai *Korelasi Pearson* merupakan 0.803** dan tahap signifikan p merupakan 0.000. Tahap signifikan ini lebih kecil daripada 0.05. Keputusan ini telah membuktikan bahawa terdapat hubungan yang signifikan positif pada tahap kuat antara pengetahuan guru BM dengan amalan pedagogi terbeza, di mana faktor pengetahuan dapat mempengaruhi amalan guru BM dalam melaksanakan pedagogi terbeza. Oleh itu, H_{01} ditolak.


Hubungan Antara Kemahiran Guru BM Dengan Amalan Pedagogi Terbeza
 Jadual 7

Hubungan Antara Kemahiran Guru BM Dengan Amalan Pedagogi Terbeza

Konstruk	Amalan Guru dalam melaksanakan pedagogi terbeza	
Kemahiran Guru Terhadap Pedagogi Terbeza	Korelasi Pearson	.878**
	Sig.	.000

Graf 2

Hubungan Antara Kemahiran Guru BM Dengan Amalan Pedagogi Terbeza



Jadual 7

dan Graf 2 menunjukkan hasil ujian *Korelasi Pearson* yang mendapati terdapat hubungan yang signifikan positif pada tahap kuat antara kemahiran guru BM dengan amalan pedagogi terbeza. Nilai *Korelasi Pearson* yang didapati ialah 0.878**, manakala tahap signifikan lebih kecil daripada 0.05, iaitu 0.000. Oleh hal yang demikian, hipotesis menyatakan tidak terdapat hubungan signifikan antara kemahiran guru BM dengan amalan pedagogi terbeza, iaitu H_0 ditolak. Hal ini menunjukkan bahawa amalan guru BM dalam melaksanakan pedagogi terbeza dapat terjejas akibat kemahiran mereka.

PERBINCANGAN KAJIAN

Tahap Pengetahuan Guru BM Terhadap Pedagogi Terbeza

Menurut Fadilla dan Zamri (2019), ilmu pengetahuan merupakan salah satu elemen yang penting dalam kehidupan manusia untuk melaksanakan tugas sehari-hari. Sebagai seorang guru perlulah mempunyai pengetahuan yang tinggi dan terperinci berkaitan mata pelajaran dan strategi pengajaran yang sesuai untuk diaplikasikan ke dalam pembelajaran murid. Berdasarkan dapatan kajian dalam Jadual 3, pengkaji mendapati tahap pengetahuan guru BM di sekolah rendah daerah Bintulu secara keseluruhannya adalah berada pada tahap yang tinggi. Dapatan kajian ini selari dengan kajian yang telah dijalankan oleh Ain (2021) di mana kajian tersebut mendapati bahawa tahap pengetahuan guru BM terhadap pedagogi terbeza adalah tinggi kerana guru telah mengikuti kursus atau perkongsian profesional yang dilaksanakan serta mengakses pelbagai bahan bacaan untuk memperoleh maklumat yang lebih terperinci dan mendalam terhadap pedagogi terbeza. Oleh itu, hasil kajian yang memperlihatkan persepsi yang positif atas ilmu pedagogi ini jelas menunjukkan guru BM di sekolah rendah daerah Bintulu berpengetahuan dan sedar perlunya perubahan dalam amalan pengajaran bagi memastikan kecemerlangan murid dapat dikecapi.

Tahap Kemahiran Guru BM Terhadap Pedagogi Terbeza

Berdasarkan dapatan kajian dalam Jadual 4, tahap kemahiran guru BM di sekolah rendah daerah Bintulu adalah tinggi. Seterusnya, didapati juga kebanyakan guru dapat menyusun atur persekitaran bilik darjah yang kondusif. Persekitaran pembelajaran yang kondusif akan dapat meningkatkan hasil pembelajaran dan mempengaruhi pencapaian dan sikap murid. Pernyataan ini juga disokong oleh Vasanth dan Azlina (2022) bahawa persekitaran pembelajaran dapat mempengaruhi pencapaian, kepuasan dan kejayaan guru serta murid. Menurut Ainnieda dan NorAzwanum (2023) pula, kemahiran pedagogi yang kurang akan menyebabkan guru-guru tidak mampu mengendalikan pedagogi terbeza secara berkesan. Dapatan ini juga menunjukkan bahawa guru BM di sekolah rendah daerah Bintulu berkemahiran untuk melaksanakan pedagogi terbeza dalam proses PdP. Mereka dapat melaksanakan setiap langkah yang diperlukan untuk menjayakan pedagogi terbeza dalam proses PdP. Oleh itu, dapat disimpulkan bahawa guru BM di sekolah rendah daerah Bintulu telah dilengkapi dengan kemahiran yang boleh membantu mereka berjaya melaksanakan pedagogi terbeza dalam proses PdP.

Tahap Amalan Guru BM Dalam Melaksanakan Pedagogi Terbeza

Menurut Noradzimah Abdul Majid et al. (2022), amalan pedagogi terbeza semakin penting kerana ia merupakan salah satu kemahiran pembelajaran yang perlu diberi perhatian kepada murid agar mereka mampu bergerak seiring dengan keperluan era melenium baru ini. Amalan pengajaran guru yang baik dan berkesan dapat memberi impak yang baik ke atas proses pembelajaran seseorang murid. Melalui kajian yang dilaksanakan ini, didapati amalan pelaksanaan pedagogi terbeza dalam kalangan guru BM di sekolah rendah daerah Bintulu berada pada tahap tinggi. Dapatan ini juga

selaras dengan dapatan oleh Hanita dan Anuar (2023) dalam kajiannya bahawa amalan pelaksanaan pengajaran terbeza dalam kalangan guru Sejarah adalah pada tahap tinggi. Seterusnya, dapatan Rathaneswaary dan Ruhizan (2022) juga menunjukkan tahap amalan pedagogi terbeza dalam kalangan guru pemulihan khas adalah tinggi. Dapatan ini juga disokong oleh Rosidah dan Nurahimah (2020) bahawa amalan pengajaran terbeza guru-guru berada pada tahap yang baik. Secara ringkasnya, dapatan kajian ini telah membuktikan bahawa kebanyakan guru BM di sekolah rendah daerah Bintulu mengamalkan pedagogi terbeza secara meluas dengan mengekalkan aspek-aspek yang terkandung dalam pedagogi terbeza.

Hubungan Antara Pengetahuan Guru BM Dengan Amalan Pedagogi Terbeza

Kajian mencatatkan bahawa terdapat hubungan yang signifikan antara pengetahuan guru BM dengan amalan pedagogi terbeza di mana nilai *Korelasi Pearson* yang didapati ialah 0.803** dan tahap signifikan p ialah 0.000. Dapatan ini menunjukkan hubungan yang kuat antara pengetahuan guru BM dengan amalan pedagogi terbeza. Oleh itu, hipotesis menyatakan tidak terdapat hubungan signifikan antara pengetahuan guru BM dengan amalan pedagogi terbeza, iaitu H_{01} ditolak. Dapatan ini disokong oleh Sri Andayani et al. (2021) bahawa aspek pengetahuan memberikan sumbangan yang tersendiri di dalam menjayakan amalan pengajaran guru. Oleh hal yang demikian, dapat dirumuskan bahawa faktor pengetahuan akan mempengaruhi tahap amalan guru BM di sekolah rendah daerah Bintulu dalam melaksanakan pedagogi terbeza.

Hubungan Antara Kemahiran Guru BM Dengan Amalan Pedagogi Terbeza

Berlandaskan Jadual 7, didapati pembolehubah kemahiran guru BM menunjukkan nilai pekali korelasi 0.878** berada pada hubungan yang kuat terhadap amalan pedagogi terbeza. Hal ini menjelaskan bahawa terdapat hubungan yang signifikan dan kuat antara kemahiran guru BM dengan amalan pedagogi terbeza. Amalan pelaksanaan pedagogi terbeza akan meningkat sekiranya tahap kemahiran berada pada prestasi yang baik. Sebaliknya, amalan pelaksanaan pedagogi terbeza akan rendah jika kemahiran tidak dimiliki oleh guru BM. Dapatan ini juga disokong oleh Norazlin dan Siti Rahaimah (2019) bahawa kemahiran akan mempengaruhi persepsi dan amalan guru terhadap pembelajaran abad ke-21. Maka, H_{02} gagal diterima kerana faktor kemahiran dapat menjejaskan tahap amalan guru BM di sekolah rendah daerah Bintulu dalam melaksanakan pedagogi terbeza.

KESIMPULAN

Bagi menghasilkan PdP yang lebih berkesan dan kondusif, guru hendaklah sentiasa melengkapkan diri dengan pengetahuan berkaitan pedagogi terbeza supaya dapat melaksanakan pedagogi terbeza dengan lebih cekap dalam PdP. Seterusnya, kecekapan dan kesanggupan guru untuk melaksanakan pedagogi terbeza dalam PdP juga harus sentiasa dipupuk supaya aktiviti PdP yang dirancang dapat memenuhi keperluan pembelajaran setiap murid. Kegagalan guru untuk menjalankan pedagogi terbeza di dalam kelas akan menambah masalah tingkah laku negatif murid seperti tidak memberi perhatian semasa guru mengajar, berbual-bual dengan kawan-kawan

dan sebagainya kerana guru telah mengabaikan keperluan pembelajaran mereka. Oleh itu, guru hendaklah membudayakan amalan pedagogi terbeza dalam PdP supaya dapat memenuhi setiap kehendak murid tanpa meniadakan hak keperluan mereka bagi menguasai isi pembelajaran.

RUJUKAN

Ainnieda Lataq Impak & Nor Azwahanum Nor Shaid. (2023). Pembelajaran Terbeza Dalam Pengajaran Kemahiran Membaca Sekolah Rendah. *Jurnal Dunia Pendidikan*, 5(1), 205-216. <https://doi.org/10.55057/jdpd.2023.5.1.17>

Ain Nur Atika Agus. (2021). TAHAP PENGETAHUAN DAN KESEDIAAN GURU BAHASA MELAYU DALAM MELAKSANAKAN PENDEKATAN TERBEZA DALAM PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN DI RUMAH SEMASA TEMPOH PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN (The Level of Knowledge and Readiness Malay Language Teachers' to Implementation Different Approach in Home Teaching and Learning during Movement Control Order). *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 11(1), 75-87.

Bond, T. G., & Fox, C. M. (2015). *Applying The Rasch Model Fundamental Measurement in the Human Sciences*. (Routledge & T. & F. Group, Eds.) (Third Edit). New York & London.

Danial Arif Abdul Muttalip & Zamri Mahamod. (2020). Pelaksanaan pendekatan terbeza pengajaran terbeza dalam kalangan guru bahasa Melayu yang mengajar di sekolah rendah pedalaman kategori 3. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 10(2): 29-42.

Fadilla Layang & Zamri Mahamod. (2019). Tahap Pengetahuan, kesediaan dan sikap guru Bahasa Melayu sekolah rendah dalam melaksanakan pengajaran dan pembelajaran peta pemikiran i-Think. *Jurnal Pendidikan Malaysia*, 44(1), 37-44. <http://dx.doi.org/10.17576/JPEN-2019-44.01-05>

Hanita Ladjarun & Anuar Ahmad. (2023). Pengajaran Terbeza: Kajian Tinjauan Terhadap Guru Sejarah Sekolah Menengah di Sabah. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 8(1). <https://doi.org/10.47405/mjssh.v8i1.2050>

Low, Z.X. & Faridah Mydin Kutty. (2022). Hubungan antara Iklim Sekolah dan Efikasi Kendiri dengan Komitmen Guru Novis Sekolah Rendah. *Jurnal Dunia Pendidikan*, 4(2), 172-185. <https://doi.org/10.55057/jdpd.2022.4.2.16>

Noradzimah Abdul Majid, Azyanzuhaila Hasan Basri, Lavaneesvari Manogaran, Rohani Abdul Wahab, Ismail Hj Raduan, Hamden Gani, and Siti Nurashiken Md Sabudin. (2022). Tahap Penguasaan Guru-Guru Novis (Lanjutan) Matematik Sekolah Rendah Dalam Pelaksanaan Pengajaran Dan Pembelajaran Terbeza Kandungan. *ICELAM*, 2(2-12), 498-509.

- Norazlin Mohd Rusdin & Siti Rahaimah Ali. (2019). Amalan dan cabaran pelaksanaan pembelajaran abad ke-21. In *International Conference on Islamic Civilization and Technology Management*, 87-105.
- Rathaneswaary Derbala & Ruhizan M. Yasin. (2022). Tahap Pengetahuan, Penerimaan, Kesediaan dan Amalan Pengajaran Guru Pemulihan Khas Terhadap Pengajaran Terbeza. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 7(4). <https://doi.org/10.47405/mjssh.v7i4.1445>
- Rosidah Ramli & Nurahimah Mohd Yusoff. (2020). Pengaruh pengetahuan pedagogi kandungan terhadap amalan Pedagogi Terbeza guru-guru sekolah menengah zon pantai timur Malaysia. *International Conference Teacher Education*, 2, 9-20.
- Safiek Mokhlis. (2021). Persepsi dan Pelaksanaan Pendekatan Pengajaran Terbeza Dalam Kalangan Guru Prasekolah. *Borneo International Journal eISSN 2636-9826*, 4(3), 9-18.
- Siti Nurbaizura Che Azizan & Nurfaradilla Mohamad Nasri. (2020). Pandangan Guru Terhadap Pembelajaran dalam Talian melalui pendekatan Home Based Learning (HBL) semasa tempoh Pandemik COVID-19: Teacher's View on Online Learning through Home Based Learning approach (HBL) during period COVID-19 Pandemic. *PENDETA*, 11, 46-57. <https://doi.org/10.37134/pendeta.vol11.edisikhas.4.2020>
- Sri Andayani Mahdi Yusuf, Mohd. Aderi Che Noh & Khadijah Abdul Razak. (2021). Amalan Guru Dalam Pengajaran Subjek Maharat Al-quran Kurikulum Bersepadu Tahfiz. *Journal of Quran Sunnah Education and Special Needs*, 5, 39-50. <https://doi.org/https://doi.org/10.33102/jqss.vol5no2.120>
- Suriana Che Awang & Khadijah Alavi. (2020). Buli siber: impak emosi dalam kalangan pelajar UKM. *Jurnal Wacana Sarjana*, 4(5), 1-9.
- Vasanth Balan & Azlina Abu Bakar. (2022). Menentukan Faktor Fizikal Dan Aspek Psikososial Pelajar Di Dalam Bilik Darjah: Mewujudkan Stardard Piawaian Di Sekolah. *Jurnal Dunia Pendidikan*, 4(2), 63-68. <https://doi.org/10.55057/jdpd.2022.4.2.6>
- Zamri Mahamod & Anita Abdul Rahman. (2020). *Kesamarataan Akses Pendidikan*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Zurina Mustaffa, Zaharah Hussin dan Abdul Muhsien Sulaiman. (2022). Reka bentuk pembangunan model pedagogi terbeza berasaskan elemen kandungan pelajaran tilawah al-Quran sekolah rendah di Malaysia: pendekatan fuzzy delphi. *Sains Insani* 7(1), 61-70. <https://doi.org/10.33102/sainsinsani.vol7no1.380>

HUBUNGAN ANALISIS DAN PELAKSANAAN RISIKO TERHADAP KREDIBILITI JURULATIH DALAM AKTIVITI FIZIKAL BERISIKO TINGGI

Suhairullah Bin Omar Ramih(PhD)¹(kentyeyeng@gmail.com)

Fadzilah Binti Patman(PhD)² (fadz_dila@yahoo.com.my)

Kasim Bin Md.Mansur(PhD)³ (kmansur@ums.edu.my)

Roslee Bin Talip(Phd)⁴ (Roslee_73@ums.edu.my)

Muddin Bin Beting⁵ (muddin.beting@moe.gov.my)

^{1,2}*Institusi Pendidikan Guru Kampus Kent,*

^{3,4}*Universiti Malaysia Sabah,*

⁵*Jabatan Pendidikan Negeri Sabah.*

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk mengetahui sejauh mana dapat dilihat dari sudut pandang hubungan risiko dan kredibiliti jurulatih dalam melaksanakan aktiviti fizikal berisiko tinggi (AFBT). Kajian ini dijalankan melalui tinjauan dan melibatkan 276 pelajar. Kajian menggunakan kajian Pirontha dan Megat Ahmad (2021), Roslee dan Muazzin (2015) dan Rohana et al., (2015) yang telah diubah suai dan disesuaikan untuk berfungsi sebagai panduan instrumen kajian. Kajian telah dianalisis menggunakan Pakej Statistik untuk Sains Sosial (SPSS) dan dilaporkan dalam bentuk statistik deskriptif dan inferensi ringkas menggunakan kekerapan, peratusan min dan korelasi. Hasil kajian menunjukkan bahawa H_0 yang menjelaskan tidak ada hubungan diantara analisis risiko, pelaksanaan risiko dengan kredibiliti jurulatih adalah ditolak. Kajian menunjukkan hubungan analisis risiko dengan kredibiliti jurulatih berada pada aras korelasi yang kuat dan signifikan ($r=0.523$, $p=0.00<0.05$). Manakala hubungan pelaksanaan risiko dengan kredibiliti jurulatih juga menunjukkan aras kekuatan yang jauh lebih kukuh dan signifikan ($r=0.597$, $p=0.00<0.05$). Hubungan analisis risiko dan pelaksanaan risiko juga menunjukkan kekuatan korelasi yang lebih tinggi ($r=0.675$, $p=0.00<0.05$). Kajian ini membantu mengukuhkan kesimpulan yang dibina pengkaji lepas dan menghasilkan sudut pandang positif mengenai hubungan kredibiliti jurulatih dengan analisis dan pelaksanaan risiko.

Kata Kunci: kredibiliti, analisis risiko, pelaksanaan risiko, aktiviti fizikal berisiko tinggi.

PENGENALAN

Pengajaran kokurikulum yang berlaku di Malaysia mempunyai potensi perkembangan cukup baik. Perkembangan ini dilihat lebih bersinar dengan fungsi Pusat Kokurikulum yang diwujudkan di peringkat Universiti dan Jabatan Pendidikan Negeri (Mahammad Amran, 2013). Pengajaran kokurikulum yang melibatkan aktiviti

fizikal banyak memberikan impak dan kesan yang baik terhadap individu yang terlibat (Kementerian Kesihatan Malaysia, 2018; Malek dan Tajuddin, 2022; Masrom *et al.*, 2022; Goh *et al.*, 2023). Selaras dengan hasrat Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK), pendidikan kokurikulum digunakan untuk membangunkan modal insan yang cergas, kreatif, berdaya saing dan mempunyai jati diri (Kalaiselvan dan Ahmad Kamaluddin, 2021). Malah Acebes-Sánchez *et al.*, (2019) secara jelas memberi dapatan bahawa pelajar yang mempunyai masa terluang dan terlibat dengan aktiviti fizikal memperoleh skor yang lebih baik dalam kecerdasan emosi. Hal ini bermakna pelajar yang terlibat dalam aktiviti fizikal mempunyai keupayaan dan kebolehan dalam kecerdasan emosi yang lebih baik berbanding pelajar yang tidak melibatkan diri dalam aktiviti fizikal. Malaysia pada masa kini memerlukan suatu mekanisme pembelajaran aktiviti fizikal (kokurikulum) yang lebih menyeluruh dalam menyokong kurikulum Pendidikan. Justeru, adalah agak berbaloi mempunyai aktiviti fizikal yang mampu memberikan sesuatu yang boleh digunakan dalam membangunkan modal insan mengikut falsafah Pendidikan negara. Sungguhpun begitu, bagi aktiviti kokurikulum di dalam pendidikan luar, kebanyakan aktiviti fizikal berisiko tinggi, berbahaya dan mampu mengakibatkan kemalangan jiwa jika tidak dilaksanakan bertepatan dengan prosedur keselamatan dan kekurangan kepakaran dalam melaksanakannya (Md Amin *et al.*, 2011; Fatimah Mustaffa *et al.*, 2011; Mata *et al.*, 2022).

OBJEKTIF KAJIAN

Objektif kajian ini dilaksanakan adalah untuk melihat hubungan dimensi yang terlibat terhadap perkara berikut-

1. Melihat hubungan analisis risiko dengan pelaksanaan risiko
2. Melihat hubungan analisis risiko dengan kredibiliti jurulatih
3. Melihat hubungan pelaksanaan risiko dengan kredibiliti jurulatih

KAJIAN LITERATUR

Aktiviti fizikal merupakan suatu aktiviti yang melibatkan pergerakan tubuh badan secara fizikal yang disokong oleh otot rangka dengan melibatkan tenaga yang dipacu mengikut kemampuan melaksanakan aktiviti yang bermaksud sebarang aktiviti biasa dan harian seperti berbasikal, berjalan, berkebun dan menyapu juga termasuk takrifan ini (WHO, 2020). Aktiviti fizikal dapat membantu meningkatkan kecerdasan emosi (Zhang *et al.*, 2022). Namun Faktor risiko dan keselamatan masih lagi menjadi perkara yang difikirkan di dalam aktiviti fizikal sama ada melibatkan kanak-kanak ataupun yang lebih lanjut (Sharma-Brymer dan Bland, 2016). terdapat kajian lepas menunjukkan bahawa aktiviti fizikal mampu memberi risiko kepada peserta yang terlibat secara umum (Kamis *et al.*, 2017; Nurul 'Atiqah dan Mohd Radzani, 2018; Pirontha dan Megat Ahmad, 2021).

Kebanyakan tenaga pengajar aktiviti fizikal yang melaksanakan aktiviti pengajaran berisiko tinggi pada ketika ini memfokuskan corak pengajaran berdasarkan kepada pengalaman lepas mereka dalam membantu peserta menghadapi

cabaran aktiviti fizikal berisiko tinggi. Hal ini dinyatakan oleh abidah ainah (2018) dalam usaha memantapkan corak pembangunan kerangka pengurusan risiko pendidikan luar didalam kajiannya. Keadaan ini secara tidak langsung disokong oleh (Muhammad Suhaimi *et al.*, 2021) dengan memberi gambaran bahawa kakitangan sukan dan jurulatih perlu mempunyai pengetahuan yang mencukupi tentang pengurusan risiko serta berinovatif.

Pengurusan risiko yang mantap dan selamat akan mampu meningkatkan keaktifan pelajar dalam aktiviti fizikal (sukan). Di sudut pandangan lain, BMI peserta juga mungkin merupakan suatu faktor yang boleh dilihat menjerus kearah peningkatan risiko dalam aktiviti berisiko tinggi. Peserta mempunyai BMI yang berlebihan mempunyai potensi mendapat pelbagai penyakit selain meningkatkan risiko mereka dalam penglibatan aktiviti fizikal (Kamis *et al.*, 2017; Masrom *et al.*, 2022). Manakala kajian Marwa dan Fariza, (2022) juga memberi suatu perspektif bahawa telefon yang sering digunakan oleh pelajar membawa kepada gaya hidup tidak aktif, justeru pelajar cenderung melakukan aktiviti fizikal berdasarkan kepada minat, keseronokan, penampilan dan sosial serta faktor kecergasan. Kajian ini juga memperlihatkan cadangan agar pihak pengurusan peka dengan keperluan pelajar bagi mempromosikan aktiviti fizikal yang bermanfaat.

Di Malaysia, Kementerian Pendidikan Malaysia menyedari perkara ini lebih awal dengan menyediakan buku panduan pengurusan kokurikulum untuk sekolah menengah dan sekolah rendah (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2002). Buku panduan yang dikeluarkan ini bertujuan bagi memberi panduan kepada tenaga pengajar tatacara melaksanakan aktiviti kokurikulum dengan selamat disamping mengurangkan risiko kemalangan semasa menjalankan aktiviti kokurikulum. Ketika risiko-risiko dan kemalangan yang berlaku dalam setiap aktiviti diberi perhatian tentang kelemahan pelaksanaannya, kredibiliti tenaga pengajar (jurulatih) sering dikaitkan secara tidak langsung dalam hal ini (Noorasikin *et al.*, 2018; Pirontha dan Megat Ahmad, 2021). Kelemahan-kelemahan tenaga pengajar (jurulatih) antara yang sering diketengahkan sebagai perkara yang memberi kesan kepada aktiviti fizikal terutama yang berisiko tinggi (Norfazira Azman *et al.*, 2020). Sungguhpun begitu, terdapat juga kajian yang menunjukkan tenaga pengajar mempunyai kemampuan yang baik dalam melaksanakan aktiviti fizikal dengan pengurusan risiko yang baik (Sulaiman *et al.*, 2019; Mohd Ghazali dan Wan Norhayati, 2019; Mohd Azly *et al.*, 2021; Haizul Azzuan dan Tajul Arifin, 2021). Justeru, kajian ini mengambil pendekatan melihat hubungan diantara analisis risiko, pelaksanaan risiko dengan kredibiliti tenaga pengajar (jurulatih) yang terlibat dalam melaksanakan aktiviti kokurikulum (aktiviti fizikal berisiko tinggi).

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini telah menggunakan kaedah tinjauan yang menggunakan borang soal selidik Kalaiselvan dan Megat Ahmad (2021) dan borang soal selidik Roslee dan Muazzin (2015) yang telah diubah suai untuk digunakan kepada pelajar yang menjadi responden kajian. Analisis data dilakukan menggunakan SPSS Versi 23.0. Reka

bentuk kajian ialah jenis kajian sains sosial yang bukan eksperimental yang menggunakan pendekatan kuantitatif. Ia menggunakan statistik deskriptif dan inferens untuk mengkaji pembolehubah yang berkaitan dengan fenomena tanpa mempersoalkan sebab-sebab yang mendorong kewujudannya (Majid, 1990). Kajian ini melibatkan semua 477 pelajar yang menyertai program kokurikulum pendidikan luar Bina Insan Guru di Kampus Kent Institut Pendidikan Guru Malaysia di Lok Nunuk, Tuaran. Bagi populasi seramai 480 orang, sampel minimum yang sesuai adalah 214 orang, dan untuk populasi seramai 460 orang, sampel minimum yang sesuai adalah 210 orang menurut jadual pengiraan sampel Krejcie dan Morgan (1970). Oleh itu, daripada populasi pelajar 477 yang disertakan dalam kajian ini, 276 daripada mereka yang menjawab telah memenuhi syarat persampelan. Kajian ini memfokuskan kepada ujian korelasi diantara dimensi yang terlibat, justeru penilaian terhadap tahap korelasi adalah dilihat menerusi pandangan Cohen, L., Manion, L., Morrison, K. (2007).

DAPATAN KAJIAN

Hasil kajian berdasarkan jadual dibawah menunjukkan bahawa Ambilan PISMP JUN 2020 merupakan responden yang paling ramai terlibat dalam kajian iaitu seramai 175 reponden (63.4%). Manakala ambnila kedua yang paling ramai menjadi responden bagi kajian ini adalah PISMP JUN 2022 dengan kekerapan sebanyak 74 responden (26.8%). Manakala ambilan Jun 2019 berada di tempat ketiga dengan jumlah kekerapan sebanyak 25 (9.1%) dan akhir sekali iaitu lain-lain ambilan sebanyak 2 kekerapan (0.7%).

Jadual 1: Kumpulan Ambilan Pelajar

	Frequency	Percent	Cumulative Percent
Pismp Jun 2022 (Pismp Jun 2021-Mei 2026)	74	26.8	26.8
Pismp Jun 2020 (Pismp Jun 2020-Mei 2024)	175	63.4	90.2
Pismp Jun 2019 (Pismp Jun 2019-Mei 2023)	25	9.1	99.3
Lain-Lain	2	.7	100.0
Total	276	100.0	

Bagi tujuan melihat hubungan, ujian korelasi Pearson telah dijalankan untuk tujuan ini. Dengan berpandukan kepada jadual korelasi dibawah, hasil kajian menunjukkan bahawa terdapat hubungan korelasi positif antara kesemua dimensi (analisis risiko dengan pelaksanaan risiko, analisis risiko dengan kredibiliti jurulatih, pelaksanaan risiko dengan kredibiliti jurulatih). Dimensi pertama yang harus diketengahkan

dalam kajian ini adalah hubungan diantara analisis risiko dengan pelaksanaan risiko yang menghasilkan kekuatan korelasi pada aras yang kuat dan lebih baik berbanding pelaksanaan risiko. Pada nilai signifikan $p=0.000$, nilai r bagi korelasi analisis risiko dengan pelaksanaan risiko adalah 0.675 ($0.000 < 0.005$). Korelasi dimensi yang seterusnya dapat dilihat pada pelaksanaan risiko dengan kredibiliti jurulatih.

Pada aras signifikan 0.000 , korelasi diantara dimensi yang terlibat memberikan nilai $r= 0.597$ yang juga menjelaskan suatu hubungan yang kuat diantara pelaksanaan risiko dan kredibiliti jurulatih ($r=0.597$, $0.000 < 0.005$). Korelasi yang ketiga dapat dilihat menerusi dimensi analisis risiko dengan kredibiliti jurulatih. Hubungan ini juga menunjukkan suatu aras korelasi yang masih lagi berada pada aras kuat dengan nilai signifikan 0.000 ($r=0.523$, $0.000 < 0.005$). Secara keseluruhan berdasarkan kepada dapatan kajian ini, suatu andaian mudah dapat dibuat dengan menjelaskan bahawa hubungan yang berlaku adalah positif dan berkadar langsung iaitu persepsi peserta memperlihatkan bahawa semakin baik analisis risiko, maka semakin baik juga kredibiliti jurulatih dipandang oleh peserta dan sebaliknya. Hal yang sama juga berlaku kepada pelaksanaan risiko, semakin tinggi dan baik pelaksanaan risiko maka semakin tinggi dan baik juga kredibiliti jurulatih.

Jadual 2: Korelasi antara dimensi

		Kredibiliti	Analisis Risiko	Pelaksanaan Risiko
Kredibiliti	Pearson Correlation	1	.523**	.597**
	Sig. (2-tailed)		.000	.000
	N	276	276	276
Analisis Risiko	Pearson Correlation	.523**	1	.675**
	Sig. (2-tailed)	.000		.000
	N	276	276	276
Pelaksanaan Risiko	Pearson Correlation	.597**	.675**	1
	Sig. (2-tailed)	.000	.000	
	N	276	276	276

** . Correlation is significant at the 0.01 level (2-tailed).

PERBINCANGAN

Hasil kajian diatas menunjukkan suatu perkara utama iaitu kemampuan dan kebolehan jurulatih dalam melaksanakan tugas-tugas berisiko tinggi dalam aktiviti fizikal boleh dipercayai memandangkan keputusan analisis risiko dan pelaksanaan risiko memberikan dapatan yang baik dengan kredibiliti jurulatih itu sendiri. Terdapat banyak kajian yang mengarah kepada keperluan penambahbaikan sistem pengurusan, kaedah pelaksanaan dan juga pengurus-pengurus program kokurikulum yang secara umumnya merujuk kepada guru-guru, jurulatih dan pensyarah-pensyarah atau individu-individu yang terlibat dalam melaksanakan aktiviti fizikal (Abidah Aina, 2018; Noorasikin *et al.*, 2018; Mata *et al.*, 2022; Marwa dan Fariza, 2022). Keperluan kepada penambahbaikan ini berlaku disebabkan beberapa kes-kes kemalangan yang

berlaku dalam melaksanakan aktiviti fizikal. Sungguhpun terdapat kes yang berlaku bersifat terpencil, namun ia masih lagi menunjukkan kearah kelemahan dalam sesuatu sistem tersebut (Berita Harian, 3 Oktober 2017).

Kajian ini memberi sokongan kepada dapatan Sulaiman *et al.*, 2019 yang melihat kesedaran dalam pengurusan risiko aktiviti zipline yang merupakan salah satu daripada aktiviti fizikal berisiko tinggi. Sulaiman *et al.*, 2019 menunjukkan kesedaran peserta dalam pengurusan risiko berada pada tahap tinggi sekaligus mempunyai kaitan secara tidak langsung terhadap kajian ini yang menunjukkan persepsi peserta terhadap analisis risiko dan pelaksanaannya berada tahap yang baik sehingga memberi keputusan yang baik kepada kredibiliti jurulatih itu sendiri. Kajian Haizul Azzuan dan Tajul Arifin (2021) juga dilihat selari dengan dapatan kajian ini sungguhpun dapatan kajian Haizul Azzuan dan Tajul Arifin (2021) berkaitan sikap dan amalan keselamatan diandaikan positif tetapi lemah dari segi korelasi yang wujud namun masih menunjukkan sebenarnya pelaksanaan risiko yang melibatkan keselamatan masih dipengaruhi oleh sikap pelaksana itu sendiri. Kajian ini melihat bahawa dapatan pengkaji lepas telah diperkukuhkan menerusi dapatan kajian ini memandangkan pelaksanaan risiko selepas proses analisis risiko mempunyai kebergantungan terhadap kredibiliti jurulatih itu mengendalikan aktiviti fizikal yang berisiko tinggi.

KESIMPULAN

Kesimpulannya, kajian ini menunjukkan bahawa kebolehpercayaan jurulatih dalam pengendalian program terletak pada kredibiliti mereka untuk mewujudkan hubungan antara persepsi pelajar dengan pelaksanaan risiko dan analisis risiko. Keputusan pengkaji lepas hubungan mengenai hubungan tidak langsung telah cuba digunakan untuk membuktikan perkara ini. Kajian ini juga menjelaskan secara terperinci hasil ini. Namun, walaupun kredibiliti jurulatih telah mencukupi, sesebuah program akan gagal jika persekitaran program pendidikan luar tidak sesuai (atau terlalu berbahaya) dengan program yang dilaksanakan. Oleh itu, masih ada bahagian yang boleh dibincangkan dan diselesaikan untuk memperbaiki kajian ini supaya ia boleh menjadi lebih kukuh pada masa akan datang.

RUJUKAN

- Kementerian Kesihatan Malaysia. (2018). MyHealth Aktiviti Fizikal. *Kementerian Kesihatan Malaysia*, 1–12. https://www.moh.gov.my/moh/resources/auto_download/images/5ca1b208c1ec2.pdf
- Kementerian Pelajaran Malaysia. (2002). Buku panduan pengurusan aktiviti kokurikulumsekolah rendah dan sekolah menengah.
- Noorasikin Ismail, Zainal Abidin Zainuddin, & Halijah Ibrahim. (2018). Komitmen Terhadap Keselamatan Aktiviti Luar Dan Berisiko dalam Pendidikan. *Sainshumanika*, 2, 57–66.
- Masrom, S. N., Abdul Razak, M. R., & Ismail, E. (2022). Hubungan Antara Penglibatan Aktiviti Fizikal Dengan BMI Dalam Kalangan Murid Perempuan

- Luar Bandar Semasa Pandemik Covid-19. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 7(3), e001337. <https://doi.org/10.47405/mjssh.v7i3.1337>
- Kamis, H., Ahmad Tajiri, A., Ismail, E., & Abdul Razak, M. R. (2017). (Physical Activity Patterns and Relationship with Obesity. *Journal of Education and Social Sciences*, 6(2), 309–317.
- Marwa Abd Malek, & Fariza Mohamad Tajuddin. (2022). Motif Dan Tahap Penyertaan Aktiviti Fizikal Dalam Kalangan Pelajar Kolej Komuniti Sandakan. *Jurnal Penyelidikan Sains Sosial (JOSSR)*, 5(16), 75–82. <https://doi.org/10.55573/JOSSR.051608>
- Goh, E., Yin, L., Koh, D., & Lian, C. (2023). FACTORS OF INVOLVEMENT PHYSICAL ACTIVITIES UNDER. 1–10. <https://doi.org/10.55573/JOSSR.061901>
- Masrom, S. N., Abdul Razak, M. R., & Ismail, E. (2022). Hubungan Antara Penglibatan Aktiviti Fizikal Dengan BMI Dalam Kalangan Murid Perempuan Luar Bandar Semasa Pandemik Covid-19. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 7(3), e001337. <https://doi.org/10.47405/mjssh.v7i3.1337>
- W Nawang, W. N. H., Abdul Razak, M. R., Ahmad, M. F., & Lamat, S. A. (2021). Tahap Penglibatan dalam Aktiviti Fizikal serta Aktiviti Sedentari Pelajar semasa Penularan COVID-19. *Jurnal Sains Sukan Dan Pendidikan Jasmani*, 10(1), 2021–2036.
- Mata, C., Pereira, C., & Carvalhinho, L. (2022). Safety Measures and Risk Analysis for Outdoor Recreation Technicians and Practitioners: A Systematic Review. *Sustainability (Switzerland)*, 14(6), 1–15. <https://doi.org/10.3390/su14063332>
- Acebes-Sánchez, J., Diez-Vega, I., Esteban-Gonzalo, S., & Rodriguez-Romo, G. (2019). Physical activity and emotional intelligence among undergraduate students: A correlational study. *BMC Public Health*, 19(1), 1–8. <https://doi.org/10.1186/s12889-019-7576-5>
- Wang, K., Yang, Y., Zhang, T., Ouyang, Y., Liu, B., & Luo, J. (2020). The Relationship Between Physical Activity and Emotional Intelligence in College Students: The Mediating Role of Self-Efficacy. *Frontiers in Psychology*, 11(June), 1–11. <https://doi.org/10.3389/fpsyg.2020.00967>
- abidah ainah binti Mohamed @jamal. (2018). *pembangunan kerangka pengurusan risikopendidikan luar di institut pendidikan tinggi malaysia*. Universiti Tun Hussein on Malaysia.

TAHAP KREDIBILITI JURULATIH DALAM PROGRAM PENDIDIKAN LUAR (BINA INSAN GURU)

Syibin Bin Japar¹

Suhairullah Bin Omar Ramih (PhD)² (kentyeyeng@gmail.com)

Ahmad Fauzi Bin Mohd Satnih³

Shelen Aderina Kok⁴

Fadzilah binti Patman (PhD)⁵ (fadz_dila@yahoo.com.my)

^{1,2,3,4,5} *Institut Pendidikan Guru Kampus Kent*

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan mengenal pasti tahap persepsi pelajar terhadap kredibiliti jurulatih dari kebolehpercayaan, perlakuan semasa, dinamisisme dan kompetensi jurulatih itu sendiri. Kajian yang dilaksanakan ini berbentuk tinjauan dengan melibatkan sejumlah 276 pelajar yang berjaya ditapis sebagai responden. Instrumen kajian adalah diadaptasi dan diubahsuai daripada kajian Roslee dan Muazzin (2015) dan Rohana *et al.*, (2015) sebagai panduan utama instrumen kajian ini. Kajian telah dianalisis menggunakan *Statistical Package for Social Science (SPSS)* dan dilaporkan kepada bentuk mudah statistik deskriptif yang melibatkan kekerapan, peratusan dan min sahaja. Hasil kajian mendapati nilai min diperoleh oleh dimensi kredibiliti jurulatih berada dalam tahap yang sangat baik. Secara keseluruhan, nilai min kredibiliti jurulatih mempunyai skor tinggi (min = 4.76) dan berada pada tahap sangat baik. Kajian ini memperkukuhkan lagi dapatan-dapatan pengkaji lepas mengenai persepsi pelajar terhadap tenaga pendidik dalam melaksanakan tugas mereka.

PENGENALAN

Reputasi dan keupayaan seorang pendidik (guru, jurulatih, pensyarah) dalam memberikan latihan, arahan, dan nasihat kepada individu atau kumpulan dalam bidang atau disiplin tertentu mampu memberikan impak yang besar dan berbeza kepada pelatih yang terlibat. Kemampuan jurulatih menggunakan pendekatan yang tepat dan bahasa yang mudah difahami memberikan kelebihan dalam menyampaikan pengajaran dan pembelajaran kepada pelatih (Vivekananda, Shahril Nizam, Hasnah, 2021). Kecekapan jurulatih boleh mempengaruhi keyakinan dan kepercayaan pelatih terhadap kemahiran dan pengetahuan mereka. Keadaan ini bermakna jurulatih memainkan peranan yang signifikan dalam menentukan cara bertindak dan pembuatan keputusan peserta berdasarkan contoh atau demonstrasi yang ditunjukkan oleh jurulatih kepada peserta memandangkan aspek kejurulatihan dan persediaan psikologikal salah satu perkara yang sangat kritikal dalam pembinaan insan yang bakal bergelar guru (Mohd Rom *et al.*, 2020). Kecekapan jurulatih itu sendiri bergantung kepada bagaimana pendidikan dan latihan, pengalaman, dan kemahiran diperolehinya. Justeru, jurulatih mempunyai kebarangkalian dilihat sebagai salah satu punca kejayaan dan kegagalan pelatih yang berada dibawah jagaannya. Kredibiliti seseorang pendidik adalah penting dalam mengembangkan guna tenaga buruh mahir dan separuh mahir negara yang sentiasa berubah dan berdaya saing seiring dengan proses globalisasi. Oleh itu, untuk membentuk modal insan yang mapan, seorang

jurulatih mestilah mempunyai kredibiliti dan tahap kompetensi yang kukuh, terlatih dan sentiasa berubah kearah lebih baik untuk melahirkan generasi muda yang berwawasan, berdaya saing dan mempunyai nilai yang tinggi (Md Desa dan Salamuddin, 2022).

Program Bina Insan Guru membantu pelajar membentuk identiti mereka dan mendorong mereka untuk belajar. Aspek keselamatan adalah elemen penting dalam setiap tindakan yang dilakukan semasa melakukan aktiviti yang melibatkan risiko (Haizul Azzuan dan Tajul Arifin, 2021). Dengan memberi mereka pengalaman untuk meningkatkan aspek pengetahuan mereka pada tahap yang terbaik, tanggungjawab ini menjadi amalan setiap jurulatih. Sekiranya aktiviti yang dijalankan adalah berisiko dan boleh menyebabkan kecederaan yang serius, kepentingan keselamatan mesti diutamakan. Walaupun standard prosedur keselamatan telah ditetapkan bahawa setiap pergerakan mesti mengikut ketetapan yang telah dibuat, namun, kebarangkalian berlaku kemalangan semasa melaksanakan aktiviti tetap wujud. Dalam hal ini, kredibiliti jurulatih (guru, pensyarah, jurulatih) sendiri dilihat sebagai suatu sumber yang membantu melaksanakan tugas dalam keadaan ini.

OBJEKTIF KAJIAN

Objektif kajian ini dijalankan adalah untuk:

1. Mengenalpasti tahap kebolehpercayaan jurulatih berdasarkan persepsi pelajar
2. Mengenalpasti tahap kompetensi jurulatih berdasarkan persepsi pelajar
3. Mengenalpasti persepsi pelajar terhadap tahap dinamisme jurulatih
4. Mengenalpasti persepsi pelajar terhadap tahap perlakuan semasa jurulatih
5. Mengenalpasti tahap kredibiliti jurulatih berdasarkan kepada persepsi pelajar.

KAJIAN LITERATUR


Campbell *et al.*, (2018) memberi pandangan bahawa kebarangkalian pelatih mengalami gangguan kekeliruan sementara lebih tinggi dalam aktiviti pendidikan fizikal. Berdasarkan kajiannya, dalam tempoh setahun, seramai 598 pelajar telah mengalami kekeliruan ketika melakukan aktiviti secara umum, 355 pelajar daripada keseluruhan jumlah tersebut mengalami masalah ketika melakukan aktiviti pendidikan fizikal. Situasi ini memberi gambaran berlaku kelompangan dalam aktiviti yang dilakukan oleh pelajar, namun pelbagai faktor mungkin menjadi penyebab kepada keadaan ini.

Manakala Rosli *et al.*, (2022) di dalam kajiannya mengenai kompetensi guru berdasarkan persepsi pelajar telah menunjukkan keputusan tahap kompetensi guru hanya berada pada nilai min: 3.54 daripada skala 1 hingga 5 dan hasilnya menunjukkan juga bahawa tahap motivasi pelajar berada pada nilai yang hampir iaitu 3.91 daripada skala 1 hingga 5. Sungguhpun begitu, nilai korelasi 0.393 pada kajian ini menunjukkan hubungan korelasi yang rendah diantara tahap kompetensi guru dan tahap motivasi pelajar walaupun keputusan kajian adalah signifikan. Pada sisi lain, Kajian sebelum ini (Ling *et al.*, 2017) memberi dapatan bahawa pelajar mempunyai kecenderungan memilih tingkahlaku jurulatih yang berfokus kepada tingkahlaku

arahan dan latihan. Ling *et al.* (2017) telah menyediakan pelajar 5 jenis pilihan tingkahlaku jurulatih yang diinginkan oleh pelajar iaitu tingkahlaku arahan dan latihan, tingkahlaku demokratik, tingkahlaku autokratik, tingkahlaku sokongan sosial dan tingkahlaku maklumbalas positif dengan berpandukan kepada *Manual for Leadership scale of Sport* (Chelladurai dan Saleh, 1980).

Namun suatu hal yang menarik pada kajian tersebut adalah nilai min tingkahlaku arahan dan latihan (4.33) mengatasi nilai min tingkahlaku maklumbalas positif (4.14) dan demokratik (4.11) yang menunjukkan pelajar mempunyai kesediaan lebih tinggi untuk berjaya dalam sesuatu bidang dengan menerima arahan jurulatih berbanding hanya menerima maklumbalas positif. Kajian persepsi pelajar terhadap Pendidikan luar juga telah dilaksanakan pada 2018 (Shamsul ariffin *et al.*, 2018) yang menunjukkan tahap keberkesanan fasilitator secara umum adalah tinggi. Kajian terkebelakang sebelum ini juga mengenai tahap kepemimpinan guru berdasarkan persepsi pelajar mempunyai nilai min yang agak baik dan dapatan kajian juga menunjukkan bahawa imej dan integriti guru, pengajaran dan pembelajaran, kepemimpinan dan keagamaan serta interaksi dengan pelajar memperoleh nilai min yang tinggi (Syed Najmuddin *et al.*, 2009).

Kajian ini melihat dengan lebih spesifik kredibiliti pensyarah atau guru itu sendiri semasa menjadi jurulatih dalam program Pendidikan luar (Bina Insan Guru) yang akan melibatkan beberapa dimensi yang diambil kira sebagai pengukur kepada kredibiliti jurulatih dalam program tersebut. Kajian menggunakan rekabentuk kajian Roslee dan Muazzin (2015) dalam melihat kredibiliti jurulatih ini yang menggunakan 4 dimensi iaitu kebolehpercayaan, kompetensi, dinamisme dan perlakuan semasa. Berdasarkan kepada Roslee dan Muazzin (2015), kebolehpercayaan merujuk kepada tahap persepsi pelajar kepada jurulatih dalam proses penyampaian pengajaran dan pembelajaran. Kompetensi pula merujuk kepada kemampuan atau keupayaan individu tersebut dalam mengimplementasikan tugas yang berkaitan dengan aktiviti-aktiviti yang diinginkan. Manakala dinamisme jurulatih dapat dirujuk sebagai cara jurulatih tersebut berinteraksi dengan pelajar semasa menyampaikan proses pengajaran dan pembelajaran. Seterusnya bagi perlakuan semasa jurulatih, hal ini merujuk kepada corak pelaksanaan bagaimana seseorang jurulatih tersebut bertindak dalam mengurangkan jurang psikologi dan fizikal antara pelajar dan jurulatih.



Rajah 1: Kerangka Konsep
 Sumber: (Roslee dan Muazzin, 2015)

METODOLOGI KAJIAN

Kajian kes ini telah menggunakan teknik tinjauan yang menggunakan borang soal selidik Roslee dan Muazzin (2015) berdasarkan kepada hasil kajian yang dilakukan oleh (Haskin, 2000) dan (Rohana *et al.*, 2015) yang telah digunakan untuk mengubah soal selidik yang diberikan kepada responden kajian (pelajar) dan disesuaikan bagi tujuan kajian ini. Untuk analisis data, SPSS Versi 23.0 digunakan. Rekabentuk kajian merupakan suatu bentuk kajian sains sosial yang bersifat bukan eksperimental dengan menggunakan pendekatan kuantitatif yang melibatkan statistik deskriptif bagi melihat pembolehubah yang berkaitan dengan fenomena tanpa mempersoalkan sebab kewujudannya (Majid, 1990).

Kajian ini melibatkan semua 477 populasi pelajar yang menyertai kokurikulum pendidikan luar (Bina Insan Guru) Institut Pendidikan Guru Malaysia Kampus Kent yang dilaksanakan di Lok Nunuk, Tuaran. Berdasarkan kepada jadual pengiraan sampel Krejcie dan Morgan (1970), bagi populasi seramai 480 orang, sampel minimum yang sesuai adalah 214 responden, manakala bagi populasi seramai 460 orang, sampel minimum yang sesuai adalah 210 responden. Justeru, bagi kajian ini yang mempunyai populasi pelajar seramai 477 orang, sampel yang berjaya ditapis adalah seramai 276 responden yang merupakan suatu bilangan yang telah melepasi syarat persampelan yang ditetapkan.

Manakala bagi borang soal selidik, Soalan telah dibahagikan kepada 4 dimensi. Arahan dan soalan dalam borang soal selidik adalah standard dan sama untuk semua responden yang telah diteliti bagi meningkatkan ketepatan dan kebenaran gerakbalas responden terhadap rangsangan yang diberikan oleh soalan. Selain itu, responden lebih mudah dan berani untuk memberi maklumbalas tentang elemen yang dikaji. Soal selidik ini dibahagikan kepada dua bahagian iaitu bahagian A menggunakan skala nominal, dan soalan mesti ditanda oleh responden dengan (/) yang berkaitan dengan demografi mereka. Bahagian B pula mengandungi soalan mengenai persepsi pelajar terhadap jurulatih. Untuk menilai pemarkahan bahagian B kajian ini, skala yang digunakan ialah menggunakan kaedah skala likert lima mata. Analisis kesahan dan kebolehpercayaan telah dilaksanakan keatas borang soal selidik dan hasilnya nilai Alpha Cronbach bagi kesahan dan kebolehpercayaan ini adalah 0.977 yang menunjukkan soalan-soalan yang terlibat adalah sesuai dan boleh digunakan dengan baik bagi kajian ini. Data dianalisis dengan mengambil kira kekerapan, peratus, min dan sisihan piawai. Manakala, nilai interpretasi min dilihat berdasarkan kepada jadual 1 interpretasi min di bawah:

Jadual 1. Interpretasi Nilai Min

NILAI MIN	INTERPRETASI MIN
1.00 – 1.80	SANGAT LEMAH
1.81 – 2.60	LEMAH
2.61 – 3.40	SEDERHANA
3.41 – 4.20	BAIK
4.21 – 5.00	SANGAT BAIK

Sumber: Jainabee dan Jamil (2009)

DAPATAN KAJIAN

Dapatan kajian pada jadual 2 menunjukkan responden seramai 276 orang terlibat dalam kajian ini. Berdasarkan kepada jadual ini, jumlah reponden lelaki seramai 52 orang dengan nilai 18.8%, manakala responden perempuan yang terlibat adalah seramai 224 orang dengan nilai peratusan 81.2%. Seterusnya pada jadual 3 juga menunjukkan purata nilai gred kumulatif responden (CGPA) yang terlibat dapat dibahagikan kepada 5 kategori bermula dengan CGPA 2.60-2.99 yang melibatkan 1 responden (0.4%), CGPA 3.00-3.33 yang melibatkan 4 responden (1.4%), CGPA 3.34-3.66 yang melibatkan 77 responden (27.9%) dan CGPA 3.67-4.00 melibatkan seramai 194 orang (70.3%) yang menjadi penyumbang terbesar pada kategori ini. Seterusnya pada jadual 4 menunjukkan padanan nilai CGPA dan jantina responden. Dapatan kajian menunjukkan pada kategori CGPA 2.60-2.99 terdapat 1 responden lelaki, pada kategori CGPA 3.00-3.33 terdapat 1 responden lelaki dan 3 responden perempuan, pada kategori CGPA 3.34-3.66 terdapat 22 responden lelaki dan 55 responden perempuan dan akhir sekali pada kategori CGPA 3.67-4.00 seramai 28 responden lelaki dan 166 responden perempuan.

Jadual 2: Jantina

		Frequency	Percent	Cumulative Percent
Valid	LELAKI	52	18.8	18.8
	PEREMPUAN	224	81.2	100.0
Total		276	100.0	

Jadual 3: Nilai Terkini CGPA

		Frequency	Percent	Cumulative Percent
Valid	2.60 - 2.99	1	.4	.4
	3.00 - 3.33	4	1.4	1.8
	3.34 - 3.66	77	27.9	29.7
	3.67- 4.00	194	70.3	100.0
Total		276	100.0	

Jadual 4: Padanan Jantina Dan Nilai Terkini CGPA

		NILAI TERKINI CGPA				Total
		2.60 - 2.99	3.00 - 3.33	3.34 - 3.66	3.67- 4.00	
JANTINA	LELAKI	1	1	22	28	52
	PEREMPUAN	0	3	55	166	224
Total		1	4	77	194	276

Keputusan analisa kajian dengan melihat kepada tahap kredibiliti jurulatih dapat ditunjukkan pada jadual 5 di bawah yang menjelaskan bahawa 4 dimensi yang terlibat memperoleh nilai min yang melebihi skor 4.5 dimulakan dengan persepsi terhadap perlakuan semasa jurulatih yang memperoleh skor min terendah pada nilai 4.69 (s.p, 0.47) dan diikuti oleh dinamisme jurulatih pada nilai skor 4.74 (s.p, 0.41). Seterusnya nilai skor min kompetensi jurulatih adalah 4.80 (s.p, 0.36) dan yang terakhir iaitu skor min kebolehpercayaan terhadap jurulatih memperoleh skor min tertinggi iaitu pada nilai 4.82 (s.p, 0.34). Secara keseluruhan, kredibiliti jurulatih dinilai berdasarkan persepsi responden memperoleh nilai skor min 4.76 (s.p, 0.37) yang berada di dalam kategori sangat baik (Jainabee dan Jamil, 2009).

Jadual 5: Nilai Min

	N	Mean	Std. Deviation
	Statistic	Statistic	Statistic
Perlakuansemasa	276	4.69	.47
Dinamisme	276	4.74	.41
Kompetensi	276	4.80	.36
Kebolehpercayaan	276	4.82	.34
kredibiliti	276	4.76	.37
Valid N (listwise)	276		

PERBINCANGAN

Secara keseluruhannya, dapatan kajian ini memberikan suatu gambaran positif yang signifikan terhadap kredibiliti tenaga pengajar yang terlibat dalam program pendidikan luar (Bina Insan Guru) yang dilaksanakan dalam tahun 2022. Kajian ini memberikan hasil yang unik dan mampu memberi jangkakan bahawa dapatan Campbell *et al.*, (2018) mungkin tidak selari dengan kajian ini memandangkan persepsi peserta yang terlibat terhadap kredibiliti jurulatih secara keseluruhan berada pada paras yang sangat baik terutama pada dimensi kebolehpercayaan dan kompetensi jurulatih itu sendiri. Campbell *et al.*, (2018) menjelaskan pelajar mempunyai masalah mengalami kekeliruan dalam melaksanakan aktiviti pendidikan fizikal, namun hal ini sepatutnya dapat diatasi sekiranya tenaga pengajar yang terlibat memberikan demonstrasi (perlakuan semasa) yang tepat dan lengkap, mempunyai tahap dinamisme yang baik, kompetensi yang tinggi. Justeru hal ini pastiakan memberikan impak kepada kebolehpercayaan terhadap jurulatih itu sendiri.

Dapatan kajian ini juga memberikan gambaran lebih baik berbanding dapatan Rosliet *al.*, (2022) yang menjelaskan tahap kompetensi guru berada pada nilai min 3.54. Kompetensi jurulatih yang terlibat dalam program pendidikan luar (Bina Insan Guru) hampir mencapai nilai 5.0 yang jelas memberikan persepsi bahawa pelajar menilai tenaga pengajar yang terlibat berkebolehan dalam mengendalikan suatu aktiviti yang dilaksanakan. Tinjauan umum juga melihat bahawa jurulatih dalam program Pendidikan luar (Bina Insan Guru) ini banyak menggunakan kaedah tingkahlaku arahan dan Latihan berbanding demokratik.

Keselarian kajian ini dapat dilihat bertepatan dengan Shamsul ariffinet *al.* (2018) melalui kajiannya dengan merujuk kepada keberkesanan fasilitator dalam program Pendidikan luar yang memperoleh nilai min yang sangat baik. Sungguh pun kajian Syed Najmuddin *et al.*, (2009) agak terkebelakang, namun ia masih boleh dibandingkan dengan keputusan kajian ini memandangkan hasil yang diperolehi adalah selari dengan dapatan beliau memandangkan kebolehpercayaan, perlakuan semasa, dinamisme dan kompetensi jurulatih mempunyai pertalian dan perkaitan dengan imej dan integriti guru, pengajaran dan pembelajaran, kepimpinan dan interaksi dengan pelajar.

KESIMPULAN

Sungguh pun kajian ini mempunyai sudut fokus yang agak kecil, namun ia memberikan suatu dapatan yang jelas memberikan pemahaman bahawa para peserta atau pelajar yang terlibat dalam program Pendidikan luar meletakkan jurulatih berada di tempat yang tinggi berdasarkan persepsi mereka. Ini memberikan tanda-tanda awal sebenar mengenai penerimaan dan kepercayaan pelajar terhadap jurulatih adalah tinggi yang menjelaskan pemilihan jurulatih yang memasuki dan bertugas di Institut Pendidikan Guru Kampus Kent dalam melaksanakan program Pendidikan luar ini mempunyai kelayakan yang tepat dan betul dalam mengendalikan program-program yang terlibat.

RUJUKAN

- Campbell, R. A., Gorman, S. A., Thoma, R. J., Annett, R. D., McGrew, C. A., Yeo, R. A., Mayer, A. R., King, J. H., & Rowland, A. S. (2018). Risk of Concussion During Sports Versus Physical Education Among New Mexico Middle And High School Students. *American Journal of Public Health, 108*(1), 93–95. <https://doi.org/10.2105/AJPH.2017.304107>
- Haizul Azzuan Nordin, & Tajul Arifin Mohamad. (2021). Hubungan Antara Pengetahuan Dengan Sikap Keselamatan Terhadap Amalan Keselamatan Jurulatih Utama Pusat Kokurikulum. *International Journal of Education and Pedagogy (IJEAP), 3*(2).
- Jainabee Kassim & Jamil Ahmad. 2009. Kualiti Kepimpinan Pengetua Sekolah-Sekolah Menengah Zon Selatan, Malaysia. Seminar Nasional Pengurusan Dan Kepimpinan Pendidikan Ke-16 Pada 21-24 Julai 2009 Di Auditorium Dato' Razali Ismail, Institut Aminuddin Baki, Genting Highland.
- Krejcie, R. V., & Morgan, D. W. (1970). Educational and Psychological Measurement. *Educational and Psychological Measurement, 30*, 607–610. <https://doi.org/10.1177/0013164405285548>
- Ling, J. C. H., Soh, K. G., Talib, O., & Yusof, A. (2017). Persepsi Atlet Pelajar: Tingkahlaku Kejurulatihan Sukan Balapan Dan Padang. *Movement, Health & Exercise, 6*(2), 135–145. <https://doi.org/10.15282/Mohe.V6i2.153>
- Md Desa, A., & Salamuddin, N. (2022). Tahap Kompetensi Jurulatih Sukan Dalam Melaksanakan Latihan. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH), 7*(3). <https://doi.org/10.47405/Mjssh.V7i3.1358>

- Mohd Rom Muslim, Md. Zawawi Abu Bakar, & Omar, Z. (2020). Kejurulatihan Dan Persediaan Psikologi Atlet Golf: Satu Kajian Fenomena (Coaching and Preparing Psychological Readiness Golf Mohd Rom Muslim, Md. Zawawi Abu Bakar & Pusat Pengajian Psikologi Gunaan, Kerja Sosial Dan Dasar Universiti Utara Malaysia. *Jurnal Pembangunan Sosial*, 23(93–109).
- Rohana, I., Azlin, Y., & Habshah, A. B. (2015). Persepsi pelajar terhadap kredibiliti pengajaran dan pembelajaran (pnp) Pendidik Di Jabatan Kejuruteraan Elektrik, Politeknik Sultan Abdulhalim Muadzam Shah (Polimas): Satu Analisa Keatas Pelajar Semester Akhir Sesi Disember 2013. *Journal on Technical and Vocational Education*, 1(1), 42–51.
- Rosli, M. F., Ahmad, A. R., & M. Nasir, M. K. (2022). Hubungan Antara Kompetensi Guru Dengan Motivasi Murid Untuk Belajar Dalam Norma Baharu. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 7(3), E001373. <https://doi.org/10.47405/mjssh.v7i3.1373>
- Syed Najmuddin Syed Hassan, Ab. Halim Tamuri, Isahak Othaman, & Mohd. Sabri Mamat. (2009). Kajian Persepsi Pelajar Terhadap Tahap Profesionalisme Guru Pendidikan Islam MRSM. *Journal of Islamic and Arabic Education*, 1(2), 31–50. <https://doi.org/10.1007/S13398-014-0173-7.2>
- Vivekananda A/L Marie, Shahril Nizam Sha'ri, Kamaruddin, R., & Hasnah Mohamad. (2021). Pengaruh Penggunaan Bahasa Dalam Laporan Berita Sukan Bola Sepak Terhadap Sikap Jurulatih Dan Pemain Bola Sepak [The *International Social Science and Humanities Journal*, 4(1), 23–37. <http://journal.al-qiyam.net/index.php/my1/article/view>

HADITH DA'IF DALAM AMALAN HARIAN MASYARAKAT MALAYSIA: SATU ANALISIS

Awang Nazrul A.M.¹ (ag_nazrul@hotmail.com)

¹Institut Pendidikan Guru Kampus Kent Tuaran

ABSTRAK

Hadith merupakan sumber berautoriti di dalam Islam selepas al-Quran. Berbeza dengan al-Quran, tidak semua hadith dijamin keautentikannya. Umumnya, hadith terbahagi kepada dua kategori iaitu hadith maqbul (diterima) dan hadith mardud (ditolak). Hadith da'if berada dalam kategori hadith mardud dan merupakan hadith yang lemah. Hadith da'if telah tersebar dalam kalangan masyarakat Islam seawal abad pertama tahun hijrah sehinggalah para ulama hadith telah menetapkan disiplin di dalam periwatan sesuatu hadith yang dinamakan sebagai ilmu al-Jarh wa al-Ta'diyah yang dirangkum di dalam ilmu Ulum al-Hadith. Penyebaran dan penggunaan hadith da'if dalam amalan harian masyarakat Malaysia tidak dapat dinafikan. Justeru, kajian ini berusaha membincangkan bahagian, hukum beramal dan menyebarkan hadith da'if serta mengenalpasti beberapa contoh hadith da'if yang popular dalam amalan harian. Metodologi yang digunakan adalah kajian kepustakaan dan analisis dokumen yang diperolehi dari sumber sekunder iaitu buku-buku ilmiah, jurnal-jurnal dan laman sesawang yang berautoriti. Dapatan kajian menunjukkan terdapat dua bahagian utama hadith da'if, perbezaan mengenai hukum beramal dan menyebarkan hadith da'if serta dapat mengenalpasti beberapa contoh hadith da'if. Kajian ini diharap dapat memberi informasi kepada masyarakat berhubung dengan hadith da'if dan hukum beramal dengannya serta kaedah mengenalpasti hadith da'if.

Kata kunci: hadith da'if, amalan, ulama, perawi, sanad

PENGENALAN

Salah satu ujian besar yang menimpa umat Islam pada abad pertama hijrah adalah tersebarnya hadith-hadith da'if dan *mawdu'* (palsu) dalam kalangan umat yang mana ia berada dalam kategori hadith *mardud*. Sebahagian ulama ketika itu jugatidak terlepas dari ujian ini kecuali mereka yang pakar di dalam menilai sesuatu hadith yang disampaikan. Maka lahir pada ketika itu imam-imam yang besaryang merupakan jaguh-jaguh di dalam ilmu hadith. Nama seperti Sufyan al-Thauri, Sufyan bin Uyainah, al-Laith Ibn Saad, Said al-Musayyab, Ahmad bin Hanbal, al-Bukhari, Yahya bin Main, Ibn Abi Hatim al-Razi dan ramai lagi yang merupakan antara pengkritik-pengkritik hadith yang termuka dan pendahulu umat di dalam pengajian ilmu hadith (Hafiz Firdaus Abdullah, 2004). Daripada merekalah lahirnya beberapa istilah di dalam hadith, topik-topik perbincangan yang berkaitan dengan hadith sehinggalah ilmu hadith ini berkembang dari zaman ke zaman dengan melahirkan tokoh-tokoh hadith hampir setiap abad sampailah ke hari ini. Meskipun lahir jaguh-jaguh di dalam pengajian ilmu hadith ini, hadith Rasulullah SAW tetap tidak terlepas dari pengkhianatan manusia yang tidak bertanggungjawab. Mereka dengan sewenang-wenangnya mendustakan hadith-hadith Rasulullah SAW meskipun telah

ada peringatan daripada baginda SAW tentang pengharaman berdusta atas nama baginda. Nabi bersabda: “*Barangsiapadengan sengaja berdusta terhadapku maka bersedialah mengambil tempatnya dari neraka*” (HR: Al-Bukhari, Muslim, Abu Daud, al-Tirmizi, Ahmad, al- Darimi dan Ibn Majah; Abdul Ghani Azmi, 1999).

Justeru, para ulama hadith inilah berusaha siang dan malam, tidak mengenal erti penat dan lelah demi untuk menjaga ketulenan hadith Rasulullah SAW yang juga merupakan khazanah Islam yang tidak ternilai. Dari zaman berzaman mereka berusaha untuk memastikan yang ini disajikan dengan hadith yang benar-benar berasal dari Rasulullah SAW. Maka lahirlah insan yang pertama di dalam sejarah Islam yang menyediakan kitabnya dengan himpunan hadith-hadith yang sahih yang beliau namakan sebagai *al-Jami' al-Sahih al- Musnad*. Beliau yang dimaksudkan ialah al-Bukhari atau nama sebenarnya Muhammad bin Ismail bin Ibrahim bin al-Mughirah bin Bardizbah al-Bukhari (Muhammad bin Ismail al-Bukhari, 1994). Hasil usaha beliau inilah menjadi contoh ulama hadith terkemudian sampailah ke hari ini di mana kita mendapati telah ada kitab *Sahih Sunan Abu Daud, Sahih Sunan Ibn Majah, Sahih al-Jami' al-Saghir* dan banyak lagi.

Dalam pada itu, peringatan ulama hadith terhadap hadith-hadith da'if juga tidak ketinggalan. Para ulama hadith dari zaman dahulu hinggalah sekarang menghimpunkan hadith-hadith dalam kategori ini di dalam kitab-kitab mereka khusus untuk rujukan umat agar mereka tahu hadith mana yang *maqbul* dan hadith yang mana yang *mardud* (Mohd Farhan Md Ariffin, et.al. 2021). Para ulama hadith telah menetapkan disiplin di dalam periwayatan (penyampaian) sesuatu hadith yang dinamakan sebagai ilmu *al-Jarh wa al-Ta'dil* yang dirangkum di dalam ilmu *Ulum al-Hadith*. Ilmu *al-Jarh wa al-Ta'dil* merupakan suatu ilmu yang membahaskan derajat (kedudukan) perawi (penyampai) hadith dengan menggunakan istilah dan kaedah tertentu (Syed Abdul Majid Ghouri, 2014). Ringkasnya, dengan menggunakan disiplin ilmu ini beserta beberapa kaedah tertentu, para ulama hadith dapat menentukan derajat atau status sesuatu hadith sama ada *maqbul* atau pun *mardud*. Walau bagaimanapun dalam kajian ini, pengkaji tidak akan membincangkan berkenaan dengan ilmu ini, sebaliknya pengkaji akan memfokuskan berkenaan dengan takrif hadith da'if itu sendiri, bahagian-bahagiannya, hukum beramal dan menyebarkan hadith da'if serta mengenalpasti beberapa contoh hadith da'if yang popular dalam amalan harian masyarakat Malaysia.

METODOLOGI

Penggunaan hadith da'if dalam amalan harian merupakan suatu topik yang hangat diperbincangkan dalam kalangan umat Islam bahkan dalam kalangan sarjana Islam itu sendiri. Banyak isu yang muncul dalam topik hadith da'if ini sama adadari segi keujahannya di dalam hukum, perbincangan mengenai statusnya dan hukum beramal dengan hadith da'if itu sendiri. Melihat kepada keadaan ini ada keperluan untuk memfokuskan kajian terhadap hadith da'if dalam amalan harian masyarakat Malaysia dengan membuat analisis berkenaan dengan definisi hadith da'if, bahagian-bahagiannya, hukum beramal dan menyebarkan hadith da'if serta mengenalpasti

beberapa contoh hadith da'if yang popular dalam amalan harian masyarakat Malaysia. Kajian ini menggunakan pendekatan kajian kepustakaan dan analisis dokumen yang diperolehi dari sumber sekunder iaitu buku-buku ilmiah, jurnal-jurnal dan laman sesawang yang berautoriti iaitu laman sesawang ensiklopedia hadith (<https://dorar.net/hadith>) dengan singkatan DNH yang diselia oleh Syeikh 'Alawi bin 'Abd al-Qadir al-Saqqaf (Faisal Ahmad Shah, 2012) dan laman sesawang Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan (<https://www.muftiwp.gov.my/ms/>) dengan singkatan PMWP. Pencarian hadith melalui laman sesawang DNH ini terhad kepada *matan* (teks) hadith dan statusnya sahaja dengan mendapatkan seberapa banyak *matan* hadith yang dipilih sama ada yang sama atau pun hampir sama. Hadith yang dipilih disemak silang dengan menggunakan laman sesawang PMWP dan dokumen ilmiah. Pemilihan status hadith da'if bersandar sepenuhnya kepada laman sesawang DNH dan dokumen ilmiah dengan mengambil kaedah penilaian bagi kedua-dua generasi sarjana hadith iaitu generasi *mutaqaddimin* (klasik) dan generasi *muta'akhirin* (terkemudian) (Mohd Aizol bin Yaakob & Roshimah binti Shamsudin, 2019).

HADITH

Umum mengetahui bahawa hadith merupakan apa yang dikhabarkan daripada Nabi SAW sama ada perkataan, perbuatan, persetujuan (Manna' al-Qattan, 2007) atau pun sifat (perilaku atau postur fizikal Nabi SAW) (Muhammad bin Ibrahim Khiraj, 2006). Secara ringkas, di sini dijelaskan beberapa istilah penting yang berkaitan dengan ilmu al-hadith sebagaimana yang dijelaskan oleh Muhammad bin Soleh al-Uthaimin (1994).

1. *Sahabat*: sahabat adalah orang yang sempat bertemu dengan Nabi SAW dalam keadaan beriman (Islam) dan meninggal di dalam Islam.
2. *Tabi'in*: *tabi'in* adalah orang yang bertemu dengan seorang sahabat dan beriman kepada Nabi SAW serta meninggal dalam keadaan beriman.
3. *Isnad*: *isnad* juga dinamakan sebagai *sanad* iaitu rangkaian para perawi hadith yang menukil (menyampaikan) hadith sehinggalah kepada perekod hadith. Contohnya ucapan al-Bukhari (perekod hadith): Abdullah bin Yusuf telah menceritakan kepada kami, Malik telah mengkhabarkan kepada kami, dari Abu Syihab, dari Anas bin Malik RA bahawasanya Rasulullah SAW bersabda..."

HADITH DA'IF

Sebelum membincangkan dengan lebih lanjut berkenaan dengan hadith da'if yang mana ia merupakan hadith dalam kategori hadith yang *mardud*, adalah penting untuk mengenalpasti syarat hadith yang bukan da'if (hadith sahih). Ada lima syarat penting hadith sahih (*hadith maqbul*) sebagaimana yang dinyatakan oleh Fauzi Deraman (2009):

1. Bersambung *sanad*: setiap perawi menerima secara langsung daripada perawi sebelumnya, daripada permulaan *sanad* sehingga ke penghujungnya.

2. Keadilan perawi: beragama Islam, mukallaf, konsisten dalam melakukanseluruh tuntutan agama dan menjaga maruah.
3. *Dhabit* (ingatan yang sempurna): kekuatan hafalan seorang perawi mengenai apa yang didengarnya dengan menguasai, memahami dan mampu menyampaikan hafalannya, bila-bila masa sahaja.
4. Tiada *Syaz* (tiada kejanggalan): selamat dari percanggahan
5. Tiada *'illah* (kecacatan): selamat dari kecacatan yang tersembunyi

Definisi Hadith Da'if

Dari segi bahasa kata da'if bermaksud lemah, sebagai lawan kata *qawiy* bermaksud kuat. Kata da'if juga bermaksud *saqim* (sakit), lawan kepada kata sahih (Utang Rahuwi Jaya, 1999). Dikatakan, *dha'ufasyai'u* (dilemahkan oleh sesuatu) iaitu kurus, sakit, atau hilang kekuatan dan kesihatannya. Bentuk jamaknya adalah *dhi'aaf* (Abdul Manan Ar-Rasikh, (2006). Maka sebutan Hadith Da'if secara bahasa bermaksud hadith yang lemah, yang sakit atau yang tidak kuat.

Secara istilah, para ulama mendefinisikannya dengan definisi yang berbeza-beza. Akan tetapi pada asasnya mengandungi makna yang sama. Al- Nawawi mendefinisikan hadith *da'if* sebagai: “Hadith yang di dalamnya tidak terdapat syarat-syarat hadith sahih dan syarat-syarat hadith hasan” (Utang Rahuwi Jaya, 1999). Menurut Nur al-Din bin 'Atr (1989) bahawa definisi yang paling baik ialah hadith yang hilang salah satu syaratnya dari syarat-syarat hadith *maqbul*. Pada definisi yang disebut terakhir ini disebutkan secara tegas bahawa jika satu syarat sahaja dari hadith *maqbul* tidak dipenuhi atau hilang, maka hadith itu dikatakan *mardud*. Dengan kata lain, hadith itu adalah da'if. Lebih banyak syarat hilang, lebih tinggi nilai keda'ifannya.

Pembahagian Hadith Da'if dan Jenis-Jenisnya

Mohd Farhan Md Ariffin et.al. (2016) menyatakan hadith da'if mempunyai pelbagai pembahagian dan tingkatan. Para ulama hadith berbeza pendapat dalam menentukan bilangan jenis hadith da'if. Ibn Hibban menyebutkan bilangannya mencapai sehingga 49 jenis. Ada juga yang berpendapat sehingga 63 hadith bahkan lebih daripada itu (Fauzi Deraman, 2009). Para ulama hadith dari zamandahulu hinggalah sekarang telah menjelaskan secara terperinci mengenai pembahagian hadith da'if di dalam kitab-kitab mereka. Pada zaman sekarang antara kitab yang boleh dirujuk ialah seperti *Manhaj al-Naqd fi Ulum al-Hadith* karya Nur al-Din 'Atr, kitab-kitab hadith karya Muhammad Nasir al-Din al- Albani contohnya *Silsilah al-Ahadith al-Da'ifah wa al-Mawdu'ah* dan seumpamanya. Menurut Fauzi Deraman (2009) pembahagian ini adalah berkait dengan faktor-faktor yang menyebabkan sesebuah hadith itu menjadi da'if.

1. Hadith Da'if Disebabkan Terputus *Sanadnya*

Muhammad bin Soleh al-Uthaimin (1994) menyatakan bahawa hadith yang terputus *sanad* adalah hadith yang *sanadnya* tidak bersambung. Para ulama hadith telah menyatakan bahawa salah satu syarat hadith yang *maqbul* adalah bersambung *sanadnya*. Fauzi Deraman (2009) menyatakan, antara jenis hadith dalam bahagian ini

ialah:

- i. *Hadith Munqati*: hadith yang mana telah gugur daripada *sanadnya* seorang atau dua orang perawi secara tidak berturut-turut sebagaimana yang dinyatakan oleh Ibn Hajar al-Asqalani. Para ulama sepakat bahawa hadith munqati adalah da'if.
- ii. *Hadith Mu'addal*: hadith yang gugur pada *sanadnya* dua orang perawi atau lebih secara berturut-turut. Tidak syak lagi, para ulama sepakat menghukum bahawa hadith ini merupakan hadith da'if.
- iii. *Hadith Mursal*: definisi yang masyhur berkenaan dengan hadith ini ialah apa yang disandarkan oleh tabi'in kepada Rasulullah SAW sama ada perkataan, perbuatan atau taqrir tanpa menyebutnama sahabat. Al-Hakim dan Ibn-Salah berpendapat bahawa hadith ini disandarkan oleh tabi'in sahaja. Bagaimanapun ada yang berpendapat hadith mursal hanyalah disandarkan oleh tabi'in besar sahaja seperti Sa'id al-Musayyab dan seumpamanya. Ulama khilaf berkenaan dengan status hadith mursal. Ada yang menerimanya sebagai hujah, ada yang sebaliknya dan ada yang meletakkan syarat. Ringkasnya, jumhurulama hadith tidak menerima hadith mursal sebagai hujah dan dikategorikan sebagai hadith da'if.
- iv. *Hadith Mu'allaq*: hadith yang gugur seorang perawi atau lebih pada permulaan *sanadnya* secara berturut-turut. Para ulama sepakat hadith *mu'allaq* termasuk dalam kategori hadith dai'if.
- v. *Hadith Mudallas*: hadith yang disembunyikan keaiban yang terdapat pada *sanad* oleh perawi tertentu dengan menzahirkan kebaikannya. Perawi yang melakukan perbuatan ini dinamakan mudallis. Hadith ini dikategorikan sebagai hadith da'if sebagaimana yang disebutkan oleh Muhammad bin Soleh al-Uthaimin (1994) kecuali apabila perawinya seorang yang siqah (terpercaya) dan menegaskan dia mengambil hadith tersebut secara langsung dari orang yang dia riwayatkan hadithnya.

2. Hadith Da'if Kerana Perawi Dipertikaikan

Fauzi Deraman (2009) menyatakan bahawa ada dua perkara yang menyebabkan seorang perawi boleh dipertikaikan periwayatannya iaitu dari segi keadilan perawi dan kelemahan ingatan perawi.

- a. Keadilan Perawi: kesahihan sesebuah hadith akan terjejas jika pada *sanadnya* terdapat seorang perawi dipertikaikan keadilannya. Dipertikaikan keadilan di sini bermaksud seorang perawi itu berdusta atau pun tuduhan berdusta (*yatahim al-kazib*). Ada dua jenis hadith dalam kategori ini iaitu hadith *mawdu'* dan hadith matruk.
 - i. *Hadith Mawdu'*: *hadith mawdu'* ialah hadith yang disandarkan kepada Rasulullah SAW secara palsu, tidak mempunyai kaitan yang jelas dengan Nabi SAW dan ia bukan hadith akan tetapi mereka menyebutnya sebagai hadith berdasarkan perkataan perawi (Nur al-Din 'Atr, 1989). *Hadith mawdu'* adalah seburuk-buruk hadith da'if.

Tidak boleh meriwayatkan kecuali dinyatakan kepalsuannya.

- ii. *Hadith Matruk*: hadith yang diriwayatkan oleh seorang perawi yang da'if secara bersendirian di mana sebab keda'ifannya ialah perawi berkenaan tuduhan berdusta dalam periwiyatan hadith atau amat ketara kefasiqannya dalam perkataan, perbuatan atau pun terlalu banyak lupa dancuai. *Hadith matruk* merupakan hadith yang sangat da'if dan tidak mungkin dapat disokong oleh hadith yang lain. Statusnya lebih buruk daripada *hadith munkar*, *mu'al*, *mudraj*, *maqlub* dan *mudtarib*.
- b. Kelemahan Ingatan Perawi: Apabila ingatan seseorang perawi itu dipertikaikan, keadaan ini boleh menyebabkan sesebuah hadith itu ditolak. Ada beberapa jenis hadith yang ditolak disebabkan hal ini iaitu:
- i. *Hadith Munkar*: hadith yang di mana perawinya da'if dan terdapat perancangan dengan riwayat perawi yang siqah. Hadith ini termasuk dalam kategori hadith yang sangat da'if dan tidak boleh digunakan sebagai hujah sama sekali.
 - ii. *Hadith Mu'al*: hadith yang ada padanya kecacatan tersembunyi sama ada pada matan atau *sanadnya*. Ia hanya boleh diketahui oleh mereka yang pakar dalam bidang hadith khususnya ilmu *'illal* (Umar Mukhtar Mohd Noor, 2016).
 - iii. *Hadith Mudraj*: hadith yang terdapat padanya tambahan yang bukan daripada hadith tersebut. Ia berlaku pada matandan *sanad*. Terdapat perbincangan dalam kalangan ulama berkenaan dengan *mudraj matan* dan *mudraj sanad*. Umumnya hadith ini dikategorikan sebagai hadith da'if.
 - iv. *Hadith Maqlub*: hadith yang terdapat perubahan pada *sanad* atau matannya dengan didahulukan atau dikemudiankan atau berlaku pertukaran. Hadith ini tergolong dalam kategori hadith da'if.
 - v. *Hadith Mudtarib*: hadith yang diriwayatkan secara berbeza. Dari segi *sanad* atau matannya mempunyai kekuatan yang sama dan tidak boleh ditarjih (dipilih mana yang lebih kuat). Hadith ini tergolong dalam kategori hadith da'if disebabkan ia tidak memiliki *kedhabitan*.

HUKUM BERAMAL DAN MENYEBARKAN HADITH DA'IF

Para ulama berbeza pendapat berkenaan dengan hukum beramal dan menyebarkan hadith da'if bahkan perbincangan para ulama lebih daripada itu. Hal ini termasuklah berhujah dengan hadith da'if sama ada dalam hukum hakam mahupun perkara yang melibatkan *al-tarhib* (dorongan mencitai kebaikan) dan *al-tarhib* (ancaman) (Fatullah Al Haq Muhamad Asni et.al., 2017; Nurul Karim & Syahidin, 2022).

Hukum Beramal dengan Hadith Daif

Para ulama berbeza pendapat dalam menentukan hukum beramal dengan hadith da'if kepada tiga pendapat iaitu;

1. Tidak boleh beramal dengan hadith da'if secara *mutlak* (keseluruhan).

Pendapat ini didokong oleh Ibn Arabi al-Maliki, al-Bukhari, Muslim dan Ibn Taimiyah. Mereka berpendapat tidak boleh beramal dengannya semata-mata samada pada hukum hakam (hujah) (Fatullah Al Haq Muhamad Asni et.al., 2017) atau *fada'il al-a'mal* (kelebihan-kelebihan amal) dan kelebihan seseorang atau sesuatu. Ini juga merupakan pendapat Yahya bin Ma'in sebagaimana yang disebutkan oleh Ibn Sayyid al-Nas, Ibn Hazm al-Andalusi, Abu Shamah al-Maqdisi al-Shafi'i dan al-Shawkani (Fauzi Deraman, 2009). Pendapat ini juga didokong oleh sarjana hadith kontemporari seperti Muhammad Nasir al-Din al-Albani (1988).

2. Boleh beramal dengan hadith da'if dengan syarat.

3. Pendapat yang kedua ini menyebutkan bahawa boleh beramal dengan hadith da'if kecuali pada perkara yang melibatkan aqidah, hukum hakam dan halal haram. Boleh beramal dalam *fada'il al-a'mal* dan *targhib wa al-tarhib*. Pendapat ini dikatakan merupakan pendapat *jumhur* (majoriti) ulama seperti Ahmad ibn Hanbal, Sufyan ibn Uyainah, al-Nawawi, Ibn Qudamah dan seumpamanya (Mohd Farhan Md Ariffin et.al., 2016). Bagaimana pun Ibn Hajar al-Asqalani menetapkan syarat bagi penggunaan hadith da'if dalam tujuan di atas iaitu pertama hadith tersebut tidak terlalu da'if, kedua mestilah hadith itu termasuk di bawah dasar umum yang diterima pakai dan ketiga tidak beriktikad semasa beramal dengan hadith tersebut benar-benar bersumber daripada Rasulullah SAW (Fauzi Deraman, 2009). Ibn Hajar al-Asqalani menambah satu syarat lagi iaitu agar tidak menyebarkan hadith tersebut kerana dikhuatiri orang awam akan menganggapnya sebagai sahih (Fatullah Al Haq Muhamad Asni et.al., 2017)

4. Boleh beramal dengan hadith da'if secara *mutlak*.

Boleh beramal dengan hadith da'if dalam semua bidang. Pendapat ini dikemukakan oleh Ahmad ibn Hanbal, Abu Daud serta disandarkan jugakepada Abu Hanifah. Bagaimana pun para sarjana hadith berpendapat bahawa da'if yang dimaksudkan oleh Ahmad ibn Hanbal ialah hadith hasan (hadith dalam kategori *maqbul*) kerana menurut mereka takrif da'if ulama hadith *muqadimmin* berbeza dengan takrif da'if ulama *muta'akhirin* (Fauzi Deraman, 2009).

Hasil daripada penelitian terhadap ketiga-tiga pendapat ini, pendapat yang lebih menepati kebenaran ialah pendapat yang pertama sebagaimana yang disebutkan oleh Fatullah Al Haq Muhamad Asni et.al. (2017) kerana para sarjana hadith bersepakat bahawa hadith da'if merupakan dalam kategori hadith *marduddan* ia termasuk dalam dalil yang *zan* (tidak pasti).

Hukum Menyebarkan Hadith Da'if

Jumhur ulama berpendapat bolehnya menyebut dan menyebarkan hadith da'if tanpa menyatakan keda'ifannya kecuali hadith palsu (Mohd Farhan Md Ariffin et.al., 2016). Bagaimana pun, sarjana hadith kontemporari Ahmad Syakir berpendapat adalah wajib untuk menjelaskan keda'ifan sesuatu hadith apabila menyampaikannya (Fauzi Deraman, 2009). Hal ini bagi mengelakkan orang awam beramal dengannya dan menyangka ia sebagai sahih. Pendapat ini merupakan pendapat yang lebih selamat.

HADITH DA'IF DALAM AMALAN HARIAN MASYARAKAT MALAYSIA

Bagi masyarakat yang telah mempelajari ilmu berkaitan dengan hadith sama ada secara formal atau pun tidak formal, mereka sedikit sebanyak dapat mengenalpasti status sesuatu hadith berkenaan dan paling minimum pun, merekapernah mendengar apakah itu hadith da'if, *mawdu'* dan seumpamanya. Kajian yang telah dibuat oleh Mohd Azrin bin Johari & Faisal Ahmad Shah (2015) terhadap jemaah masjid dan surau di Shah Alam Selangor mendapati sebanyak 98% (391 orang) responden kajian mengatakan tahap amat bertambah pengetahuan mereka tentang status sesuatu hadith selepas mengikuti pengajian hadith di masjid dan surau sekitar Shah Alam Selangor. Daripada kajian ini menunjukkan bahawa, bagi mereka yang mengikuti pengajian hadith sama ada formal atau pun tidak formal, maka mereka berpengetahuan dalam mengenal pastistatus sesuatu hadith berkenaan. Bagi mereka yang tidak belajar, maka kelompok ini pada pandangan pengkaji akan mengikut sahaja amalan masyarakat setempat tanpa mengambil kira dari mana sumber amalan tersebut dengan jelas.

Kajian mengenai amalan hadith da'if dalam masyarakat memang ada telah dibuat sebagai contoh, kajian yang dilakukan oleh Fatullah Al Haq Muhamad Asni et.al. (2017) berkaitan dengan penggunaan hadith da'if dalam fatwa mengenai wasiat di Malaysia. Juga kajian yang dilakukan oleh Nur Farha Mohamad Faleh Lai & Faisal Ahmad Shah (2020) yang berkaitan dengan penggunaan hadith da'if dan palsu dalam pengurusan jenazah dalam kalangan masyarakat Islam di Tumpat, Kelantan serta kajian atau penulisan yang seumpamanya. Bagaimana pun, berbeza dengan kajian ini kerana di sini pengkaji ingin mengetengahkan penggunaan teknologi maklumat sebagai salah satu sumber di dalam pengenalpastian status sesuatu hadith selain kaedah tradisional yang telah popular digunakan oleh para pengkaji hadith. Kaedah tradisional yang digunakan di sini tidak menggunakan analisis *sanad* seperti yang dilakukan oleh ramai pengkaji (Nur Farha Mohamad Faleh Lai & Faisal Ahmad Shah (2020), akan tetapi pengkaji di sini menggunakan terus hukuman status hadith daripada sarjana hadith di dalam buku-buku mereka. Dalam kajian ini, pengkaji akan mengemukakan lima contoh hadith da'if yang popular yang menjadi amalan masyarakat Islam di Malaysia seperti yang dinyatakan dalam Jadual 1.


Jadual 1: Potongan Hadith Da'if Dalam Amalan Harian Masyarakat Malaysia

No.	Hadith	Jumlah Matan Hadith yang sama atau Hampir Sama	Status Hadith		
			DNH	PMWP	Buku
1	<p>أَرَاهُ رَأَى الرَّبِّي صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ بِرَأْسِهِ حَتَّى رَأَى فِي أُذُنَيْهِ رِجْلَيْهِ وَمَا يَرَى مِنْ كُنُوزِ الْعَرْشِ قَبْلَهُ</p>	4	Da'if	Da'if (Muhammad Mushfique bin Ahmad)	Da'if (Abdul Ghani Azmi, 2000)
	<p>Terjemahan: Bahawa dia melihat Rasulullah SAW menyapu kepalanya hingga sampai ke hujung rambut antara dua telinga dan bahagian sekitarnya dari depan tengkuk.</p>			Ayoub @Ayub, 2016)	
2	<p>رَأَيْتُ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ إِذْ نَزَلَ فِي أُذُنِ بْنِ الْحَسَنِ بْنِ عَلِيٍّ فِي صَلَاةٍ، حَتَّى نَزَلَ فِي أُذُنِ فَاطِمَةَ بِالصَّلَاةِ</p> <p>Terjemahan: Aku pernah melihat Rasulullah SAW mengazankan telinga Hasan bin Ali ketika dilahirkan oleh Fatimah sama seperti azan untuk solat.</p>	6	Da'if	Hasan (Ibrahim Adham, 2021)	Hasan (Sham al-Din Abi Abdullah, 1973) Catatan: <i>Tahqiq</i> (Penyemak) Syuaib al-Arnauth dan Ibrahim al-Arnauth
3	<p>رَأَى صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ إِذْ نَزَلَ فِي أُذُنِ فَاطِمَةَ بِالصَّلَاةِ</p> <p>قال اللهم بارك لنا فيما رزقنا ووزعنا عذب الآيات</p> <p>Terjemahan: Dari Nabi SAW, bahawa baginda pernah berkata tentang makanan, jika didatangkan kepadanya, beliau berkata, “Ya Allah, berkatilah untuk</p>	4	Da'if (Munkar)	Da'if (Ibrahim Adham, 2023) (Munkar)	Da'if (Da'if jiddan) (Abi Zakariya Yahya bin Sharaf al-Nawawi, 2001) Catatan: <i>Tahqiq</i> (Penyemak) 'Amar bin Ali Yasin

	kami apa yang telah Engkau berikan kepada kami dan peliharalah kami daripada azab neraka.”				
4	<p>كان رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ بِمَكَّةَ فِي رَجَبِ رَمَضَانَ سَبْعِينَ يَوْمًا وَرَكَعًا مِائَةً وَتِسْعِينَ رَكَعًا</p> <p>Terjemahan: Adalah Rasulullah SAW bersolat di bulan Ramadan sebanyak dua puluh rakat dan berwitir.</p>	9	Da'if	Tidak dijumpai	Da'if (Da'if Jiddan) (Muhammad Nasir al-Din al-Albani, 2010)
5	<p>إِنَّ لِكُلِّ شَيْءٍ نَزْلًا وَإِنْ نَزَلَ بِالزُّرَّاءِ مِنْ بَيْتٍ وَكَانَ زُرًّا بَسَّ لَكْتُبِ اللَّهِ لَهُ بِزُرَّاءِهَا نِزَاءً ۚ الزُّرَّاءُ عَشْرٌ وَرَمْرَامٌ</p> <p>Terjemahan: Sesungguhnya setiap sesuatu mempunyai hati dan sesungguhnya hati al-Quran adalah Yasin. Barangsiapa yang membaca Yasin maka Allah mencatat baginya seperti membaca al-Quran sepuluh kali.</p>	20	Da'if	Da'if Atau Mawdu' (Muhammad Mushfique Ayoub @Ayub, 2016)	Da'if (Muhammad Nasir al-Din al-Albani, 2009)

Hasil daripada penelitian terhadap kelima-lima hadith da'if yang dipilih, seperti di Jadual 1 dan Rajah 1, didapati hadith berkaitan dengan Yasin hati al-Quran dalam kategori *fadhilat* (kelebihan) surah Yasin merupakan yang paling banyak diriwayatkan sehingga mencatatkan 20 buah hadith (20.47%), diikuti masing-masing hadith berkaitan dengan jumlah 20 rakaat solat di bulan Ramadan (solat terawih) sebanyak 9 buah hadith (9.21%) dan amalan mengazankan bayi yang baharu dilahirkan sebanyak 6 buah hadith (6.14%). Hadith berkaitan menyapu tengkuk ketika berwuduk dan hadith berkaitan dengan doa makan paling sedikit dicatatkan iaitu sebanyak masing 4 buah hadith (4.90%). Hadith-hadith tersebut sama ada diriwayatkan oleh *perawi* yang sama di dalam kitab yang berlainan atau pun *perawi* yang berlainan di dalam kitab yang sama atau pun berlainan. Kajian juga mendapati hanya satu hadith da'if yang diperselisihkan para ulama hadith sama ada ia da'if atau pun *hasan*. Pertikaian ini dapat diselesaikan dengan mengambil kira metodologi ulama hadith *mutaqadimmin* dan *mutakhirin*. Ringkasnya, hadith nombor 2 dalam Jadual

1 merupakan hadith *hasan* sebagaimana yang disebutkan oleh Syuaib al-Arnauth dan Ibrahim al- Arnauth di dalam *tahqiq* mereka terhadap kitab al- *Al-Wabil al-Sayyib min al- Kalim al-Tayyib*.



Rajah 1: Hadith Da'if Dalam Amalan Harian Masyarakat Malaysia

Hasil daripada kajian ini dan juga kajian-kajian yang lepas, dapat diambil pelajaran bahawa pendedahan yang sistematik kepada masyarakat Islam berkenaan dengan pengajian ilmu al-hadith amatlah perlu kerana kajian menunjukkan terdapat beberapa kelemahan yang dilakukan oleh pihak tertentu dalam periwayatan sesebuah hadith meskipun mereka datang dari bidang pengajian Islam itu sendiri sebagaimana yang dinyatakan oleh Abdul Latef bin Alhadri (2019) dalam kajiannya terhadap analisis hadith buku teks Kelas al-Qurandan Fardhu Ain (KAFA) Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) dan buku teks Kurikulum Sekolah Rendah Agama (KSRA) Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS). Begitu juga Norhasnira binti Ibrahim et.al. (2015) yang membuat analisis hadith terhadap buku teks Pendidikan Islam Tingkatan Dua Tahun 2011 dan mereka mendapati 6 buah hadith da'if dan 1 buah hadith *mawdu'* di dalam bukuteks berkenaan.

RUMUSAN DAN CADANGAN

Hadith yang merupakan sumber kedua di dalam agama Islam tidak terlepas dari perbincangan mengenai ketulenannya. Hal ini berlaku kerana terdapat hadith-hadith yang diriwayatkan oleh mereka yang bermasalah sehingga menyebabkan hadith berkenaan tertolak. Oleh itu, para ulama membahagikannya kepada hadith *maqbul* dan hadith *mardud*. Hadith da'if yang dalam kategori hadith *mardud* terbahagi kepada dua jenis iaitu da'if disebabkan terputus *sanadnya* dan da'if kerana perawinya dipertikaikan. Di dalam beramal dengan hadith da'if, para ulama berbeza kepada tiga pendapat iaitu pertama, tidak boleh beramal dengan hadith da'if secara *mutlak*, kedua, boleh beramal dengan hadith da'if dengan syarat dan ketiga, boleh beramal dengan hadith da'if secara *mutlak*. Dalam ketiga-tiga pendapat ini, pendapat yang pertama

merupakan pendapat yang lebih selamat. Begitu juga hukum menyebarkan hadith da'if, para ulama juga berbeza pendapat. Meskipun *jumhur* ulama berpendapat boleh menyebarkan hadith da'if tanpa menyebutkan keda'ifannya, akan tetapi jalan yang lebih selamat ialah perlumenyebutkan keda'ifannya sebagaimana yang dinyatakan oleh sarjana hadith kontemporari Ahmad Syakir.

Selain itu, di sini juga pengkaji membuat sedikit analisis dengan mengemukakan lima hadith yang popular dan menjadi sandaran amalan masyarakat Islam di Malaysia yang mana apabila disemak, hadith berkenaan terdiri daripada hadith yang da'if, sebagai contoh hadith berkaitan *fadhilat* surah Yasin, bilangan solat terawih 20 rakaat, doa makan, dan lain-lain lagi. Kajian seperti ini juga boleh dipanjangkan kepada dokumen lain yang berkaitan dengan institusi di Malaysia khususnya di Sabah, seperti buku teks Sekolah Agama Negeri (SAN) dan Sekolah Menengah Agama Negeri (SMAN) Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah (JHEAINS), tesis pelajar Institut Pendidikan Guru (IPG) dan seumpamanya. Dapatan kajian lalu ini sudah cukup bagi kita untuk mengatakan bahawa perlunya pengajian Ilmu al-Hadith didedahkan kepada masyarakat bagi mengelakkan mereka beramal dan menyebarkan hadith-hadith yang tidak pasti bahkan hadith-hadith yang *mardud*.

RUJUKAN

- Abdul Ghani Azmi. (1999). *Himpunan Hadis Dha'if dan Maudhu'*. Al-Hidayah.
- Abdul Ghani Azmi. (2000). *Al-Bidaah Bahaya & Keburukannya*. Al Hidayah Publishers.
- Abdul Manan Ar-Rasikh. (2006). *Kamus Istilah Istilah Hadits*. Darul Falah.
- Abdul Latef bin Alhadri. (2019). *Analisis Hadis Dalam Buku Teks Kafa JAKIM dan Buku Teks KSRA JAIS*. [Disertasi Sarjana, Universiti Pendidikan Sultan Idris].
- Abi Zakariya Yahya bin Sharaf al-Nawawi. (2001). *Al-Azkar al-Nawawiyah*. Al-Hidayah.
- Fatullah Al Haq Muhamad Asni, Jasni Sulong & Ammar Ismail. (2017). Penggunaan Hadith Daif Dalam Fatwa Mengenai Wasiat Dalam Malaysia Serta Langkah Penyelesaiannya. *Journal of Hadith Studies*, 2(1), 2550-1448.
- Faisal Ahmad Shah. (2012). *Takhrij Hadith: Teknik Pencarian Hadith yang Tepat dan Berkesan*. Jabatan al-Quran dan al-Hadith, Akademi Pengajian Islam, UniversitiMalaya.
- Fauzi Deraman. (2009). *'Ulum al-Hadith*. Warisan Nabawi.
- Hafiz Firdaus Abdullah. (2004). *Pedoman-Pedoman Bermazhab Dalam Islam*. Jahabersa.
- Ibrahim Adham (2021 Ogos 6). *Irsyad al-Hadith Siri Ke-527: Status Hadis Azan diTelinga Bayi yang Baru Lahir serta Hukum Melakukannya*. <https://www.muftiwp.gov.my/ms/artikel/irsyad-al-hadith/4907-irsyad-al-hadith-siri-ke-527-status-hadis-azan-di-telinga-bayi-yang-baru-lahir-serta-hukum-melakukannya>.
- Ibrahim Adham (2023 Januari 17). *Irsyad al-Hadith Siri Ke-575: Adakah Doa Sebelum dan Selepas Makan Bersumberkan Hadis yang Sahih?*

- <https://muftiwp.gov.my/ms/artikel/irsyad-al-hadith/5508-irsyad-al-hadith-siri-ke-575-adakah-doa-sebelum-dan-selepas-makan-bersumberkan-hadis-yang-sahih>.
- Manna' al-Qattan. (2007). *Mabahith fi Ulum al-Hadith*. Maktabah Wahbah.
- Mohd Aizol bin Yaakob & Roshimah binti Shamsudin. (2019). Manhaj Sarjana Hadith Dalam Menentukan 'Illah Dalam Periwaiyatan Al-Tafarrud: Kajian Perbandingan Sarjana Mutaqadimmin dan Muta'akhirin. *Journal of Hadith Studies*, 4(1), 1 – 12.
- Mohd Farhan Md Ariffin, Ibrahim Adham Mohd Rokhibi, Syed Mohd Jeffri Syed Jaafar Mohd Izzat Mohd Abdul Shukur. (2021). Penghujahan Hadith Da'if Menurut Perspektif Ulama Fiqh dan Ulama Hadith. *Jurnal Al-Ummah*, 3, 77 – 92.
- Mohd Farhan Md Ariffin, Khadher Ahmad & Ahmad Za'im Sabirin Mohd Yusoff. (2016). Menangani Salah Faham Terhadap Hadith Da'if: Satu Analisis. *E-Proceeding of the 3rd World Conference on Intregation of Knowledge 2016 (WCIK 2016)*, 133 – 150.
- Mohd Azrin bin Johari & Faisal Ahmad Shah. (2015). Kajian Terhadap Kefahaman Hadith Dalam Kalangan Ahli Jemaah Masjid dan Surau di Shah Alam, Selangor. *The Online journal of Islamic Education*, 3(2), 1 – 11.
- Mohd Norzi bin Nasir, Badrul Hisham bin Mahdzir & Siti Mursyidah binti Mohd Zin (2016). <http://conference.kuis.edu.my/imam2017/eproceeding/2016-imam-2017.pdf>
- Muhammad bin Ismail al-Bukhari. (1994). *Terjemah Sahih al-Bukhari*. Bahagian Dakwah Islamiah Malaysia.
- Muhammad bin Ibrahim Khiraj. (2008). *Mengenal Kaedah Dasar Ilmu Hadits* (Abu Hudzaifah, Terj.) Maktabah Al-Ghuroba'. (Judul asli diterbitkan pada t.t).
- Muhammad bin Soleh al-Uthaimin. (1994). *Mustalah al-Hadith*. Maktabah al-Ilmu.
- Muhammad Mushfiqu bin Ahmad Ayoub @ Ayub (2016, Mei 5). *Irsyad al-Hadith Siri Ke-58: Kelebihan Membaca dan Surah* (پښ). <https://muftiwp.gov.my/ms/artikel/irsyad-al-hadith/1150-irsyad-al-hadith-siri-ke-58-kelebihan-membaca-dan-surah>.
- Muhammad Mushfiqu bin Ahmad Ayoub @ Ayub (2016, November 24). *Irsyad al-Hadith Siri Ke-43: Hadith Berkaitan Menyapu Leher*. <https://muftiwp.gov.my/ms/artikel/irsyad-al-hadith/1438-irsyad-al-hadith-siri-ke-143-hadith-berkaitan-menyapu-leher>.
- Muhammad Nasir al-Din al-Albani. (2009). *Silsilah al-Ahadith al-Dai'fah wa al-Mawdu'ah*. Maktabah al-Ma'arif Lil Nasyr wa Tawzi'.
- Muhammad Nasir al-Din al-Albani. (2010). *Solat al-Tarawih*. Maktabah al-Ma'arif Lil Nasyr wa Tawzi'.
- Muhammad Nasir al-Din al-Albani. (1988). *Tamam al-Minnah fi al-Taqliq 'ala Fiqh al-Sunnah*, Dar al-Raya.
- Norhasnira binti Ibrahim, Kauthar binti Abdul Kader & Siti Nur 'Ain Zainul Ariffin. (2015). Analisis Status Hadith Dalam Buku Teks Pendidikan Islam Tingkatan Dua KBSM. *Ma'alim al-Quran wa al-Sunnah*, 10(11), 167 – 190.
- Nur Farha Mohamad Faleh Lai & Faisal Ahmad Shah. (2020). Hadith Daif dan Palsu Dalam Pengurusan Jenazah: Kajian Terhadap Sumber dan Rujukan

- Masyarakat Islam di Mukim Kutan, Tumpat, Kelantan. *Journal Usuluddin*, 48(2), 25 – 56.
- Nurul Karin & Shahidin. (2022). Konsep Model Targhib dan Tarhib (Upaya Meningkatkan Motivasi dan hasil Belajar Peserta Didik). *Rayah al-Islam*, 6(1), 58-63. DOI: 10.37274/rais.v6i01.348
- Nur al-Din bin 'Atr. (1989). *Manhaj al-Naqd fi Ulum al-Hadith*. Maktabah Dar al-Bayan. Sham al-Din Abi 'Abdillah. (1973). *Al-Wabil al-Sayyib min al-Kalim al-Tayyib*. Dar al-Fikr.
- Syed Abdul Majid Ghouri. (2014). *Ilmu al-Jarh dan al-Ta'dil* (Zulhilmi bin Mohamed Nor, Terj.). Darul Syakir Enterprise. (Judul asli diterbitkan pada 2014).
- Umar Mukhtar Mohd Noor (2016, September 6). *Irsyad al-Hadith Siri Ke-114: Hadith Mu'allal atau Mu'al*. Mufti of Federal Territory's. <https://muftiwp.gov.my/en/artikel/irsyad-al-hadith/1101-irsyad-al-hadith-siri-ke-114-hadith-mu-allal-atau-mu-al>
- Utang Rahuwi Jaya. (1999). *Ilmu Hadis*. Penerbit Edaran Kalam.

TAHAP PENGURUSAN RISIKO DALAM PROGRAM PENDIDIKAN LUAR (BINA INSAN GURU)

Azman Anak Ismail¹
Suhairullah Bin Omar Ramih (PhD)²(kentyeyeng@gmail.com)
Willie Basir @ Sazalee³
Hafizah Binti Abd Rahim⁴
Fadzilah binti Patman (PhD)⁵(fadz_dila@yahoo.com.my)
^{1,2,3,4,5}Institut Pendidikan Guru Kampus Kent

ABSTRAK

Kajian ini adalah untuk menentukan sejauh mana pelajar melihat pengurusan risiko dalam pelbagai aspek, termasuk mengenal pasti risiko, menganalisis risiko, melaksanakan risiko, menilai dan akhirnya melibatkan proses dalam diri mereka sendiri. Kajian ini dijalankan dalam bentuk tinjauan dan melibatkan 276 pelajar terlibat sebagai responden. Sebagai panduan utama instrumen kajian, adaptasi kajian dilakukan dan diubah suai daripada kajian Pirontha dan Megat Ahmad (2021). Kajian telah dianalisis menggunakan Pakej Statistik untuk Sains Sosial (SPSS), dan ia dilaporkan dalam bentuk statistik deskriptif ringkas dengan hanya kekerapan, peratusan, dan min. Hasil kajian menunjukkan bahawa aspek pengurusan risiko mempunyai nilai min yang sangat baik. Secara keseluruhan, nilai min pengurusan risiko mendapat skor yang baik (min = 4.55) dan berada pada tahap yang sangat baik. Kajian ini mengukuhkan lagi kesimpulan yang telah dibuat oleh pengkaji sebelumnya mengenai persepsi pelajar.

Kata kunci: Pengurusan Risiko, Pendidikan Luar, Bina Insan Guru

PENGENALAN

Pirontha dan Megat Ahmad (2021) menyatakan bahawa pengurusan risiko merupakan suatu kaedah atau cara yang sistematik yang tidak berhenti dan berkesinambungan dalam usaha bagi mengenal pasti, menilai, mengurus risiko yang mungkin wujud agar kemalangan dan kecederaan dapat dikurangkan. Hal yang sama juga dijelaskan dalam keadaan pemahaman yang hampir sama oleh abidah ainah (2018). Konsep pengurusan risiko ini sebenarnya telah lama dibangunkan oleh negara-negara yang lebih moden ke dalam program yang melibatkan potensi tinggi namun terdapat ketidakpastian mengenai kejayaan atau keuntungan masa hadapannya seperti program-program angkasa, tenaga nuclear, pelaburan insuran dan kewangan (Jaffry Zakaria *et al.*, 2015). Hari ini, penggunaan dan pelaksanaan pengurusan risiko ini diterima baik dalam segenap ruang disiplin kerja bagi meningkatkan mutu dan kualiti dalam suatu perkara tersebut termasuk dalam hal-hal berkaitan Pendidikan yang melibatkan risiko tinggi.

Pengurusan risiko dalam aktiviti Pendidikan luar (Bina Insan Guru) adalah

suatu pendekatan yang penting dan mesti digunakan untuk mengurangkan risiko dan kejadian yang mungkin merugikan dan bakal berlaku semasa terlibat dalam pelbagai jenis aktiviti Bina Insan Guru (BIG). Pelbagai aktiviti BIG termasuk berenang, berakit, kembara, pandu arah, aktiviti tali aras tinggi dan lain-lain memberikan suatu pengalaman dari pembelajaran bermakna kepada pesertanya, namun terdapat risiko dan ancaman yang tinggi kepada keselamatan dan nyawa peserta yang terlibat sendiri dalam program BIG tersebut. Pengurusan risiko dalam program BIG adalah penting kerana ia membantu peserta meminimumkan risiko dan kebarangkalian mengalami kecederaan atau kemalangan yang mungkin berlaku semasa melaksanakan aktiviti dalam program tersebut (Fatimah *et al.*, 2011). Sungguhpun pengurusan risiko, tidak mampu menjamin sepenuhnya keselamatan peserta, namun dengan semua langkah keselamatan yang diperlukan telah dilaksanakan mengikut standard operasi prosedur (S.O.P) yang tepat sekurang-kurangnya dapat memberikan peluang kepada pelajar melaksanakan suatu aktiviti yang dianggap berbahaya dengan yakin dan tenang berdasarkan kepada pendekatan sistematik langkah-langkah keselamatan yang telah dipatuhi.

OBJEKTIF KAJIAN

Objektif kajian ini dijalankan adalah untuk melihat persepsi peserta program Pendidikan luar (BIG) terhadap perkara berikut:

1. Menenalpasti tahap mengenali risiko
2. Menenalpasti tahap analisis risiko
3. Menenalpasti tahap pelaksanaan risiko
4. Menenalpasti tahap penilaian dan penambahbaikan
5. menenalpasti tahap pengurusan risiko secara keseluruhan

KAJIAN LITERATUR

Terdapat banyak pengkaji lepas yang membincangkan mengenai risiko dan pengurusannya dalam aktiviti fizikal dan aktiviti yang melibatkan persekitaran luar bilik darjah (Gökçe *et al.*, 2022; Bauer *et al.*, 2021; Gyllencreutz *et al.*, 2020; Dallat, 2019; White *et al.*, 2018; Brussoni *et al.*, 2015). Ou (2020) menjelaskan aktiviti fizikal mempunyai risiko yang tinggi dan mudah mengakibatkan kecederaan kepada pelajar. Hal yang sama juga dinyatakan oleh Jaffry Zakaria *et al.*, (2015) yang menjelaskan aktiviti fizikal (sukan dan rekreasi) tidak terlepas daripada isu keselamatan sama ada semasa, sebelum dan juga selepas melakukan aktiviti. Justeru, pentadbir pengajian perlu mengambil langkah dalam mempertingkatkan kawalan keselamatan dan pengurusan risiko dalam melindungi pelajar.

Abidah ainah (2018) dalam kajiannya memberi pernyataan bahawa tenaga pengajar yang melaksanakan aktiviti dalam pendidikan luar melaksanakan pelan pengurusan risiko berdasarkan pengalaman yang mereka miliki sebagai salah satu panduan dalam mengenal pasti risiko yang mungkin wujud. Abidah ainah (2018) menggunakan dimensi penilaian, pelaksanaan, pengenalpastian risiko dan pemilihan operasi. Kenyataan Abidah Ainah (2018) ini mempunyai keselarian

dengan Fatimah Mustaffa *et al.*, (2011) yang sebelum ini telah mengkaji mengenai pembentukan dan pengujian amalan pengurusan risiko sukan jurulatih institut pendidikan guru malaysia persepsi atlet dengan menjelaskan institusi di Malaysia tidak mempunyai suatu model amalan pengurusan risiko yang standard untuk digunakan oleh golongan pendidikan dalam mewujudkan sifar risiko ketika melaksanakan aktiviti fizikal.

Ebert dan Morreau (2022) cuba menetengahkan pengurusan risiko dalam konteks runtutan salji berdasarkan teori pilihan social yang menggunakan 6 tahap bermula dengan pengumpulan bukti, menggambarkan potensi masalah, menyemak kompetensi personel, membuat keputusan permulaan, membuat pertimbangan keputusan dan membuat keputusan secara berkumpulan dalam proses mengurus risiko. Sungguhpun pengkaji tidak menyatakan secara langsung tahap risiko yang dilihat, namun berdasarkan kaedah pengurusan risiko yang dilaksanakan, terdapat kebarangkalian pengurusan tahap risiko dilaksanakan pada tiga tahap pertama. Manakala Porsanger dan Sandseter (2021) melihat tahap pengurusan keselamatan dan risiko berdasarkan pandangan pendidik menyatakan kekerapan kecederaan kecil (minor) sebanyak 630 dan sederhana sebanyak 158 kekerapan.

Faktor dan tahap risiko yang berlaku dalam kecederaan pelajar disumbangkan oleh 4 perkara berikut yang melibatkan ketidakpastian sebagai karakter risiko, ketetapan risiko dalam aktiviti fizikal, risiko yang dihasilkan oleh pelajar dan penerimaan bakal akibat yang membawa kepada kecederaan. Sementara itu Pirontha Kalaiselvan dan Megat Ahmad (2021) mengukur tahap pengurusan risiko berdasarkan kepada perkara yang melibatkan mengenali risiko, analisis risiko, pelaksanaan risiko, penilaian dan penambahbaikan pengurusan risiko. Dapatan kajian Pirontha Kalaiselvan dan Megat Ahmad (2021) menunjukkan nilai min mengenali risiko 4.27, analisis risiko 4.23, pelaksanaan risiko 4.42, penilaian dan penambahbaikan 4.47 dan pengurusan risiko secara keseluruhan pada nilai min 4.66 yang memberikan suatu keputusan yang menunjukkan tahap pengurusan berada pada tahap tinggi.


METODOLOGI KAJIAN

Rekabentuk kajian ini dilaksanakan dengan mengambil kira kajian suatu bentuk kajian sains sosial yang bukan eksperimental dengan memilih pendekatan kuantitatif yang melibatkan statistik deskriptif bagi melihat dimensi yang berkaitan dalam suatu pemboleh ubah yang dikaji. seramai 477 responden terlibat sebagai populasi pelajar yang diambil kira dalam kokurikulum pendidikan luar (Bina Insan Guru) Institut Pendidikan Guru Malaysia Kampus Kent yang bertempat di Lok Nunuk, Tuaran semasa pelaksanaannya. Berdasarkan kepada jadual pengiraan sampel Cochran (1977), bagi saiz populasi seramai 477 orang, sampel minimum bagi kajian ini adalah seramai 214 responden.

Manakala, berdasarkan kepada Krejcie dan Morgan (1970), bagi jumlah peserta 480 orang yang menjadi populasi, saiz sampel minimum yang diterima

adalah 214 responden dan bagi jumlah peserta seramai 460 orang, saiz sampel yang sesuai pada nilai minimum adalah 210 responden. Justeru, dalam kajian pengurusan risiko yang melibatkan pelajar seramai 477 orang, sampel yang dilibatkan berdasarkan kriteria sifar ketinggalan dan kesilapan di daam borang soal selidik adalah seramai 276 responden yang telah melepasi syarat persampelan yang ditetapkan. Untuk analisis data, SPSS Versi 23.0 digunakan.

Pengurusan risiko yang diutarakan pengkaji dalam kajian ini menggunakan instrumen Kalaiselvan dan Megat Ahmad (2021) yang berpandukan kepada instrumen Mohd Izam dan Norzana (2015). Namun instrumen yang diadaptasi ini telah diubahsuai mengikut keperluan kajian. Kerangka konsep dapat dilihat seperti pada rajah dibawah.



Rajah 1: Kerangka Konsep

Borang soal selidik yang telah didaptasi dan diubahsuai ini dapat dibahagikan kepada 4 bahagian pada bahagian B yang melibatkan 7 item bagi dimensi mengenali risiko, 6 item bagi analisis risiko, 6 item bagi pelaksanaan risiko dan 5 item bagi penilaian dan penambahbaikan. Soal selidik juga mengambil kira demografi responden pada bahagian A dengan melihat kepada pengkhususan opsyenresponden dan nilai CGPA responden. Tahap pengurusan risiko berdasarkan persepsi responden akan diukur berpandukan kepada jadual nilai min Wan, Tajul, dan Melor (2018) yang merujuk kepada Pallant (2007). Berdasarkan kepada interpretasi min mengikut Pallant (2007) nilai 1.00 – 2.33 dianggap berada pada tahap rendah, nilai min 2.34 – 3.67 dianggap berada pada tahap sederhana dan nilai min 3.68-5.00 berada pada tahap tinggi. Pengukuran ini sangat bersesuaian pada soal selidik likert berskala 1 hingga 5.

Jadual 1: Pengelasan Tahap

NILAI MIN	PENGELASAN TAHAP
1.00 – 2.33	Rendah
2.34 – 3.67	Sederhana
3.68 – 5.00	Tinggi

Sumber: Wan, Tajul dan Melor (2018)

Pengkaji melaksanakan analisis kebolehpercayaan dan kesahan kepada borang soal selidik bagi mengesahkan instrumen kajian mempunyai kesesuaian yang tepat digunakan dalam kajian ini. Hasil analisis menunjukkan nilai Cronbach Alpha bagi dimensi mengenali risiko 0.867, dimensi analisis risiko 0.773, dimensi pelaksanaan risiko 0.850, dimensi penilaian dan penambahbaikan 0.885 dan akhir sekali secara keseluruhan nilai Cronbach Alpha pengurusan risiko adalah 0.945 yang menunjukkan soal selidik mempunyai kebolehpercayaan yang baik dan tinggi dalam kajian ini. Keputusan kesahan ini dapat dilihat pada jadual dibawah.

Jadual 2: Keputusan Cronbach's Alpha

	Cronbach's Alpha	Cronbach's Alpha Based on Standardized Items	N of Items
Mengenali Risiko	.867	.873	7
Analisis Risiko	.773	.790	6
Pelaksanaan Risiko	.850	.855	6
Penilaian Dan Penambahbaikan Risiko	.885	.888	5
Pengurusanrisiko	.945	.951	24
Valid N (Listwise)	276		

DAPATAN KAJIAN

Hasil analisis kajian mendapati sebanyak 11 pengkhususan responden yang terlibat dalam kajian ini. Kekerapan tertinggi responden diperoleh dari opsyen BM SK dengan nilai 50 responden (18.1%). Seterusnya diikuti oleh pengkhususan TESL SK 46 reponden (16.7%), pengkhususan PAI 40 kekerapan (14.5%), pengkhususan BM SJKC 34 kekerapan (12.3%), pengkhususan SN SK 21 kekerapan (7.6%), pengkhususan TESL SJKC 10 kekerapan (3.6%), pengkhususan SN SJKC 9 kekerapan (3.3%), pengkhususan PAI SMU 7 kekerapan (2.5%), pengkhususan MT SK 5 kekerapan (1.8%) dan akhir sekali pengkhususan MT SJKC sebanyak 3 kekerapan dengan peratusan 1.1% sahaja.

Jadual 3: Pengkhususan Opsyen Responden

	Frequency	Percent	Cumulative Percent
BM SK	50	18.1	18.1
BM SJKC	34	12.3	30.4
PAI	40	14.5	44.9
TESL SK	46	16.7	61.6
TESL SJKC	10	3.6	65.2
BKD	51	18.5	83.7
SN SK	21	7.6	91.3
SN SJKC	9	3.3	94.6
MT SK	5	1.8	96.4
MT SJKC	3	1.1	97.5
PAI SMU	7	2.5	100.0
Total	276	100.0	

Seterusnya data pengkhususan responden dipadankan dengan keputusan CGPA responden yang terlibat. Analisis pada jadual dibawah mendapati ramai pelajar memperoleh CGPA cemerlang dalam lingkungan 3.67 hingga 4.00. Berdasarkan kepada jadual dibawah dapat dilihat jumlah responden dalam pengkhususan BM SK adalah yang tertinggi dengan mempunyai seramai 45 responden daripada 50 responden memperoleh nilai CGPA diantara 3.67 hingga 4.0, manakala 5 responden lagi memperoleh CGPA diantara 3.34 hingga 3.66. Responden dari pengkhususan BKD juga dilihat agak menyerlah dari segi keputusan CGPA dengan jumlah responden seramai 51 orang, 37 responden memperoleh CGPA dalam lingkungan 3.67 hingga 4.00, 13 responden memperoleh CGPA dalam lingkungan 3.34 hingga 3.66 dan seorang responden memperoleh CGPA dalam lingkungan 3.00 hingga 3.33.

Manakala pengkhususan BM SJKC dan pengkhususan PAI mempunyai jumlah responden yang sama iaitu seramai 27 responden berada dalam lingkungan CGPA 3.67 hingga 4.00, namun jumlah pengkhususan PAI mempunyai 12 kekerapan responden yang memperoleh CGPA 3.34 hingga 3.67 berbanding BM SJKC seramai 6 responden dan kedua-dua pengkhususan mempunyai 1 responden pada nilai CGPA 3.00 hingga 3.33. Pengkhususan seterusnya SN SK mempunyai responden seramai 12 orang memperoleh nilai CGPA 3.67 hingga 4.00, 7 orang pada nilai CGPA 3.34 hingga 3.66, 1 orang pada CGPA 3.00 hingga 3.33 dan 1 orang pada CGPA 2.60 hingga 2.99. Bagi pengkhususan SN SJKC, MT SK, MT SJKC dan PAI SMU kesemua kekerapan bagi nilai dalam lingkungan CGPA bagi semua kategori berada pada nilai dibawah 2 digit dengan setiap satu kategori tidak melebihi 10 kekerapan di setiap kategori.

Jadual 4: Padanan Pengkhususan dan Nilai Terkini
 Nilai Terkini CGPA

		2.6 0- 2.9 9	3.00- 3.33	3.34-3.66	3.67-4.00	Total
Pengkhususan	BM SK	0	0	5	45	50
	BM SJKC	0	1	6	27	34
	PAI	0	1	12	27	40
	TESL	0	0	20	26	46
	SK TESL	0	0	3	7	10
	SJKC					
	BKD	0	1	13	37	51
	SN SK	1	1	7	12	21
	SN	0	0	4	5	9
	SJKC					
	MT SK	0	0	1	4	5
	MT	0	0	0	3	3
	SJKC					
	PAI	0	0	6	1	7
	SMU					
Total		1	4	77	194	276

Keputusan analisa kajian melibatkan sebanyak 276 responden dapat diterjemahkan dengan baik dengan melihat kepada tahap pengurusan risiko yang dijelaskan pada jadual di bawah dengan menunjukkan bahawa 4 dimensi yang terlibat memperoleh nilai min yang melepasi skor 4.0 dimulakan dengan dimensi analisis risiko yang memperoleh skor min terendah pada nilai 4.34 (s.p, 0.46) dan diikuti oleh mengenali risiko dan penilaian dan penambahbaikan risiko pada nilai skor 4.61 dengan sisihan piawai masing-masing pada nilai 0.4 dan 0.44. Seterusnya nilai skor min pelaksanaan adalah 4.63 (s.p, 0.42). Secara keseluruhan, tahap pengurusan risiko dinilai berdasarkan persepsi responden memperoleh nilai skor min 4.55 (s.p, 0.39) yang berada di dalam kategori tinggi (Wan, Tajul dan Melor, 2018).

Jadual 5: Min Dimensi Pembolehubah

	N	MEAN	STD. DEVIATION
MENGENALI RISIKO	276	4.61	0.40
ANALISIS RISIKO	276	4.34	0.46
PELAKSANAAN RISIKO	27	4.63	0.42
PENILAIAN DAN PENAMBAHBAIKAN RISIKO	276	4.61	0.44
PENGURUSANRISIKO	276	4.55	0.39
VALID N (LISTWISE)	276		

PERBINCANGAN

Keputusan kajian ini membincangkan suatu aras yang mempamerkan pendekatan secara tidak langsung melalui tahap CGPA peserta dengan persepsi mereka mengenai tahap pengurusan risiko yang berlaku dalam program pendidikan luar yang dialami oleh mereka ketika melaksanakan kursus Bina Insan Guru. Peserta memahami risiko yang mungkin berlaku dalam melaksanakan aktiviti pendidikan luar, justeru pemahaman responden yang terlibat dalam perkara ini dilihat agak baik. Dalam hal ini kajian Jaffry Zakaria *et al.* (2015) yang menjelaskan aktiviti luar tidak terlepas dari isu keselamatan telah dijelas disokong secara positif melalui kajian ini yang menjelaskan mengenai tahap persepsi pelajar mengenai tahap pengurusan risiko yang sebenarnya membabitkan soal keselamatan pelajar itu sendiri ketika melaksanakan aktiviti.

Responden yang terlibat mempunyai kesedaran terhadap pengurusan risiko keselamatan sama ada sebelum, semasa dan selepas melakukan aktiviti pendidikan luar. Sungguhpun dapatan kajian ini tidak menolak sepenuhnya kenyataan Abidah Ainah (2018), namun bagi aktiviti berbahaya yang melibatkan aktiviti tali aras tinggi yang dilaksanakan, model amalan pengurusan risiko yang diamalkan menggunakan standard operasi sistem yang digunapakai oleh Pusat Kokurikulum Negeri yang berada dibawah Kementerian Pendidikan Malaysia dan dengan merujuk kepada skala yang lebih besar iaitu *South East Asia Climbing Federation*.

Kajian ini juga tidak mempunyai sebarang halangan untuk menyokong dapatan Porsanger dan Sandseter (2021) memandangkan nilai dapatan tahap pengurusan risiko sungguhpun memperoleh nilai keseluruhan 4.55, namun bagi tahap analisis risiko masih dapat dilihat agak rendah berbanding dimensi-dimensi lain yang menunjukkan responden masih mempunyai pandangan yang agak rendah

atau persepsi tahap keselamatan yang mungkin masih diragui. Namun kajian ini secara umum mempunyai dapatan yang selari dengan Pirontha Kalaiselvan dan Megat Ahmad (2021) mengenai pengurusan risiko pelaksanaan kokurikulum murid sekolah rendah di daerah Sepang, malahan dapatan ini menunjukkan hasil yang lebih baik berbanding dapatan pengkaji sebelumnya. Justeru dapatan ini menyokong dan bersetuju dengan dapatan Pirontha Kalaiselvan dan Megat Ahmad (2021).

KESIMPULAN

Secara kesimpulannya, Walaupun kajian ini hanya mempunyai beberapa sudut pandangan, ia menghasilkan sesuatu yang jelas yang menunjukkan bahawa pelajar atau peserta yang terlibat dalam program pendidikan luar meletakkan jurulatih pada kedudukan yang tinggi berdasarkan persepsi mereka. Ini menunjukkan tanda yang jelas bahawa jurulatih diterima baik dan dipercayai oleh pelajar dalam membantu mereka melaksanakan aktiviti pendidikan luar (Bina Insan Guru). Tahap kepercayaan yang rendah terhadap jurulatih akan mengakibatkan secara tidak langsung persepsi pelajar terhadap pengurusan risiko secara keseluruhan mungkin mempunyai hasil yang berbeza. Justeru, kajian lanjut mengenai perkara ini wajar diteruskan bagi menilai sudut pandang lain yang mampu memberi impak kepada keselamatan dan kemenjadian peserta.

RUJUKAN

- Kalaiselvan, P., & Ahmad Kamaluddin bin Megat Daud, M. (2021). Pengurusan Risiko Dalam Pelaksanaan Kokurikulum Murid Sekolah Rendah Daerah Sepang. *Journal Kepimpinan Pendidikan*, 8(1), 1–19.
- Abidah ainah binti Mohamed @jamal. (2018). *pembangunan kerangka pengurusan risiko pendidikan luar di institut pendidikan tinggi malaysia*. universiti tun hussein on malaysia.
- Jaffry Zakaria, Mohd Taib harun, & Norlena Salamuddin. (2015). Peranan Amalan Pengurusan Risiko. *ASEAN Comparative Education Research Network Conference 2015, October 2016*.
- Fatimah Mustaffa, Mohd. Ali bin Jemali, & Ahmad bin Esa. (2011). Pembentukan dan Pengujian Amalan Pengurusan Risiko Sukan Jurulatih Institut Pendidikan Guru Malaysia persepsi Atlet. *Journal of Strategic Studies*, 34(2), 281–293. <https://doi.org/10.1080/01402390.2011.569130>
- Wan Rezawana, W. D., Tajul, A. M., & Melor, M. Y. 2018. Hubungan Kecerdasan Pelbagai Dengan Sikap Terhadap Sukan Pelajar Pintar Cerdas Akademik. *Jurnal Pendidikan Malaysia* 43(3) Si (2018): 39-47, 43(3), 39–47.
- Ou, Z. (2020). Discussion on safety risk factors and management of college physical education. *Proceedings - 2020 International Conference on Urban Engineering and Management Science, ICUEMS 2020*, 657–660. <https://doi.org/10.1109/ICUEMS50872.2020.00144>
- Jaffry Zakaria, Mohd Taib harun, & Norlena Salamuddin. (2015). Peranan Amalan Pengurusan Risiko. *ASEAN Comparative Education Research Network*

Conference 2015, October 2016.

Ebert, P. A., & Morreau, M. (2022). Safety in numbers: how social choice theory can inform avalanche risk management. *Journal of Adventure Education and Outdoor Learning*. <https://doi.org/10.1080/14729679.2021.2012>

PENGURUSAN MUDAH ALIH: INOVASI DALAM PENGURUSAN PRAKTIKUM MENGGUNAKAN EASY Tele-Prak

Nancy Anthony¹ (*nancyanthony@ipkent.edu.my*)

Inurni Sati² (*inurni@ipkent.edu.my*)

Norifah Samad³ (*norifah@ipkent.edu.my*)

^{1,2,3}*Institut Pendidikan Guru Kampus Kent, Tuaran*

ABSTRAK

Inovasi dalam pengurusan amalan profesional adalah perlu untuk meningkatkan kecekapan pengurusan Unit Praktikum Institut Pendidikan Guru Kampus Kent dalam merealisasikan transformasi institut Pendidikan guru. Inovasi EASY Tele-Prak merupakan penjenamaan daripada aplikasi Telegram untuk membantu meningkatkan kualiti pengurusan dalam penyampaian info, pendedaran dokumen, penghantaran dokumen amalan profesional serta penjimatan dalam kos cetakan dokumen. Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti bagaimana EASY Tele-Prak boleh digunakan dalam proses pengurusan amalan profesional. Pendekatan kualitatif digunakan dalam kajian ini dengan reka bentuk kajian kes. Seramai 6 orang pelajar yang mewakili setiap opsyen PISMPambilan Jun 2019 iaitu Bahasa Kadazandusun (SK), Bahasa Melayu (SK) dan Bahasa Melayu (SJJC) telah dipilih sebagai sampel kajian. Temubual digunakan sebagai instrumen bagi mendapatkan data kajian ini. Kajian ini mendapati banyak faedah yang diperolehi oleh pelajar selepas menggunakan EASY Tele-Prak iaitu mesra pengguna, platform perbincangan secara digital serta pendedaran dokumen dengan cepat. Kajian ini menunjukkan bahawa inovasi terkini dapat membantu meningkatkan kecekapan pengurusan Unit Praktikum.

Kata kunci: *Pengurusan mudah alih, Telegram, EASY Tele-Prak, Praktikum*

PENGENALAN

Sistem pengurusan sentiasa ditambah baik seiring perkembangan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT). Salah satu usaha ialah mengintegrasikan pembangunan ICT dalam pengurusan amalan profesional di Institut Pendidikan Guru khususnya di Unit Praktikum Institut Pendidikan Guru Kampus Kent. Inovasi EASY Tele-Prak merupakan penjenamaan daripada aplikasi Telegram untuk membantu kecemerlangan pengurusan Unit Praktikum Institut Pendidikan Guru Kampus Kent dalam merealisasikan transformasi IPG. Selain itu, ia dapat membantu memberikan perkhidmatan dan pengurusan amalan profesional yang melibatkan Pengalaman Berasaskan Sekolah (PBS), Praktikum dan Internship. EASY Tele-Prak dapat membantu meningkatkan kualiti pengurusan dalam penyampaian info, pendedaran dokumen, penghantaran dokumen amalan profesional serta penjimatan dalam kos cetakan dokumen. Projek inovasi seumpama ini juga untuk membantu merealisasikan transformasi IPG melalui penjanaan idea baharu dan penambahbaikan berterusan yang berimpak tinggi dalam kecemerlangan penyampaian perkhidmatan dan

pengurusan amalan profesional. Tambahan pula, dengan adanya aplikasi teknologi seperti ini, ia dapat membantu meningkatkan motivasi para pelajar untuk meningkatkan kecemerlangan dalam amalan profesional mereka (Nur Aisyah, Istiqomah, & Muchlisin, 2021).

PERNYATAAN MASALAH

Antara masalah yang dihadapi oleh Unit praktikum ialah perlu mengedarkan banyak dokumen amalan profesional yang melibatkan Pengalaman Berasaskan Sekolah (PBS), praktikum dan Internship. Ia perlu diedarkan dengan cepat kepada semua pelajar yang terlibat. Selain itu, kos cetakan yang tinggi juga perlu diatasi supaya tidak berlaku pembaziran. Oleh itu, inovasi yang fleksibel iaitu EASY Tele-Prak dilaksanakan untuk membantu mengatasi serta menyelesaikan masalah tersebut. Tambahan pula, pengurusan perkhidmatan Unit Praktikum perlu ditingkatkan bagi membantu melahirkan bakal guru yang berkualiti untuk merealisasikan transformasi pendidikan negara seperti yang dihasrat oleh Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025. Inovasi EASY Tele-Prak boleh membawa perubahan paradigma dalam bidang pengurusan amalan profesional dan merupakan satu trend komunikasi tanpa wayar antara pihak Unit Praktikum dengan pelajar yang terlibat.

OBJEKTIF KAJIAN

- i) Mengetahui faedah yang diterima oleh pelajar dalam penggunaan EASY Tele-Prak.
- ii) Mengetahui cabaran yang dihadapi oleh pelajar dalam penggunaan EASY Tele-Prak.
- iii) Mengetahui keperluan dalam penambahbaikan penggunaan EASY Tele-Prak.

PERSOALAN KAJIAN

Bagi mencapai objektif kajian yang dinyatakan di atas, persoalan kajian ialah:

- i) Apakah faedah yang diterima oleh pelajar dalam penggunaan EASY Tele-Prak?
- ii) Apakah cabaran yang dihadapi oleh pelajar dalam penggunaan EASY Tele-Prak?
- iii) Apakah keperluan dalam penambahbaikan penggunaan EASY Tele-Prak?

KAJIAN LITERATUR

Pengurusan Mudah Alih

Pengurusan mudah alih ialah platform pengurusan yang menggunakan peranti komunikasi mudah alih seperti telefon bimbit, iPad, Personal Digital Assistants (PDAs) dan tablet PC (Norreha, Noor Rohin, & Airuddin, 2022). Telegram digunakan dalam pengurusan mudah alih ini kerana ia merupakan satu aplikasi mudah alih yang membolehkan pengguna berkomunikasi serta menyampaikan maklumat secara maya dengan cepat. Pengurusan mudah alih membolehkan para pelajar dapat menerima maklumat daripada Unit Praktikum pada bila-bila masa dan di mana-mana sahaja.

Pengurusan mudah alih membolehkan pelajar menjalani proses pembelajaran pada bila-bila masa dan di mana-mana sahaja kerana maklumat dapat dikongsikan secara maya saja (Haleem, Javaid, Qadri, & Suman, 2022). Pengurusan mudah alih juga dapat membantu perbincangan secara efektif antara pelajar dan Unit Praktikum kerana walaupun pelajar berada dari kawasan yang berbeza namun dapat memupuk pembelajaran kolaboratif (Ying Tang & Khe Foon Hew, 2022). Ia secara tidak langsung dapat membantu pengurusan Unit Praktikum ke arah pengurusan perkhidmatan yang lebih fleksibel, mudah alih serta mewujudkan suasana yang spontan, tidak formal, dan privasi tanpa mengabaikan konteks perkongsian maklumat.

Pengurusan Mudah Alih menggunakan Telegram

Projek inovasi EASY Tele-Prak digunakan dalam pengurusan amalan profesional yang melibatkan aktiviti praktikum pelajar kerana boleh digunakan melalui pelbagai platform seperti telefon pintar, PC, komputer riba, ipad, tab dan web. Selain itu, ia juga menggunakan format fail yang sesuai seperti jpg, audio, video, pdf, word dan powerpoint. Aplikasi EASY Tele-prak juga mudah untuk memindahkan fail yang besar dan secara tidak langsung ia memudahkan penyampaian maklumat kepada para pelajar, pengedaran serta penghantaran dokumen dapat dilakukan dengan mudah. Aplikasi Telegram juga memberikan kemudahan berkumpulan sehingga mencapai 1000 orang ahli dalam sesuatu kumpulan yang dibentuk. Penggunaan EASY Tele-Prak juga sesuai digunakan untuk mengedarkan dokumen kepada para pelajar serta penghantaran semula borang-borang yang berkaitan kerana ia mempunyai kapasiti penyimpanan dan pengurusan yang lebih baik berbanding dengan aplikasi yang lain.

Penggunaan alat komunikasi seperti telefon bimbit, tablet dan komputer riba untuk mengakses internet sememangnya kerap digunakan sebagai alat penghubung proses perkongsian maklumat secara tidak langsung. Setiap kursus di Institut Pendidikan Guru biasanya menyediakan 'kumpulan' dalam WhatsApp atau Telegram. Melalui medium ini, setiap jabatan, unit, pelajar dan pensyarah lebih mudah untuk berkongsi info serta perbincangan secara maya. Justeru, secara tidak langsung, pengurusan tidak formal telah berlaku. Dalam kajian ini, penjenamaan EASY Tele-Prak daripada aplikasi Telegram telah dipilih untuk dijadikan sebagai platform pengurusan mudah alih kerana kemudahan yang ada di dalam aplikasi tersebut. Sebagai contoh, aplikasi ini mudah untuk dimuat turun secara percuma daripada Play store oleh pengguna Android. EASY Tele-Prak bukan sahaja mudah untuk dikendalikan tetapi ia juga boleh memberi pilihan kepada pengguna untuk mengaksesnya melalui sebarang jenis peranti komunikasi seperti telefon pintar, tablet dan komputer. Ia juga membolehkan mereka memuat naik dokumen, imej, audio dan video.

Semua ahli dalam kumpulan EASY Tele-Prak juga berfungsi sebagai pentadbir dan mereka mempunyai kebebasan untuk menambah ahli lain ke kumpulan itu, dalam masa yang singkat. Selain itu, aplikasi ini juga boleh diakses menggunakan komputer yang sekaligus menjadikannya lebih fleksibel kepada pengguna yang mahukan paparan yang lebih besar berbanding telefon pintar.

Model Kajian Tindakan Kemmis dan Mc Taggart



Rajah 1: Model Kajian Tindakan Kemmis dan Mc Taggart

Projek inovasi EASY Tele-Prak dilaksanakan berpandukan Model Kajian Tindakan Kemmis dan Mc Taggart (1988). Ia melibatkan 4 peringkat yang utama iaitu:

i) Refleksi

Refleksi ke atas isu pengedaran dokumen secara bercetak untuk pelajar.

ii) Perancangan

Kaedah dan strategi yang difikirkan adalah bersesuaian dengan kemampuan dari segi masa.

iii) Pelaksanaan Perancangan

Melaksanakan EASY Tele-Prak mengikut perancangan yang telah ditetapkan. Pemantauan juga dijalankan supaya sebarang penambahbaikan dapat dilakukan.

iv) Pemerhatian

Pemerhatian keseluruhan bagi memastikan kesan pelaksanaan perancangan bagi mengatasi isu yang telah dikenalpasti dan refleksi untuk keperluan kitaran seterusnya jika perlu.

METODOLOGI

Kajian ini menggunakan pendekatan berbentuk kualitatif untuk mengenal pasti bagaimana EASY Tele-Prak boleh digunakan dalam proses pengurusan amalan profesional. Menurut Creswell (2018), penyelidikan kualitatif ialah satu proses penyelidikan untuk memahami sesuatu permasalahan manusia berasaskan kepada tradisi metodologi penyelidikan yang jelas. Pendekatan kualitatif digunakan dalam kajian ini kerana ia sering kali digunakan dalam situasi yang memerlukan penerangan

terperinci dan mendalam mengenai fenomena sosial sebagaimana berlaku dalam keadaan semula jadi serta cenderung untuk menghasilkan data yang banyak tetapi sangat kompleks. Rekabentuk kajian kualitatif ini adalah kajian kes iaitu penganalisan terperinci terhadap sesuatu fenomena atau unit sosial (Noraini, 2010). Reka bentuk kajian kes dipilih kerana kajian kes bermaksud pencerapan terhadap sesuatu fenomena yang khusus bagi seseorang individu atau kumpulan individu tertentu (Ghazali & Sufean, 2016) dan bertujuan untuk meneroka, membuat interpretasi dan mendapat pemahaman yang mendalam tentang sesuatu kes. Dengan pemilihan reka bentuk kajian kes ini memberi peluang kepada pengkaji untuk mengenal pasti penggunaan EASY Tele-Prak dalam pengurusan amalan profesional yang melibatkan praktikum oleh pelajar.

Sampel kajian adalah 6 orang pelajar praktikum fasa 1 PISMPambilan Jun 2019 yang mewakili setiap opsyen iaitu 2 orang daripada Bahasa Kadazandusun (SK), 2 orang opsyen Bahasa Melayu (SK) dan 2 orang daripada Bahasa Melayu (SJKC). Pensampelan bertujuan digunakan kerana strategi pensampelen ini memenuhi kriteria, sifat dan mengandungi maklumat seperti yang dikehendaki dalam kajian (Ghazali & Sufean, 2016). Selain itu, pemilihan sampel kajian berdasarkan pensampelan bertujuan juga berdasarkan kepada aspek yang memenuhi persoalan kajian, bersedia untuk ditemu bual, bersedia untuk bekerjasama serta dapat memberikan maklumat yang diperlukan. Menurut Ghazali & Sufean (2016), pemilihan bilangan sampel yang kecil membolehkan pengkaji dapat menyiasat perkara yang diselidiki dengan lebih mendalam dan terperinci. Ia juga selaras dengan cadangan Creswell et al., (2018) yang menyatakan bahawa bilangan sampel sebanyak 5 hingga 25 dianggap mencukupi untuk kajian fenomenologi seperti ini.

Teknik pengumpulan data yang digunakan ialah menggunakan temubual semi-struktur iaitu memerlukan penyelidik menentukan jumlah soalan-soalan temubual serta boleh menambah soalan temubual semasa sesi temubual berlangsung bagi memperolehi maklumat tambahan daripada beberapa aspek yang kurang jelas. Soalan temubual semi struktur yang digunakan diadaptasikan daripada kajian Shaista Noor et al., (2020) yang dibahagikan kepada 6 soalan utama. Data temubual daripada 6 orang sampel kajian dianalisis dengan melakukan transkripsi secara verbatim. Data yang dikumpul akan melibatkan 3 peringkat iaitu peringkat pengurusan data, peringkat reduksi dan peringkat penghasilan kategori. Data temubual yang diperolehi dikodkan dan dikategorikan berdasarkan tema yang telah ditetapkan dalam kajian ini. Data kajian yang diperolehi daripada temu bual terhadap 6 orang sampel kajian dilabelkan sebagai P1, P2, P3, P4, P5 dan P6.

DAPATAN KAJIAN

1) Apakah faedah yang diterima oleh pelajar dalam penggunaan EASY Tele-Prak?

Berdasarkan kepada analisis temubual yang telah dijalankan, Jadual 1 berikut menunjukkan faedah yang diterima oleh pelajar dalam penggunaan EASY Tele-Prak.

Jadual 1
Faedah penggunaan EASY Tele-Prak

Kategori	Tema	Aspek
Faedah	Maklumat	Fleksibel Kolaboratif maya
	Edaran dokumen	Maklumat mudah dicapai Info cepat diterima

i) Maklumat

Semua sampel kajian bersetuju bahawa mereka mendapat faedah daripada penggunaan EASY Tele-Prak dan dapat memudahkan mereka untuk berurusan dengan Unit Praktikum. Selain itu maklumat dapat diperolehi dengan lebih fleksibel kerana melalui telefon ataupun komputer tanpa perlu berurusan secara bersemuka dengan Unit Praktikum. Kolaboratif secara maya juga dapat dilakukan walaupun berada di lokasi yang berbeza. Perbincangan ini dapat memberikan input serta maklumat tanpa sempadan. Faedah yang diterima dapat dijelaskan seperti berikut:

“...EASY Tele-Prak sangat fleksibel...maklumat saya dapat dengan mudah...” (P1)

“...EASY Tele-Prak lebih mudah, lebih banyak fitur yang memudahkan, dan yang paling penting, mesej dalam telegram tidak hilang walaupun tukar telefon...” (P3)

“...Kemudahan akses yang fleksibel... EASY Tele-Prak membolehkan pelajar dan Unit Praktikum mengakses maklumat praktikum pada bila-bila masa dan dari mana-mana tempat melalui telefon pintar atau komputer...” (P4)

“...kami dapat berkongsi pengalaman dan *sharing* idea mengenai praktikum melalui online ini.” (P6)

“saya dapat berbincang dengan rakan-rakan lain melalui EASY Tele-Prak saja...dapat tolong jawab soalan saya...” (P2)

“penggunaan aplikasi ini memudahkan dapat maklumat yang terkini...” (P5)

ii) Edaran dokumen

Penggunaan EASY Tele-Prak sememangnya banyak membantu para pelajar memperoleh maklumat daripada Unit Praktikum dengan mudah dan cepat seperti yang dijelaskan oleh semua sampel kajian. Unit Praktikum juga dapat menjimatkan kos cetakan borang dan dokumen kerana hanya perlu kongsi semua dokumen melalui EASY Tele-Prak ini sahaja. Perkongsian dokumen secara maya juga memudahkan pelajar untuk mengakses dokumen dengan cepat. Ia juga dapat menjimatkan masa pelajar kerana tidak perlu berurusan secara bersemuka dengan Unit Praktikum. Info dan dokumen dapat dikongsi dan diterima pada bila-bila masa saja. Secara tidak langsung ia dapat memudahkan pengedaran dokumen praktikum kepada semua pelajar. Faedah yang diterima dijelaskan seperti dalam kenyataan berikut:

“...*paperless* dipraktikkan melalui penggunaan EASY Tele-Prak ini...”(P1)

“...tidak mudah hilang...senang cari dokumen yang sudah di *share*...” (P3)

“...cepat dan mudah akses...”(P4)

“...aplikasi ni memudahkan penyampaian makluman penting.” (P6)

“...maklumat berkaitan dengan praktikum dapat disampaikan dengan lebih baik,

“...medium ini sesuai digunakan kepada semua guru pelatih...sebab info lebih cepat sampai..”(P5)

“...saya terima maklumat dengan cepat...saya suka guna..”(P2)

Jadual 2: Faedah yang diterima oleh sampel kajian

Faedah	P1	P2	P3	P4	P5	P6
Fleksibel	/		/	/		/
Kolaboratif maya		/			/	
Maklumat mudah dicapai	/		/	/		
Info cepat diterima		/			/	

2) Apakah cabaran yang dihadapi oleh pelajar dalam penggunaan EASY Tele-Prak?

Berdasarkan analisis data dan tema yang telah diperoleh, setiap peserta kajian memiliki kefahaman yang jelas berkenaan cabaran dalam penggunaan EASY Tele-Prak. Setelah data dianalisis dan dikodkan, didapati sebanyak dua tema utama dan empat dimensi yang diperoleh berkaitan pengedaran dokumen daripada sampel kajian. Dua tema tersebut ialah (i) teknologi dan (ii) sikap pelajar. Setiap tema dibahagikan kepada aspek tertentu iaitu (i) akses internet, (ii) kurang diminati, (iii) penglibatan dan (iv) keprihatinan. Tema dan aspek adalah seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 3 di bawah:

Jadual 3: Cabaran dalam penggunaan EASY Tele-Prak

Kategori	Tema	Aspek
Cabaran	Teknologi	Akses internet Platform Kurang diminati
	Sikap pelajar	Penglibatan secara aktif Keprihatinan

i) Teknologi

Kesemua peserta kajian bersetuju bahawa isu utama yang dihadapi dalam penggunaan EASY Tele-Prak ialah gangguan talian internet. Kadang kala capaian talian internet di kawasan kampus akan terganggu dan secara tidak langsung akan mempengaruhi penerimaan maklumat yang dihantar melalui EASY Tele-Prak. Selain itu, lokasi kedudukan pelajar yang sedang menjalani praktikum juga mempengaruhi capaian talian internet kerana terdapat kawasan yang sukar untuk mendapat talian telefon dan internet. Hal ini mengakibatkan masalah dalam penggunaan EASY Tele-Prak. Tambahan pula, ada dikalangan guru pelatih yang berada di kawasan kampung yang menghadapi masalah capaian talian internet bahkan telefon. Masalah ini bukan sahaja mengganggu proses penerimaan serta penghantaran semula dokumen tetapi juga menghadkan interaksi antara Unit Praktikum dan guru pelatih. Ia boleh

dijelaskan melalui petikan temu bual berikut:

“Saya ada masalah capaian internet kerana tempat kediaman saya semasa menjalani praktikum di kawasan kampung dan talian internet susah...memang ada cabaran menggunakan EASY Tele-Prak ini...” (P1)

“Kadang-kadang talian internet terputus bila memuat turun bahan yang dihantar oleh Unit Praktikum...” (P2)

Capaian internet yang lemah juga dipengaruhi dengan perkhidmatan telekomunikasi yang dilanggan oleh pengguna sehingga mengalami gangguan diluar jangkauan. Kadangkala kelajuan capaian internet baik dan tiada gangguan namun bila musim hujan, capaian internet pula akan terganggu sehingga menyebabkan kesukaran untuk memuat turun serta memuat naik bahan melalui EASY Tele-Prak. Masalah seumpama ini seperti yang dinyatakan oleh peserta kajian berikut:

“...internet di kawasan kampung ini kadang-kadang laju tapi bila hujan susah untuk *connect* internet dan putus-putus, ...lambat untuk memuat turun dan memuat naik dokumen” (P3)

“Apabila saya berbincang dengan rakan-rakan dan Unit Praktikum, kadang-kadang *line* internet jadi *slow*, ...selalu lambat dan *loading* untuk sent sesuatu fail seperti gambar dan borang...” (P6)

Selain itu, peserta kajian juga menyatakan tentang platform Telegram yang kurang popular dikalangan pelajar. Mereka lebih suka menggunakan *whatsapp* kerana berpendapat bahawa ia senang untuk digunakan.

“...sebenarnya saya lebih suka gunakan *whatsapp*...sebab lebih *famous*” (P4)

“...hmm, senang untuk semak info daripada *whatsapp* berbanding EASY Tele-Prak ini...” (P5)

Dapatan kajian di atas menunjukkan bahawa masalah teknologi iaitu akses internet dan platform kurang diminati mempengaruhi penggunaan EASY Tele-Prak.

ii) Sikap pelajar

Tema sikap guru pelatih pula melibatkan dua aspek iaitu penglibatan secara aktif dan keprihatinan. Ada dikalangan pelajar yang kurang aktif dalam penggunaan EASY Tele-Prak dan secara tidak langsung ia mengakibatkan terlepas info yang disampaikan oleh Unit Praktikum. Pelajar bersikap sambil lewa terhadap makluman yang diberikan kerana jarang menggunakan aplikasi tersebut. Ini dijelaskan oleh peserta kajian P4 dan P6:

“...saya kurang aktif gunakan platform EASY Tele-Prak sebab jarang gunakan aplikasi Telegram...” (P4)

“...saya jarang buka Telegram baa...kawan saja yang *share* info...” (P6)

Bagi memastikan penggunaan EASY Tele-Prak berfungsi sepenuhnya,

seseorang pelajar mesti prihatin terhadap semua yang dikongsikan oleh Unit Praktikum contohnya makluman serta dokumen-dokumen yang berkaitan dengan praktikum. Pelajar boleh terlepas info-info yang penting jika tidak prihatin dengan mesej yang baru. Ini dijelaskan melalui temubual berikut:

“...Saya tidak menyedari jika ada mesej masuk ke dalam Telegram. Kadangkala saya terlepas maklumat...” (P2)

“...Sukar melihat *chat* yang suda di pin...sebab saya tidak aktif guna ni EASY Tele-Prak...” (P1)

Jadual 4: Cabaran yang dihadapi oleh sampel kajian

Isu	P1	P2	P3	P4	P5	P6
Akses internet	/	/	/			/
Platform Kurang diminati				/	/	
Penglibatan secara aktif				/		/
Keprihatinan	/	/				

3) Apakah keperluan dalam penambahbaikan penggunaan EASY Tele-Prak?

Jadual 5 di bawah menunjukkan tema dan dimensi yang diperolehi daripada dapatan kajian temubual:

Jadual 5: Keperluan menambahbaik penggunaan EASY Tele-Prak

Kategori	Tema	Aspek
Penambahbaikan	Perkongsian dokumen/info	Pengurusan sistematik
	Maklumbalas	Respon Efisien

i) Perkongsian dokumen / info

Penambahbaikan dalam penggunaan EASY Tele-Prak adalah penting bagi memastikan keberkesanan penggunaan teknologi tersebut. Ia bukan sahaja memberikan manfaat kepada para pelajar tetapi juga dapat meningkatkan kecekapan dalam pengurusan Unit Praktikum. Perkongsian dokumen ataupun info mestilah sistematik bagi mengelakkan daripada kecikiran penerimaan info. Penambahbaikan tersebut boleh dijelaskan melalui kenyataan temubual berikut:

“...membuat penggiliran masa bagi setiap unit jika ingin mendapatkan maklumat daripada pelajar..” (P3)

“...info yang diberikan biarlah dengan cara yang sistematik...supaya kami tidak terlepas maklumat yang diberikan...” (P5)

“...tunggu respon dari setiap unit sebelum upload bahan yang lain...” (P6)

ii) Maklumbalas

Respon yang efisien juga wajar diberikan bagi meningkatkan penggunaan EASY Tele-Prak ini kerana ia dapat membantu pelajar untuk menerima maklumbalas

dengan cepat. Setiap persoalan dan perbincangan mesti diselesaikan mengikut keperluan pelajar supaya tidak mengganggu kelancaran penerimaan input yang diperlukan. Selain itu, Unit Praktikum juga harus peka terhadap sebarang persoalan yang dikemukakan bagi membantu pelajar mendapat maklum balas yang diperlukan. Penambahbaikan yang perlu dapat dijelaskan seperti berikut:

“...menghantar informasi dengan lebih awal...supaya kami boleh bagi respon cepat...” (P4)

“...lebih peka dengan pertanyaan yang diajukan dalam *group* Telegram tersebut...” (P1)

“...jawab cepat bila ada pertanyaan pelajar...” (P2)

Jadual 6: Penambahbaikan yang diperlukan oleh sampel kajian

Penambahbaikan	P1	P2	P3	P4	P5	P6
Pengurusan sistematik			/		/	/
Respon efisien	/	/		/		

PERBINCANGAN KAJIAN

Aplikasi EASY Tele-Prak merupakan salah satu medium pengurusan yang bersifat mesra pengguna. *Chat Folders* iaitu ruang penyimpanan maklumat membolehkan Unit Praktikum mengedarkan dokumen amalan profesional kepada semua pelajar dengan cepat dan sistematik kerana aplikasi ini mampu menampung jumlah fail yang besar sehingga 1.5 GB walaupun dokumen tidak dimuat turun ke dalam telefon bimbit ataupun komputer riba (Tuan Shariffah Khairah, Mohd Mahzan & Abdul Razak, 2019). Walaupun terdapat cabaran yang dihadapi namun semua itu tidak menjadi penghalang untuk meneruskan penggunaan EASY Tele-Prak kerana ia merupakan satu platform digital yang sistematik dalam mengedarkan dokumen, perkongsian info serta perbincangan secara dalam talian.

Selain itu, EASY Tele-Prak mempunyai fungsi penghantaran jumlah mesej yang tidak terhad. Hal seumpama ini memudahkan perbincangan secara maya dengan lebih fleksibel dan efisien. Tambahan pula pesanan mesej sama ada dalam bentuk teks, gambar, fail berbentuk Word atau Portable Document Format (PDF), pesanan suara serta video kepada pelajar (Rubi & Shyamal, 2018). Penghantaran jumlah mesej yang tidak terhad juga memberi peluang kepada Unit Praktikum dan para pelajar berhubung antara satu sama lain sekali gus mewujudkan interaksi dua hala yang aktif serta meningkatkan keberkesanan pengurusan praktikum.

EASY Tele-Prak juga mempunyai tahap privasi dan keselamatan yang tinggi dan aspek tersebut membezakan aplikasi ini dengan *messengers* yang lain. Sebagai contoh, perbualan atau perbincangan di dalam aplikasi ini boleh di *end-to-end encrypted* dan boleh dijadikan sebagai perbualan atau perbincangan rahsia (Cosimo, Massimo, & Marco (2018). Secara tidak langsung, ia membantu privasi pengguna aplikasi tersebut. Channel EASY Tele-Prak yang dibina juga memberi impak yang positif kepada para pengguna kerana channel atau saluran yang dibina telah dibuat tetapan kepada *private* dan tidak boleh diakses oleh orang lain tanpa diberikan invite

link untuk mengikuti saluran tersebut. Sebarang dokumen yang dimuat naik di dalam channel juga telah ditetapkan agar tidak boleh disalin atau dihantar kepada pengguna yang lain. Ini akan membantu memantapkan pengurusan praktikum kerana dapat berkongsi dokumen-dokumen amalan profesional secara *paperless* serta dapat menyebarkan serta menyampaikan info praktikum dengan cepat dan mudah. Oleh itu, penambahbaikan dalam penggunaan EASY Tele-Prak akan dapat meningkatkan keberkesanan platform digital ini dalam memudahkan pelajar mendapat maklumat daripada Unit Praktikum.

KESIMPULAN/ RUMUSAN KAJIAN

Kesimpulannya, dimensi baharu dalam pengurusan mudah alih seperti penggunaan EASY Tele-Prak dapat membantu meningkatkan kecekapan pengurusan amalan professional Unit Praktikum. Perkongsian dokumen serta info melalui platform digital membuktikan bahawa proses pengurusan yang sistematik mesti diteruskan dalam apa jua cabaran yang dihadapi supaya para pelajar juga dapat menerima manfaat yang sewajarnya. Setiap cabaran yang dihadapi telah membuka peluang untuk meneroka penambahbaikan pengurusan secara dalam talian pada masa hadapan.

RUJUKAN

- Cosimo A, Massimo C, Marco G. (2018). Forensic Analysis of Telegram Messenger on Android Smartphones. *International Journal of Digital Investigation*, 23(12),31-49
- Creswell, J. W., & Creswell, J. D. (2018). Research design: qualitative, quantitative, and mixed methods approaches. Fifth edition. Los Angeles, SAGE.
- Ghazali, D., & Sufean, H. (2016). Metodologi Penyelidikan Dalam Pendidikan (2nd ed.). Penerbit UM
- Haleem, A., Javaid, M., Qadri, M. A., & Suman, R. (2022). Understanding the Role of Digital Technologies in Education: A Review. *Sustainable Operations and Computers*, 3, 275–285. <https://doi.org/10.1016/j.susoc.2022.05.004>
- Muchlisin M. (2019). The Power of Telegram as a Digital English Learning Media Abstract. *RETCO 9 National Seminar UNIROW Tuban, December 14-15, 12-1*
- Norreha, O., Noor Rohin, A., & Airuddin, A., (2022). Virtual Learning Education and Student Performance – Scenario in a Private Higher Education Institution. *Journal of Positive School Psychology*, 6:33
- Nur Aisyah, R., Istiqomah D.M., & Muchlisin M. (2021). Rising English Students' Motivation in Online Learning Platform: Telegram Apps Support. *Journal of Ultimate Research and Trends in Education*, 3:90-96
- Noraini Idris. (2010). Penyelidikan dalam Pendidikan. Kuala Lumpur. McGraw-Hill (Malaysia) Sdn. Bhd.
- Rubi AM, Shyamal G. (2018). A Comparative Study Between Telegram and WhatsApp in Respect of Library Services. *International Journal of Library & Information Science*, 7(2):1-5

- Tuan Shariffah Khairiah Tuan Kechil, Mohd Mahzan Awang & Abdul Razaq Ahmad. (2019). The Relationship Between Telegram Application As A History Learning Platform And Student Performance. *Global Conferences Series: Social Sciences, Education and Humanities (GCSSEH). The 2nd International Conference on Sustainable Development & Multi-Ethnic Society. Vol. 2, 156-160*
- Ying Tang & Khe Foon Hew, (2022). Effects of Using Mobile Instant Messaging On Student Behavioral, Emotional, And Cognitive Engagement: A Quasi-Experimental Study. *International Journal of Educational Technology in Higher Education* doi: 10.1186/s41239-021-00306-6

PENDIDIKAN INKLUSIF: CABARAN KEPADA TAHAP KESEDIAAN GURU

Dr. Rosnah@Nining Binti Sidek¹ (*niningrosnah@gmail.com*)

Haslan Bin Manja²

Zaieddi Bin Sackdan@Sahadan³

Mohd Saiful Bahri bin Bustam⁴

^{1,2,3}*Institut Pendidikan Guru Kampus Kent Tuaran,*

⁴*SMK. Desa Kencana, Lahad Datu Sabah, Malaysia.*

ABSTRAK

Pendidikan Inklusif (PI) di Malaysia telah diperkenalkan dalam Peraturan-peraturan Pendidikan (Pendidikan Khas) 1996 sebagai sebahagian daripada perkhidmatan untuk kanak-kanak berkeperluan khas (KBK). Matlamat Program Pendidikan Inklusif (PPI) untuk meningkatkan penyertaan dan penglibatan bagi memberi peluang kepada murid berkeperluan khas (MBK) mengikuti program akademik dan bukan akademik bersama-sama murid normal dalam arus perdana di sekolah harian. MBK akan belajar bersama-sama murid lain dalam kelas yang sama. Melalui percampuran ini diharapkan akan dapat memberi peluang kepada MBK untuk menyesuaikan diri dengan masyarakat dalam semua aspek dari peringkat awal lagi supaya mereka berkeyakinan dan mampu berdikari. Rentetan ini menjadi isu dan cabaran besar kepada guru-guru PI yang bukan opsyen Pendidikan Khas (PK). Dalam konteks IPGM, PI merupakan suatu kursus teras yang wajib diambil oleh semua pelajar PISMP semasa dalam latihan perguruan. Kajian ini mengenal pasti cabaran dan melihat sejauh mana tahap kesediaan dalam pelaksanaan PI kepada guru-guru pelatih. Kajian ini dilaksanakan melalui soal selidik, temubual dan analisis dokumen. Responden kajian adalah guru-guru pelatih PISMP MT1 dan 2 (SK & SJKC) yang terlibat secara langsung dengan kursus Pendidikan Inklusif dan guru-guru bukan opsyen Pendidikan Khas yang terlibat dengan PPI. Hasil Kajian diharapkan dapat membantu pelbagai pihak merangka keperluan latihan dan bimbingan kepada guru secara lebih terarah dalam peningkatan kualiti guru-guru PI yang dilatih, dari segi tahap kesediaan dan keyakinan diri untuk melaksanakan PPI di sekolah.

Kata Kunci: *MBK, PPI, IPGM, PISMP, PdPc*

PENDAHULUAN

Program Pendidikan Inklusif (PPI) adalah suatu program kepada murid berkeperluan khas (MBK) untuk belajar bersama-sama rakan-rakan normal di sekolah yang sama dengan menikmati semua kemudahan belajar tanpa mengira kaum, latar belakang,

status ekonomi dan ketidakupayaan. PPI dilaksanakan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) bermula tahun 2014 di sekolah-sekolah di seluruh negara. Program ini bertujuan untuk meningkatkan penyertaan dan penglibatan MBK bagi memberi peluang kepada mereka mengikuti program akademik dan bukan akademik bersama-sama murid normal lain dalam arus perdana sekolah harian. MBK akan belajar bersama-sama murid lain di dalam kelas yang sama. Melalui percampuran ini, akan memberi peluang kepada MBK untuk menyesuaikan diri dengan masyarakat di dalam semua aspek dari peringkat awal lagi supaya mereka berkeyakinan dan mampu berdikari. Di Malaysia, MBK diberi peluang untuk menerima pendidikan dengan menghadiri satu daripada tiga opsyen persekolahan iaitu sekolah pendidikan khas; program integrasi pendidikan khas atau program pendidikan inklusif. Pendidikan khas di Malaysia pada masa kini adalah di bawah tanggungjawab empat kementerian iaitu Kementerian Kesihatan, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Kementerian Pelajaran Malaysia, Kementerian Pengajian Tinggi dan Kementerian Sumber Manusia. Menurut *World Report on Disability* dianggarkan 1 billion manusia hidup sebagai orang kurang upaya dengan nisbah 1 dalam 10 kanak-kanak dan 80% menetap dalam negara membangun. Kanak-kanak berkeperluan khas (KBK) sukar memulakan persekolahan malah lebih sukar untuk teruskan ke menengah.

TINJAUAN LITERATUR


Kecacatan kelahiran atau fungsi abnormal wujud semasa kelahiran disebabkan oleh ketidakupayaan fizikal atau mental. Ianya adalah faktor masalah genetik, masalah kromosom atau faktor persekitaran. Dalam Akta Pendidikan 1996: MBK di bawah tanggungjawab KPM ditakrifkan sebagai murid- murid yang mempunyai kecacatan penglihatan, pendengaran dan masalah pembelajaran. Kanak-kanak bermasalah pembelajaran yang dimaksudkan ialah mereka yang ada masalah kognitif yang dianggap boleh diajar (*educatable*) iaitu:

- Kanak-kanak Down Syndrom
- Kanak-kanak Autistik Ringan
- Kanak-kanak kurang upaya mental
- Kanak-kanak bemasalah emosi
- Kanak-kanak bermasalah penglihatan
- Kanak-kanak kecelaruan bahasa dan pertuturan

Namun demikian, terdapat beberapa halangan yang dihadapi dalam pelaksanaan PPI di sekolah. Halangan tersebut seharusnya diatasi untuk memastikan konsep, matlamat dan dasar PPI dapat direalisasikan seperti mana yang dikehendaki oleh KPM. Pelaksanaan PPI adalah signifikan dengan aspirasi sistem pendidikan negara dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) (2013-2025) iaitu Setiap kanak-kanak warganegara Malaysia berhak mendapat kesamarataan peluang pendidikan bagi membolehkan mereka mencapai potensi masing-masing. Dalam pada itu, KPM berhasrat memastikan kadar akses sejagat dalam kalangan kanak-kanak dari peringkat prasekolah hingga ke peringkat menengah. Di Malaysia, dasar yang menyokong pelaksanaan PPI adalah:

- Akta Orang Kurang Upaya 2008
“orang kurang upaya tidak boleh dikecualikan daripada sistem pendidikan umum atas asas ketidakupayaan, dan kanak-kanak kurang upaya tidak boleh dikecualikan daripada pendidikan prasekolah, rendah, menengah dan tinggi, atas asas kesetaraan dengan orang atau kanak-kanak upaya, termasuk latihan vokasional dan pembelajaran sepanjang hayat”
- Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025
“Kementerian beriltizam menggalakkan lebih ramai MBPK ke dalam program pendidikan inklusif dan meningkatkan kualiti penyediaannya secara keseluruhan”

Bahagian Pendidikan Khas (2013) pula menyatakan bahawa setiap murid termasuk MBK adalah istimewa, mempunyai kepelbagaian kebolehan dan mempunyai hak yang sama rata bagi mendapatkan akses pendidikan yang berkualiti di semua sekolah. Pendidikan Inklusif adalah suatu kaedah pengajaran dan pembelajaran yang mencabar guru dalam mengimbangi keperluan pembelajaran murid normal dan MBK di dalam kelas yang sama. Guru dituntut untuk mengajar dengan kreativiti dan kesabaran yang tersendiri bagi mencapai objektif pembelajaran murid pelbagai aras dan keupayaan. Guru menggalakkan kerjasama dan toleransi dalam penyelesaian masalah, membentuk kemahiran merentas kurikulum, belajar secara kolaborasi dan menaksir pembelajaran murid. Dalam melaksanakan Pendidikan Inklusif guru saling bekerjasama dengan banyak pihak dari pentadbiran sekolah hinggalah melibatkan ibu bapa MBK. Kemahiran pedagogi yang harus dimiliki oleh guru adalah kemahiran pembelajaran dan inovasi (*Learning and innovation skills*), kemahiran maklumat, media dan teknologi (*Information, media and technology skills*) dan kemahiran hidup dan kerjaya (*Life and career skills*). Penggunaan pelbagai jenis bahan bantu mengajar yang bersumberkan internet amat disukai oleh murid. Guru yang kreatif dan inovatif pula akan berperanan sebagai pemudah cara ketika sesi pengajaran dan pembelajaran. Murid-murid perlu digalakkan melayari internet untuk mencari maklumat baharu tentang sesuatu topik pengajaran semasa (Yusniza, 2019).



Rajah 1. Dasar luar dan dalam negara yang terlibat langsung dengan Pendidikan Inklusif (PI).

Kajian tahap kesediaan guru terhadap pelaksanaan PI di sekolah telah dilakukan oleh penyelidik terdahulu. Mohd. Moktar dan Farhana (2019) telah melaksanakan kajian di 10 buah sekolah harian di daerah Masjid Tanah. Kajian ini mendapati, guru-guru perdana yang terlibat dengan Pendidikan Inklusif mempunyai tahap pengetahuan yang baik berkaitan dengan murid PI. Walau bagaimanapun, dapatan kajian menunjukkan persepsi yang negatif terhadap MBK yang ditempatkan di dalam kelas perdana. Mereka beranggapan MBK lebih baik ditempatkan di kelas Pendidikan Khas. Kajian ini juga turut mendapati bahawa guru-guru mempunyai tahap kesediaan yang sederhana dalam melaksanakan PI. Kajian Mazidah (2020) dalam kalangan guru-guru sekolah aliran perdana di kawasan Alor Gajah, mendapati bahawa tahap kesediaan aspek pengetahuan dan tahap kesediaan aspek sikap guru terhadap pelaksanaan Pendidikan Inklusif di sekolah adalah sederhana. Diantara objektif perancangan PPI adalah untuk;

- Memastikan murid berkeperluan khas mendapat hak sama rata untuk belajar dalam persekitaran tanpa halangan
- Membina keyakinan diri murid berkeperluan khas
- Meningkatkan kemahiran sosial murid berkeperluan khas terhadap murid di arus perdana
- Meningkatkan kesedaran dan penerimaan warga sekolah tentang kepelbagaian keupayaan murid berkeperluan khas.

Dalam merealisasikan konsep, matlamat dan dasar PPI di sekolah, guru aliran perdana seharusnya menggunakan sumber pembelajaran dan pemudah caraan yang bersesuaian dengan keperluan murid yang terdapat di dalam bilik darjah inklusif. Berdasarkan takrifan yang diberikan oleh Noriati A. Rashid et al. (2009), sumber pembelajaran dan pemudahcaraan merupakan segala kelengkapan yang digunakan oleh guru atau murid untuk membantunya dalam menyampaikan pengajaran di bilik darjah inklusif. Penggunaan sumber pembelajaran dan pemudahcaraan yang bersesuaian amatlah penting untuk membolehkan murid berkeperluan khas dapat memahami sesuatu konsep yang disampaikan oleh guru ketika berlangsungnya proses pembelajaran dan pemudahcaraan di dalam bilik darjah tersebut. Rajah 2.1 menunjukkan pendekatan pendidikan inklusif terdiri dari Inklusif penuh dan separa.

Dimana Inklusif Separa adalah mempelajari mata pelajaran akademik dan aktiviti kokurikulum tertentu bersama murid-murid arus perdana berasaskan kurikulum kebangsaan atau kurikulum kebangsaan yang diubah suai dengan bantuan atau tanpa bantuan perkhidmatan sokongan. berdasarkan potensi, bakat dan keupayaan MBK. Manakala, Inklusif Penuh pula adalah mempelajari semua mata pelajaran bersama murid-murid arus perdana berasaskan kurikulum kebangsaan atau kurikulum kebangsaan yang diubah suai dengan bantuan atau tanpa bantuan perkhidmatan sokongan. Rajah 2.1 menunjukkan PPI (Model Holistik) MBK.

MODEL PROGRAM PENDIDIKAN INKLUSIF



Rajah 2: Program Pendidikan Inklusif (Model Holistik) MBK

Dalam Peraturan-Peraturan Pendidikan (Pendidikan Khas) 2013, murid berkeperluan pendidikan khas ertinya kanak-kanak yang diperakukan oleh pengamal perubatan, ahli optik, ahli audiologi atau ahli psikologi mengikut mana-mana yang berkenaan sama ada dalam perkhidmatan kerajaan atau tidak sebagai murid yang mempunyai ketidakupayaan penglihatan, ketidakupayaan pendengaran, ketidakupayaan pertuturan, ketidakupayaan fizikal dan masalah pembelajaran atau mana-mana kombinasi ketidakupayaan dan masalah yang telah dinyatakan. Rajah 3 pula menunjukkan terdapat enam kategori MBK.

Objektif Kajian

Objektif kajian adalah untuk mengenalpasti kesediaan guru pelatih PISMP Opsyen Matematik Ambilan Jun 2021 IPG Kampus Kent, Tuaran dalam pelaksanaan Pendidikan Inklusif di sekolah.



PERNYATAAN MASALAH

Dalam konteks Institut Pendidikan Guru Malaysia (IPGM), Pendidikan Inklusif (PI) merupakan suatu kursus baharu dan menjadi kursus teras yang wajib diambil oleh semua pelajar Program Ijazah Sarjana Muda Perguruan (PISMP) dalam latihan perguruan. Rentetan Program Pendidikan Inklusif (PPI) ini menjadi isu dan cabaran besar kepada guru-guru PI yang bukan opsyen Pendidikan Khas (PK). Kajian ini adalah untuk mengenalpasti isu-isu, cabaran dan melihat sejauhmana keberkesanan pelaksanaan kursus PI kepada guru-guru pelatih di IPGK.

KEPENTINGAN KAJIAN

Matlamat Program Pendidikan Inklusif (PPI) adalah untuk meningkat penyertaan dan memberikan peluang kepada MBK menyertai program akademik dan bukan akademik bersama-sama murid normal arus perdana. Kajian ini mengenalpasti cadangan-cadangan bagi penambahbaikan kualiti Pengajaran, Pembelajaran dan Pemudahcaraan (PdPc) guru-guru PI yang bukan opsyen PK dapat dipertingkatkan di sekolah rendah. Kajian ini melihat ciri-ciri guru PI yang perlu bagi menangani kualiti pencapaian murid-murid bermasalah pembelajaran.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini dilaksanakan menggunakan instrumen soal selidik. Data dikutip melalui *google form*, pemerhatian, temubual dan analisis dokumen. Responden kajian seramai 42 orang guru pelatih PISMP Matematik Semester 1 Tahun 2 IPGK Kent. Instrumen Soal selidik 12 item diedarkan kepada semua responden. Lawatan ke dua buah sekolah iaitu SK. Pendidikan Khas Kota Kinabalu dan SK. Pekan Tuaran yang terlibat dengan MBK. Temubual dilakukan untuk mendapat pandangan dan cadangan daripada personal yang terlibat secara langsung dengan MBK. Temubual dengan guru-guru arus perdana yang bukan opsyen PK juga dilakukan semasa lawatan ke sekolah rendah daerah Tuaran.

KEPUTUSAN DAN PERBINCANGAN

Hasil kajian ditunjukkan dalam jadual 1. Selain daripada soal selidik, guru-guru yang terlibat dengan MBK dan PPI disekolah juga ditemubual dan diminta memberi pandangan tentang PPI yang dilaksanakan di sekolah mereka.

Jadual 1 : Hasil dapatan daripada soal selidik responden yang terlibat

Bi l	Item Soal Selidik	Sangat Setuju(%)	Tidak Pasti (%)	Tidak Setuju(%)
1	Berkeyakinan terhadap kebolehan MBK belajar bersama-sama murid arus perdana	50.0	23.0	26.7
2	Merasa teruja dengan MBK dan bersedia mempelbagaikan teknik PdPc yang bersesuaian	53.3	16.7	30.0

3	Mempunyai kepercayaan tentang kebolehan MBK bersaing dalam kelas arus perdana	63.3	13.3	23.3
4	Lebih yakin mengajar MBK yang mengalami kecacatan fizikal sahaja	63.3	10.0	26.7
5	Tidak yakin mengajar MBK yang mempunyai tahap kognitif rendah	26.7	16.7	56.7
6	Pelajar MBK sukar bersaing dengan pelajar arus perdana	56.7	13.3	30.0
7	Memerlukan kursus khas untuk meningkatkan kemahiran mengajar dalam kelas Inklusif	73.3	6.7	20.0
8	<i>Self-esteem</i> MBK akan meningkat jika terus berada dalam kelas arus perdana	70.0	13.3	16.7
9	Bersedia untuk membuat perancangan PdPc dan bahan bantu mengajar yang bersesuaian dengan MBK	76.6	6.7	16.7
10	Sedar tentang tanggungjawab menerima pelajar MBK dan mengajar mengikut kemampuan mereka	73.3	10.0	16.7
11	Percaya dengan kebolehan akademik bersandar kepada perbezaan tahap kebolehan pelajar	83.3	6.7	10.0
12	Dengan mengajar MBK membolehkan saya memahami tentang kepelbagaian pelajar	86.6	6.7	6.7

Dapatan kajian menunjukkan, terdapat beberapa maklumat menunjukkan skor yang rendah dan skor yang tinggi. Ini bermaksud terdapat sebilangan guru guru pelatih yang terlibat memberikan maklumbalas yang benar-benar diperlukan. Daripada jadual 1 jelas menunjukkan bahawa 50% guru pelatih PISMP berkeyakinan terhadap kebolehan MBK belajar bersama-sama murid arus perdana. Manakala 53.3% merasa teruja dengan MBK dan bersedia mempelbagaikan teknik PdPc yang bersesuaian. Seramai 63.3% mempunyai kepercayaan tentang kebolehan MBK bersaing dalam kelas arus perdana. Begitujuga, 63.3% lebih yakin mengajar MBK yang mengalami kecacatan fizikal sahaja. Manakala, 56.7% tidak bersetuju menyatakan tidak yakin mengajar MBK yang mempunyai tahap kognitif rendah. Seterusnya 56.7% pula menyatakan pelajar MBK sukar bersaing dengan pelajar arus perdana. Seramai 73.3% memerlukan kursus khas untuk meningkatkan kemahiran mengajar dalam kelas Inklusif. Seramai 70.0% menyokong *Self-esteem* MBK akan meningkat jika terus berada dalam kelas arus perdana.

Seterusnya 76.6% menyatakan kesediaan untuk membuat perancangan PdPc dan bahan bantu mengajar yang bersesuaian dengan MBK. Seramai 73.3% guru pelatih sedar tentang tanggungjawab menerima pelajar MBK dan mengajar mengikut kemampuan mereka. Majoriti guru pelatih iaitu 83.3% percaya dengan kebolehan akademik bersandar kepada perbezaan tahap kebolehan pelajar. Akhirnya, 86.6% menyatakan penglibatan dengan MBK membolehkan mereka memahami tentang kepelbagaian pelajar.

Hasil temubual dan pemerhatian dengan responden guru bukan opsyen yang mengajar MBK dalam kelas aliran perdana di sekolah, dapat dirumuskan bahawa guru-guru di sekolah yang melaksanakan PPI kepada MBK dalam kelas arus perdana.

1. Merasa kurang berkeyakinan untuk mengajar murid MBK bersama-sama dengan murid arus perdana dalam satu masa PdPc.
2. Perlu menguasai dua buah DSKP KSSR Matematik yang berbeza iaitu dari arus perdana dan Matematik Pendidikan Khas murid masalah pembelajaran.
3. Guru harus menyediakan dua jenis Rancangan Pengajaran Harian (RPH) untuk murid arus perdana dan Rancangan Pengajaran Individu (RPI) untuk MBK.
4. Pentaksiran dan penilaian yang berbeza bagi kedua Kumpulan murid.
5. Bahan Bantu Mengajar yang sesuai mengikut tahap dan peringkat murid.
6. Kaedah PdPc juga berbeza dan harus bersesuaian mengikut kategori murid.
7. Disiplin dan kawalan bilik darjah menjadi semakin rumit untuk dikendalikan oleh guru.
8. Ibu bapa meletakkan sepenuh pengharapan kepada guru untuk mengajar dan mendidik anak-anak mereka.
9. Terdapat dalam kalangan guru-guru PPI yang tidak mempunyai pengetahuan dan pengalaman asas berkaitan pendidikan khas dan kaedah pengendalian MBK.
10. Guru sukar memahami keperluan murid PPI dalam melaksanakan PdPc.
11. Guru tidak memperolehi pendedahan khusus berkaitan teknik dan kaedah PdP yang bersesuaian dgn PPI.

Kajian yang dijalankan oleh Kezar (2006); Smith et al. (2008) telah menunjukkan bahawa keperluan guru yang mengajar pelajar pendidikan di kelas aliran perdana iaitu inklusif sangat perlu dan mereka menyatakan penyesuaian terhadap pedagogi dapat membantu guru aliran perdana menyesuaikan dan mempelbagaikan teknik pengajaran mereka selain mendapat kerjasama daripada guru pendidikan khas. Dalam pelaksanaan inklusif terdapat juga dapatan kajian yang membincangkan tentang persepsi guru dan kesannya kepada inklusif terutamanya bagi murid-murid yang mengalami masalah pembelajaran (Treffinger et al. (2008). Dalam kajian yang dilakukan di dapati bahawa 13 daripada 30 orang pelajar yang ditempatkan di kelas inklusif adalah pelajar bermasalah pembelajaran. Pendekatan yang dilaksanakan adalah guru aliran perdana dan guru pendidikan khas mengajar bersama-sama di dalam kelas yang sama. Semua pelajar di dalam kelas ini diberikan pendedahan kepada kurikulum yang mengikut kesesuaian umur mereka. Hasil kajian yang dijalankan didapati hampir semua pelajar pendidikan khas di dalam kelas tersebut menunjukkan perubahan dari segi pencapaian akademik dan sahsiah.

ISU DAN CABARAN MENGAJAR MBK

- Keupayaan murid berkeperluan khas
- Pandangan dan penerimaan murid aliran perdana
- Komitmen atau keupayaan guru pendidikan khas dan aliran perdana untuk bekerja secara kolaboratif

- Sikap ibu bapa, guru dan pentadbir sekolah terhadap pelaksanaan PI
- Sumber dan kemudahan sedia ada
- Pandangan masyarakat terhadap pelaksanaan PI.

Guru kurang diberikan latihan dan pendedahan yang secukupnya berkenaan kaedah dan teknik untuk mengajar MBK. Dari aspek sikap; negara-negara yang membangun (kalangan masyarakat berpendapatan rendah) mempunyai sikap negatif terhadap perbezaan individu yang menyebabkan diskriminasi dan masih ramai golongan berpendapat bahawa tiada guna dalam mendidik MBK. Dari halangan Fizikal pula adalah perjalanan untuk ke sekolah kurang selamat kerana persekitaran yang bahaya. Peralatan/bahan-bahan sokongan kurang dibekalkan. Dari aspek Kurikulum pula, kandungan kurikulum biasanya tidak dapat menemui keperluan kepelbagaian murid. Sebagai contoh, MBK yang mempunyai masalah penglihatan akan mempunyai halangan dalam menjalankan eksperimen yang memerlukan kemahiran pemerhatian. Guru pula kurang diberikan latihan dan pendedahan yang secukupnya berkenaan kaedah dan teknik untuk mengajar MBK.

Dari aspek Bahasa dan komunikasi, PdP perlulah dijalankan mengikut bahasa pertama pelajar-pelajar tersebut mengikut kemampuan guru. Rakan-rakan MBK sukar berkomunikasi dengan MBK yang mempunyai masalah pendengaran (bahasa isyarat). Dari faktor sosio ekonomi, kawasan-kawasan yang mempunyai penduduk yang miskin mempunyai pendapatan yang rendah. Ibu bapa sanggup tidak menghantar anak-anak ke sekolah kerana kesempitan ekonomi. Dari segi kos pembiayaan kekurangan sumber (kemudahan, guru, kakitangan, bahan pembelajaran, sokongan). Seterusnya, dasar sebagai halangan, dimana terdapat beberapa buah negara yang mempraktikkan dasar terhadap kanak-kanak yang mengalami ketidakupayaan intelektual yang teruk dan tidak boleh diajar. Akhirnya, KBK tidak akan menerima peluang yang sama bersama kanak-kanak arus perdana.

KESIMPULAN

Pendidikan inklusif memberi peluang kepada kanak-kanak berkeperluan khas untuk berada dalam persekitaran masyarakat yang sebenar melalui sistem pendidikan. Situasi ini membantu pelajar untuk berinteraksi dengan persekitaran yang pelbagai serta melatih diri berhadapan dengan kehidupan masa depan kelak. Kajian menunjukkan bahawa kanak-kanak menunjukkan prestasi akademik dan sosial yang lebih tinggi apabila mereka belajar dalam suatu persekitaran yang sama. Oleh itu, pendidikan inklusif perlu dilaksanakan bukan sahaja di sekolah- sekolah yang terpilih namun di setiap sekolah dan pusat-pusat biasa untuk memudahkan akses pendidikan kepada golongan berkeperluan khas. Kanak-kanak dengan atau tanpa ketidakupayaan mempunyai hak yang sama terhadap peluang pendidikan. Pengasingan pendidikan merupakan pelanggaran Hak kemanusiaan dan menghadkan keupayaan mereka mendapat peluang pendidikan pada masa hadapan.

Jika sekolah ingin berjaya menginkluskasikan murid-murid yang mempunyai tingkah laku mencabar dan pembelajaran pelbagai, guru-guru aliran Perdana dan

MBK perlu disokong oleh sepasukan profesional. Pasukan profesional ini termasuk guru resos atau sumber, guru bimbingan, mentor intervensi atau tingkah laku sekolah serta guru bertanggungjawab kepada literasi dan numerasi. Peranan utama ahli pasukan ini ialah menyokong guru kelas melalui *coaching*, *co-teaching*, *co-planning* dan konsultasi. Mereka berkolaborasi untuk menyelesaikan masalah bersama dan menggunakan strategi/amalan yang menghasilkan kejayaan guru dan murid. Penggunaan sumber pembelajaran dan pemudahcaraan berasaskan teknologi maklumat dan komunikasi amatlah penting selaras dengan keperluan pembelajaran abad ke-21 yang memberi fokus terhadap pengintegrasian media teknologi maklumat dan komunikasi dalam sumber pembelajaran dan pemudahcaraan di dalam bilik darjah.

Guru juga seharusnya mengaplikasikan strategi pembelajaran dan pemudahcaraan yang bersesuaian dengan keperluan murid yang terdapat di dalam bilik darjah dalam usaha untuk merealisasikan konsep, matlamat dan dasar Program Pendidikan Inklusif di sekolah. Strategi pembelajaran dan pemudahcaraan merujuk kepada kaedah bagaimana guru mengendalikan sesuatu aktiviti pembelajaran dan pemudahcaraan dengan sistematik untuk mencapai objektif pembelajaran dan pemudahcaraan yang telah ditetapkan. Oleh yang demikian, dalam usaha untuk merealisasikan konsep, matlamat dan dasar Program Pendidikan Inklusif di sekolah, semua pihak haruslah mengimplementasikan budaya kolaboratif.

Kesediaan dan teknik pengajaran perlu diberikan penekanan agar perlaksanaan inklusif ini dapat dijalankan dengan sistematik dan dapat mencapai matlamat inklusif terutamanya daripada segi tahap penerimaan guru aliran perdana yang bertanggungjawab untuk memastikan inklusif dapat dilaksanakan. Penerimaan terhadap pelajar perlu diberikan perhatian khusus disamping keperluan guru seperti latihan khusus berkenaan pedagogi perlu diberikan keutamaan bagi memastikan kedua-dua pihak iaitu guru dan pelajar mendapat manfaat daripada program yang telah tersedia. Secara keseluruhan, kajian ini diharapkan dapat membantu pihak-pihak yang berkepentingan dan terlibat secara langsung dalam pelaksanaan PPI dapat mengenal pasti PPI yang dijalankan serta mampu mencapai sasaran KPM dalam transformasi pendidikan negara. Kajian ini juga diharapkan mampu meningkatkan penyertaan MBK dalam pendidikan arus perdana sebagaimana dihasratkan dalam PPPM 2013-2025.

Kajian ini mendapati bahawa Pelajar PISMP Ambilan Jun 2018 mempunyai kesediaan yang tinggi untuk melaksanakan program Pendidikan Inklusif dari aspek sikap dan juga pengetahuan. Ini menggambarkan bahawa latihan perguruan memenuhi keperluan Pendidikan Inklusif. Keyakinan guru pelatih ini amatlah memberangsangkan kepada para pensyarah yang mengajar kursus Pendidikan Inklusif. Kerjasama erat di antara pensyarah juga menyumbang kepada aspek sikap yang baik oleh guru pelatih. Selain daripada itu, usaha sendiri para pensyarah dalam mempertingkatkan pengetahuan dan kemahiran untuk melatih guru pelatih melaksanakan pendidikan inklusif turut menyumbang kepada tahap kesediaan ini.

RUJUKAN

- Akta Pendidikan (1996). Kementerian Pelajaran Malaysia.
- Akta Orang Kurang Upaya. (2008). Undang-undang Malaysia Akta 685.
- Bahagian Pendidikan Khas. (2013). *Garis Panduan Program Pendidikan Inklusif Murid Berkeperluan Khas*. Edisi Percubaan. Bahagian Pendidikan Khas, Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Bahagian Pendidikan Khas. (2013). *Garis Panduan Program Pendidikan Inklusif MBK*.
- Cheong, Keok Lee (2018). *Pendidikan Inklusif*. Siri Pendidikan Guru. Oxford Fajar.
- Chua, Y.P. (2011). *Kaedah Penyelidikan*. Edisi ke-2. Mc Graw Hill. Kuala Lumpur.
- Chua, Y.P. (2012). *Asas Statistik Penyelidikan*. Edisi ke-2. McGraw Hill. Kuala Lumpur, 241.
- Hick, P., & Thomas, G. (2009). *Inclusion and Diversity in Education. Vol. 1: Inclusive Education as Social Justice*. Los Angeles: Sage Publications.
- Husna, Suryani. (2016). *Challenges Malaysian Teachers Face In The Inclusive of Autistic Students In The normal Classroom*. Journal Of Education and Social Sciences, Vol 4. ISSN 2289-9855.
- Lipsky, D.K. & Gartner, A. (2008). *Inclusion: A service not a place*. Port Chester, NY Dude Publishing.
- Laporan Awal Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025. KPM.
- KPM (t.th). <http://ipgkpm.edu.my/download/PAK21-KPM.pdf> (dicetak pada 6 Mac 2021).
- KPM. (2013). *Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025*. Putrajaya.
- Mohd. Moktar Tahar dan Farhana Najib (2019). *Kesediaan Guru Aliran Perdana Terhadap Perlaksanaan Pendidikan Inklusif*. e-Prosiding Persidangan Antarabangsa Sains Sosial dan Kemanusiaan 2019. 24-25 April 2019 Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor.
- Mazidah Ali (2020). *Tahap Kesediaan Guru Sekolah Aliran Perdana Melaksanakan Pengajaran dan Pembelajaran Terhadap Murid Bercirikan Disleksia*. Jurnal Penyelidikan Pendidikan Guru.
- Norfisah Mat Rabi, Nor Hasnida Che Md Ghazali, Nor Aizal Akmal Rohaizad dan Mohd Yusof Zukefli.(2018). *Readiness of Pre-Service Teacher to Teac Student with Special Needs through Inclusive Education Cours*. International Journal of Academic Research in Progressive Education & Development. 7(4). 200-210.
- Safari Bari, Mohd Hanafi Mohd Yasin dan Mohd Nazri Hamzah (2014). *The Readiness of Special Education Trainees to Teach in Inclusive Program*. International Education Studies. 7(13). 206-211.
- Smith, T.E.C., Polloway, E., Patton, James. R., Dowdy, C. A. (2008). *Teaching Students with Special Needs In Inclusive Setting*. 5th Ed. Boston Pearson Allyn and Bacon.
Kajian dijalankan untuk menentukan perkaitan di antara gaya kepimpinan yang diamalkan dengan tahap kepuasan kerja staf AKP. Hal ini dilakukan kerana kepuasan kerja selalunya dikaitkan dengan gaya kepimpinan seseorang pemimpin.

KAJIAN LITERATUR

Definisi Operasi

Pemimpin atau pengurus ialah pihak pentadbir dalam pengurusan dan pentadbiran dalam IPG Kampus Kent, Tuaran. Pemimpin atau pengurus yang dimaksudkan adalah pengarah, timbalan pengarah, ketua jabatan dan ketua unit, manakala anggota kumpulan pelaksana (AKP) ialah staf bukan akademik.

Gaya Kepimpinan Transformasi

Kepimpinan transformasi yang dimurnikan oleh Bass (1985) berasaskan Burns (1978) telah dibahagikan kepada empat aspek, yakni pengaruh yang ideal atau karisma, rangsangan intelek, pertimbangan individu dan motivasi berinspirasi.

Pemimpin yang berorientasikan kepimpinan transformasi pada prinsipnya akan menggalakkan pekerja untuk mencapai prestasi yang lebih tinggi, menjadi sumber inspirasi kepada pekerja dengan menetapkan arah tuju dan visi yang jelas dan memberi kuasa kepada pekerja untuk melibatkan diri dalam membuat keputusan (Bass, 1985; Voon et al., 2011). Gaya kepimpinan ini diyakini berupaya meningkatkan persepsi terhadap sokongan organisasi sekiranya visi dan matlamat organisasi, kuasa dalam pembuatan keputusan dan pencapaian prestasi dapat memenuhi keperluan kerjaya pekerja dalam organisasi. Hal ini selaras dengan pandangan bahawa penilaian pekerja terhadap keupayaan pengurus dalam memenuhi keperluan dan matlamat kerjaya pekerja akan dapat meningkatkan keyakinan pekerja terhadap sokongan organisasi khususnya terhadap keupayaan, komitmen dan integriti pekerja (Aselage & Eisenberger, 2003; Aube et al., 2007; Eddleston, Baldrige, & Veiga, 2004).

Kepuasan Bekerja Dalam Organisasi

Kepuasan dalam kehidupan merupakan sesuatu yang penting kepada setiap manusia dan bagi mereka yang bergelar pekerja pula kepuasan kerja penting bagi mereka sepanjang tempoh mereka bekerja (Zaffar Ahmad Nadaf, 2018). Kepuasan kerja adalah bila mana seseorang pekerja mempunyai perasaan gembira dan selesa terhadap pekerjaan. Hal ini memberikan gambaran bahawa pekerja yang berada pada tahap yang selesa dengan keadaan kerjanya telah mencapai kepuasan kerja

Gaya kepimpinan yang dibawa di tempat kerja juga menjadi faktor penyumbang kepada tahap motivasi seorang pekerja dan ianya secara tidak langsung akan memberi kesan ke atas kepuasan kerja mereka. Tingkah laku pengurus atau orang berjawatan lebih tinggi akan memberi kesan kepada pekerja yang berjawatan lebih rendah. Menurut Simon (1947) pekerja akan mematuhi arahan orang yang berjawatan lebih tinggi darinya selagi arahan tersebut dirasakan munasabah untuk dituruti.

Hasil penyelidikan menunjukkan bahawa secara khususnya, gaya kepimpinan transformasi telah mempengaruhi kepuasan kerja guru dan komitmen organisasi secara positif. Apabila gaya kepimpinan pentadbir berubah menjadi transformasi, secara tidak langsung kepuasan kerja dan komitmen organisasi guru akan meningkat (Mohd Akhmarudi M. Y., Siti Noor, I. & Anis Salwa, A., 2020).

Amalan kepimpinan transformasi oleh pemimpin sekolah dan kepuasan kerja guru berada pada tahap tinggi, serta wujud hubungan yang signifikan antara kedua-dua pembolehubah berkenaan. Pemimpin harus sentiasa memastikan prestasi kepimpinan berada pada tahap yang tinggi untuk menyumbang kepada hubungan yang signifikan dengan kepuasan kerja dan komitmen guru kepada organisasi

(Jamalullail A. W., Che Fuzlina, M. F., Hazita I. & Samsidah M. A.W., Mohd Fuad, I.& Majid, 2014).

Kajian gaya kepemimpinan pengetua memberi kesan yang besar kepada kepuasan kerja guru. Dapatan kajian menunjukkan gaya kepemimpinan transformasi lebih dominan diamalkan oleh pengetua sekolah menengah berbanding dengan gaya kepemimpinan yang lain. Kajian juga berjaya membuktikan gaya kepemimpinan pengetua mempunyai pengaruh yang signifikan terhadap kepuasan kerja guru (Ahmad, Y. I. 2016).

Teori Kepuasan Berkerja Maslow (1943)

Teori Maslow ini mengandungi lima peringkat keperluan manusia iaitu; pertama, keperluan asas; kedua, keperluan keselamatan dan jaminan diri; ketiga, keperluan untuk berkasih sayang; keempat, keperluan untuk penghormatan diri; dan yang terakhir ialah keperluan untuk pencapaian diri. Menurut Maslow (1943), tingkat memenuhi keperluan diri ini adalah mengikut susunan secara berhierarki.



Rajah 1: Teori Maslow

Teori Maslow mencadangkan pengurus organisasi untuk mengenal pasti kekurangan dalam keperluan pekerja yang mendesak serta boleh mempengaruhi sikap dan tingkah laku yang negatif. Pada masa yang sama, menyediakan peluang untuk memenuhi keperluan seseorang pekerja itu boleh menjadi sumber motivasi yang positif. Menurut Zeynep dan Mert (2014), tahap keperluan motivasi Maslow dipenuhi melalui tiga jenis ganjaran; pertama, tahap yang paling teratas iaitu tahap pencapaian diri dipenuhi sepenuhnya melalui ganjaran yang bersifat intrinsik seperti penghormatan sosial, penghargaan, anugerah berprestij, pujian sosial dengan mendapat nama baik dan yang seumpamanya; kedua iaitu di peringkat memenuhi keperluan penghormatan diri, ia diperolehi daripada ganjaran bersifat intrinsik dan ekstrinsik; ketiga, di peringkat keperluan sosial sehingga keperluan fisiologi, ia diperolehi melalui ganjaran bersifat ekstrinsik semata-mata.

Model Gaya Kepimpinan Transformasi

Teori Slocum dan Hellriegel seperti yang ditunjukkan dalam Rajah 2 adalah dibina dari empat konstruk utama yang berasaskan daripada teori Burns (1978) dan Bass (1985) serta mempunyai persamaan dengan teori Leithwood (1994). Empat konstruk tersebut ialah:



Rajah 2: Model Kepimpinan Transformasi Slocum dan Hellriegel (2007)

1. Motivasi Berinspirasi. Pemimpin transformasi mencetus inspirasi dalam kalangan pengikutnya melalui perbuatan mahu pun kata-katanya. Pemimpin transformasi membimbing pengikutnya dengan menyediakan mereka tentang kesedaran terhadap cabaran dan pengertian terhadap apa sahaja yang dilakukan.

2. Membina Rangsangan Intelektual. Pemimpin yang mengamalkan kepimpinan transformasi menggalakkan subordinat berfikir di luar kotak atau di luar kebiasaan dengan menjadi lebih inovatif dan kreatif. Dengan ini, pemimpin transformasi adalah seorang yang berani mempersoalkan sebarang andaian dengan meneroka idea-idea dan kaedah-kaedah baru serta menghadapi sebarang situasi dengan cara baru.

3. Memupuk Pengaruh yang Ideal. Pemimpin transformasi memperlihatkan tingkah laku yang menjadi inspirasi dan iktan subordinat. Mereka menggunakan semua sumber kuasa bagi menggerakkan kemajuan individu.

3. Pertimbangan Berasaskan Individu. Satu prinsip kepimpinan transformasi yang menuntut kepekaan pemimpin terhadap ahli organisasi sebagai seorang individu serta menghormati perbezaan sesama individu dan tidak menjadikannya sebagai suatu halangan dalam membentuk kesepakatan mencapai matlamat organisasi.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini menggunakan reka bentuk kajian kes melalui pendekatan kuantitatif bagi mengkaji persepsi AKP terhadap kepimpinan transformasi dan kepuasan kerja di Institut Pendidikan Guru Kampus Kent, Tuaran. Kajian ini menggunakan soal selidik bercetak, di mana borang soal selidik diedarkan kepada responden. Data yang diperolehi menerusi kajian ini dianalisis menggunakan *Statistical Packages for Social Sciences (SPSS)* versi 26.0 bagi mendapatkan analisis deskriptif (peratus, min dan sisihan piawai) serta analisis inferensi (ujian korelasi Pearson).

Dalam kajian ini, sampel kajian dipilih secara persampelan rawak yang terdiri daripada 56 orang anggota kumpulan pelaksana (AKP) pelbagai gred yang bertugas di IPG Kampus Kent. Tujuannya supaya sampel yang menjawab soal selidik dapat mewakili populasi kajian iaitu IPG Kampus, Kent. (Mohd. Najib, 1999). Jadual

penentuan saiz sampel telah dikemukakan oleh Krejcie dan Morgan (1970).

Instrumen yang digunakan dalam kajian ini ialah satu set borang soal selidik yang diedarkan kepada responden bagi mendapatkan maklum balas. Soal selidik kepimpinan transformasi diadaptasi, diubahsuai dan diterjemahkan kepada Bahasa Melayu berdasarkan instrumen kajian yang dibangunkan oleh Philip & Azlin (2016) dan Bass & Avolio (1995). Manakala soalselidik kepuasan bekerja diadaptasikan dan diubahsuai berdasarkan instrumen kajian yang dibangunkan oleh Mohd Akhmarudi Mohd Yusoff dan rakan-rakan (2020) dan Speed (1979) dalam Ahmad Yusri Ismail. (2016).

Instrumen soal selidik ini terdiri daripada tiga bahagian iaitu Bahagian 1, 2 dan 3. Bahagian 1 merangkumi latar belakang responden dan Bahagian 2 pula berkaitan gaya kepimpinan transformasi (36 item). Manakala Bahagian 3 berkaitan kepuasan bekerja dalam organisasi (10 item).

Instrumen ini mempunyai ciri-ciri psikometri yang lengkap dari segi kebolehpercayaan. Menurut Nunnally, J. C. (1978) nilai pekali *Alpha Cronbach* yang ideal adalah 0.70 ke atas. Dalam kajian ini, nilai *Alpha Cronbach* bagi item gaya kepimpinan transformasi secara keseluruhan ialah $\alpha=0.985$ bagi 36 item yang diuji. Manakala nilai Alpha Cronbach bagi item kepuasan bekerja dalam organisasi ialah $\alpha=0.975$

Berdasarkan nilai-nilai yang diperolehi, didapati kesemuanya melebihi 0.800 dan mempunyai kebolehpercayaan yang tinggi.

Jadual 1: Cronbach Alfa

Gaya Kepimpinan	Cronbach Alfa
Gaya Kepimpinan Transformasi (TF)	0.985
Faktor 1: Pengaruh Ideal (TFA)	0.957
Faktor 2: Motivasi Berinspirasi (TFB)	0.954
Faktor 3: Merangsang Intelektual (TFC)	0.941
Faktor 4: Pertimbangan Individu (TFD)	0.939
Kepuasan Bekerja Dalam Organisasi	0.975

Bagi pengujian statistik deskriptif min, interpretasi skor min berdasarkan sumber daripada Nunnally dan Bernstein (1994). Interpretasi skor min gaya kepimpinan adalah seperti yang dinyatakan dalam Jadual 2.

Jadual 2: Interpretasi Skor Min

Julat Skor Min	Interpretasi Julat Skor Min
1.00 - 2.00	Rendah
2.01 - 3.00	Sederhana Rendah
3.01 - 4.00	Sederhana Tinggi
4.01 - 5.00	Tinggi

Interpretasi skor min tahap kepuasan kerja adalah seperti yang dinyatakan dalam Jadual 3 (Suhaya, D. & Siti Zubaidah, M. I. (2016).

Jadual 3: Skor Tahap Kepuasan Kerja

Julat Skor Min	Tahap Kepuasan Kerja
0.00 – 1.00	Sangat Tidak Memuaskan
1.01 – 1.99	Tidak Memuaskan
2.00 – 2.79	Tidak Pasti
3.00 – 3.96	Memuaskan
3.97 – 5.00	Sangat Memuaskan

Analisis statistik inferensi digunakan untuk mendapatkan inferens daripada statistik suatu sampel bagi seluruh populasi. Dalam konteks kajian ini, analisis inferensi dilaksanakan dengan menggunakan prosedur Bivariate Correlations berasaskan model korelasi Pearson (r) untuk mengukur korelasi kesemua pemboleh ubah yang terlibat. Kekuatan perhubungan diantara pembolehubah-pembolehubah dalam kajian ini dianggar dengan menggunakan skala kekuatan yang dicadangkan oleh Davies (1971) seperti di dalam Jadual 4.

Jadual 4: Skala Davies (1971) Interpretasi Kekuatan Korelasi Antara Pemboleh Ubah

Nilai Pekali	Interpretasi
0.70 – 1.00	Amat Tinggi
0.50 – 0.69	Tinggi
0.30 – 0.49	Sederhana Tinggi
0.10 – 0.29	Rendah
0.01 – 0.09	Diabaikan

DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Seramai 56 orang responden Anggota Kumpulan Pelaksana (AKP) daripada pelbagai jawatan yang bertugas di IPG Kampus Kent yang terlibat dalam kajian ini. Terdapat 24 orang responden (42.9%) daripada mereka adalah responden lelaki manakala 32 orang responden (57.1%) adalah responden perempuan. Majoriti responden mempunyai taraf pendidikan SPM iaitu seramai 28 orang (50.0%) dan diikuti STPM/Diploma seramai 14 orang (25.0%), PMR dan Ijazah Sarjana Muda masing-masing 6 orang (10.7%) dan lain-lain kelayakan hanya 2 orang (3.6%).

Jadual 5: Analisis Demografi

	Kategori	Kekerapan (N=56)	Peratusan (%)
Jantina	Lelaki	24	42.9
	Perempuan	32	57.1
Pendidikan	PMR	6	10.7
	SPM	28	50.0
	STPM/ Diploma	14	25.0
	Ijazah Sarjana Muda	6	10.7
	Lain-lain	2	3.6

Tahap Gaya Kepimpinan Transformasi (TF)

Gaya kepimpinan Transformasi terdiri daripada empat faktor yang mewakili konstruk iaitu faktor 1 : Pengaruh Ideal, faktor 2: Motivasi Berinspirasi, faktor 3; Merangsang Intelektual dan faktor 4: Pertimbangan Individu.

Faktor 1: Pengaruh Ideal (TFA)

Berdasarkan kepada Jadual 6, menunjukkan min yang diperolehi semua berada pada tahap tinggi. Item yang mencatatkan nilai min tertinggi adalah item 2 yang berkaitan dengan responden suka dengan pentadbir yang “Peramah dengan semua warga kent tanpa mengira gred jawatan” iaitu (min=4.43, sp=0.499) manakala item 5 “Menjadi agen perubahan dan kecemerlangan IPGK Kent” (min=4.29, sp=0.653) mempunyai nilai min yang rendah berbanding item lain. Min keseluruhan bagi konstruk Pengaruh Ideal (TFA) menunjukkan tahap tinggi iaitu 4.36.

Jadual 6: Taburan Frekuensi, Peratusan, Min, Sisihan Piawai dan Tahap Persetujuan Amalan Gaya Kepimpinan Transformasi Konstruk Pengaruh Ideal (TFA) yang Digemari oleh Responden

Bil.	Item	STS (%)	TS (%)	TP (%)	S (%)	SS (%)	Min	Sisihan piawai
Saya suka dengan pentadbir yang:								
1	Berkongsi matlamat dan objektif IPGK Kent dengan staf IPGK Kent	3 (2.8)	0 (0.0)	1 (1.8)	31 (55.4)	24 (42.9)	4.41 (T)	0.532
2	Peramah dengan semua warga tanpa mengira gred jawatan.	0 (0.0)	0 (0.0)	0 (0.0)	32 (57.1)	24 (42.9)	4.43 (T)	0.499
3	Fleksibel dalam mengaplikasikan peraturan dan dasar kerajaan	0 (0.0)	0 (0.0)	1 (1.8)	33 (58.9)	22 (39.3)	4.38 (T)	0.524
4	Berkeupayaan menjadi tempat rujukan warga IPGK Kent	0 (0.0)	0 (0.0)	3 (5.4)	32 (57.1)	21 (47.5)	4.32 (T)	0.575
5	Menjadi agen perubahan dan kecemerlangan IPGK Kent	0 (0.0)	0 (0.0)	6 (10.7)	28 (50.0)	22 (39.3)	4.29 (T)	0.653
6	Berani membuat keputusan untuk kepentingan institut dan warga Kent	0 (0.0)	0 (0.0)	3 (5.4)	30 (53.6)	23 (41.1)	4.36 (T)	0.586
7	Memberi peluang kepada	0 (0.0)	0 (0.0)	2 (3.6)	30 (53.6)	24 (42.9)	4.39 (T)	0.562

	warga Kent menyelesaikan konflik/isu dalam unit masing-masing							
8	Mengambil kira cadangan dan idea warga Kent untuk membuat keputusan	0 (0.0)	0 (0.0)	1 (1.8)	34 (60.7)	21 (37.5)	4.36 (T)	0.520
9	Berkeupayaan mengadakan komunikasi dua hala terhadap pelbagai isu dengan warga Kent	0 (0.0)	0 (0.0)	5 (8.9)	27 (48.2)	24 (42.9)	4.34 (T)	0.640
Min Keseluruhan							4.36 (T)	0.566

Faktor 2: Motivasi Berinspirasi (TFB)

Merujuk kepada Jadual 7, item yang mempunyai nilai min tertinggi ialah item 1 yang berkaitan dengan responden suka dengan pentadbir yang “Menggalakkan menambahkan ilmu pengetahuan dan kemahiran dalam bidang tugas” iaitu (min=4.48, sp=0.504). Item 8 “Memberikan penghargaan melalui anugerah Kent” (min=4.21, sp=0.563) mempunyai nilai min yang terendah. Kesemua enam item di dalam konstruk ini menunjukkan tahap min yang tinggi. Secara keseluruhan, min konstruk Motivasi Berinspirasi (TFB) menunjukkan tahap tinggi iaitu 4.35.

Jadual 7: Taburan Frekuensi, Peratusan, Min, Sisihan Piawai dan Tahap Persetujuan Amalan Gaya Kepimpinan Transformasi Konstruk Motivasi Berinspirasi (TFB) yang Digemari Oleh Responden

Bil.	Item	STS (%)	TS (%)	TP (%)	S (%)	SS (%)	Min	Sisihan piawai
	Saya suka dengan pentadbir yang:							
1	Menggalakkan menambahkan ilmu pengetahuan dan kemahiran dalam bidang tugas	0 (0.0)	0 (0.0)	0 (0.0)	29 (51.8)	27 (48.2)	4.48 (T)	0.504
2	Memberikan pujian kepada staf yang cemerlang dalam tugas	0 (0.0)	2 (3.6)	3 (5.4)	31 (55.4)	20 (35.7)	4.23 (T)	0.713
3	Memberi cadangan cara bagi memudahkan urusan kerja semua staf	0 (0.0)	0 (0.0)	1 (1.8)	31 (55.4)	24 (42.9)	4.41 (T)	0.532
4	Menerima teguran daripada staf untuk kecemerlangan Kent	0 (0.0)	0 (0.0)	2 (3.6)	29 (51.8)	25 (44.6)	4.41 (T)	0.565

5	Sentiasa memberi kata-kata motivasi kepada staf untuk menjalankan tugas	0 (0.0)	0 (0.0)	1 (1.8)	31 (55.4)	24 (42.9)	4.41 (T)	0.532
6	Sentiasa memberi galakan untuk terus berusaha untuk mencapai kejayaan dalam kerjaya	0 (0.0)	0 (0.0)	3 (5.4)	31 (55.4)	22 (39.3)	4.34 (T)	0.581
7	Membuat penilaian prestasi selaras dengan kualiti kerja yang dilakukan	0 (0.0)	0 (0.0)	2 (3.6)	33 (58.9)	21 (37.5)	4.34 (T)	0.549
8	Memberikan penghargaan melalui anugerah Kent	0 (0.0)	0 (0.0)	4 (7.1)	36 (64.3)	16 (28.6)	4.21 (T)	0.563
9	Menggalakkan percambahan ilmu dan kemahiran untuk peningkatan kualiti kerja dalam unit masing-masing	0 (0.0)	0 (0.0)	4 (7.1)	32 (57.1)	20 (35.7)	4.29 (T)	0.594
Min Keseluruhan							4.35 (T)	0.570

Faktor 3: Merangsang/Stimulasi Intelektual (TFC)

Jadual 8 menunjukkan min yang diperolehi semua berada pada tahap tinggi. Item yang mencatatkan nilai min tertinggi adalah item 4 yang berkaitan dengan responden suka dengan pentadbir yang “Menerima idea-idea kreatif daripada semua staf supaya dapat membantu menyelesaikan masalah” iaitu (min=4.41, sp=0.496) manakala item 1 “Berupaya merangsang minda staf untuk menterjemahkan pengalaman lalu menjadi pengajaran akan datang” (min=4.16, sp=0.826) menunjukkan min yang rendah berbanding item lain di dalam konstruk tiga. Min keseluruhan konstruk Merangsang Intelektual (TFC) menunjukkan tahap tinggi iaitu 4.28.

Jadual 8: Taburan Frekuensi, Peratusan, Min, Sisihan Piawai dan Tahap Persetujuan Amalan Gaya Kepimpinan Transformasi Konstruk Merangsang Intelektual (TFC) yang Digemari Oleh Responden

Bil.	Item	STS (%)	TS (%)	TP (%)	S (%)	SS (%)	Min	Sisihan piawai
Saya suka dengan pentadbir yang:								
1	Berupaya merangsang minda staf untuk menterjemahkan pengalaman lalu menjadi pengajaran akan datang	2 (3.6)	0 (0.0)	3 (5.4)	33 (58.9)	18 (32.1)	4.16 (T)	0.826

2	Memberi peluang berfikir untuk menyelesaikan masalah/ isu dalam tugas yang diamanahkan	0 (0.0)	0 (0.0)	4 (7.1)	34 (60.7)	18 (32.1)	4.25 (T)	0.580
3	Mengalakkan pemikiran kritis dan kreatif untuk menyelesaikan masalah/isu ketika menjalankan amanah	0 (0.0)	0 (0.0)	3 (5.4)	37 (66.1)	16 (28.6)	4.23 (T)	0.539
4	Menerima idea-idea kreatif daripada semua staf supaya dapat membantu menyelesaikan masalah	0 (0.0)	0 (0.0)	0 (0.0)	33 (58.9)	23 (41.1)	4.41 (T)	0.496
5	Mengalakkan semua staf untuk mengikuti pelbagai pertandingan supaya dapat menonjolkan kecemerlangan Kent	0 (0.0)	0 (0.0)	2 (3.6)	32 (57.1)	22 (39.3)	4.36 (T)	0.554
6	Menggalakkan penyelidikan dalam kalangan staf	0 (0.0)	0 (0.0)	6 (10.7)	32 (57.1)	18 (32.1)	4.21 (T)	0.624
7	Menggalakkan warga Kent berkolaborasi dengan agensi luar untuk membantu meningkatkan pengetahuan dalam bidang tugas.	0 (0.0)	0 (0.0)	2 (3.6)	3 (5.4)	33 (58.9)	4.20 (T)	0.699
8	Menggalakkan perkongsian ilmu dan kemahiran dalam organisasi.	0 (0.0)	0 (0.0)	2 (3.6)	31 (55.4)	23 (41.1)	4.38 (T)	0.558
9	Sentiasa memberi galakan untuk membuat inovasi bagi meningkatkan kualiti kerja.	0 (0.0)	2 (3.6)	1 (1.8)	31 (55.4)	22 (39.3)	4.30 (T)	0.685
Min Keseluruhan							4.28 (T)	0.618

Faktor 4: Pertimbangan Individu (TFD)

Berdasarkan kepada Jadual 9, kesemua enam item dalam konstruk Pertimbangan Individu (TFD) mempunyai tahap min yang tinggi. Item yang mencatatkan nilai min terendah adalah item 4 yang berkaitan dengan responden suka dengan pentadbir yang

“Memberi peluang kepada semua staf yang ingin meningkatkan potensi diri dalam kerjaya” iaitu (min=4.39, sp=0.562). Item 1 berkaitan dengan responden suka dengan pentadbir yang “Memberi perhatian kepada staf yang kurang komitmen dalam tugasnya” dan item 5 “Berkeupayaan memberi peluang kenaikan pangkat dalam kalangan warga Kent” masing-masing menunjukkan min yang rendah berbanding item lain iaitu (min=4.27, sp=0.618). Min keseluruhan menunjukkan tahap tinggi iaitu 4.33.

Jadual 9: Taburan Frekuensi, Peratusan, Min, Sisihan Piawai dan Tahap Persetujuan Amalan Gaya Kepimpinan Transformasi Konstruk Pertimbangan Individu (TFD) yang Digemari Oleh Responden

Bil.	Item	STS (%)	TS (%)	TP (%)	S (%)	SS (%)	Min	Sisihan piawai
	Saya suka dengan pentadbir yang:							
1	Memberi perhatian kepada staf yang kurang komitmen dalam tugasnya	0 (0.0)	0 (0.0)	5 (8.9)	31 (55.4)	20 (35.7)	4.27 (T)	0.618
2	Merangsang perkembangan kerjaya semua staf dengan cara pengaliran kerja	0 (0.0)	0 (0.0)	2 (3.6)	36 (64.3)	18 (32.1)	4.29 (T)	0.530
3	Berusaha mengatur bidang tugas mengikut kepakaran masing-masing	0 (0.0)	2 (3.6)	2 (3.6)	30 (53.6)	22 (39.3)	4.29 (T)	0.706
4	Memberi peluang kepada semua staf yang ingin meningkatkan potensi diri dalam kerjaya	0 (0.0)	0 (0.0)	2 (3.6)	30 (53.6)	24 (42.9)	4.39 (T)	0.562
5	Berkeupayaan memberi peluang kenaikan pangkat dalam kalangan warga Kent	0 (0.0)	0 (0.0)	5 (8.9)	31 (55.4)	20 (35.7)	4.27 (T)	0.618
6	Memberi teguran atau cadangan kepada warga secara individu/ personel bukan secara umum	0 (0.0)	0 (0.0)	5 (8.9)	26 (46.4)	25 (44.6)	4.36 (T)	0.645
7	Menangani setiap isu secara personal dalam kalangan warga yang menghadapinya	0 (0.0)	0 (0.0)	4 (7.1)	30 (53.6)	22 (39.3)	4.32 (T)	0.606
8	Memberi peluang kepada ahli unit mengadakan LPS	0 (0.0)	0 (0.0)	0 (0.0)	36 (64.3)	20 (35.7)	4.36 (T)	0.483

	dalam unit untuk meningkatkan kualiti kerja							
9	Memberi bimbingan dan sokongan berterusan kepada setiap warga yang kurang komitmen dalam tugasnya.	0 (0.0)	0 (0.0)	2 (3.6)	31 (55.4)	23 (41.1)	4.38 (T)	0.558
Min Keseluruhan							4.33 (T)	0.592

Tahap Kepuasan Bekerja dalam Organisasi - Pengurusan Atasan

Merujuk kepada Jadual 10, item yang mempunyai nilai min tertinggi ialah item 8 “Menggalkan program memantapkan bidang tugas dalam unit masing-masing (PK)” iaitu (min=4.23, sp=0.632). Item 9 “Pihak pengurusan peka dalam memberi penghargaan kepada kakitangan yang cemerlang dalam melaksanakan tugas (P)” pula menunjukkan nilai min yang paling rendah iaitu (min=3.98, sp=0.842), pada tahap sederhana rendah. Walaubagaimanapun secara keseluruhannya, nilai min keseluruhan bagi bagi konstruk kepuasan bekerja dalam organisasi masih berada pada tahap yang tinggi (min=4.10, sp=0.732).

Jadual 10: Taburan Frekuensi, Peratusan, Min, Sisihan Piawai dan Tahap Persetujuan Kepuasan Bekerja Dalam Organisasi Oleh Responden

Bil.	Item	STS (%)	TS (%)	TP (%)	S (%)	SS (%)	Min	Sisihan piawai
1	Pihak pengurusan peka terhadap keperluan dan masalah kakitangan (HPA)	0 (0.0)	3 (5.4)	4 (7.1)	34 (60.7)	15 (26.8)	4.0 9 (T)	0.745
2	Memberikan ruang dan kaedah sesuai untuk membolehkan kakitangan menyampaikan komen dan cadangan (HPA)	0 (0.0)	2 (3.6)	5 (8.9)	34 (60.7)	15 (26.8)	4.1 1 (T)	0.705
3	Memastikan semua kakitangan lebih beretika dan mengikut waktu kerja yang betul (HPA)	0 (0.0)	1 (1.8)	3 (5.4)	37 (66.1)	15 (26.8)	4.18 (T)	0.606
4	Pastikan tugas diberikan dengan adil dan seksama dengan staf lain (HPA)	0 (0.0)	1 (1.8)	7 (12.5)	33 (58.9)	15 (26.8)	4.1 1 (T)	0.679
5	Menjalin hubungan baik dengan semua kakitangan (HPA)	0 (0.0)	4 (7.1)	1 (1.8)	35 (62.5)	16 (28.6)	4.1 3 (T)	0.764
6	Kaki tangan bebas bersuara memberikan komen dan cadangan (HPA)	0 (0.0)	3 (5.4)	8 (14.3)	30 (53.6)	15 (26.8)	4.0 2 (T)	0.798

7	Pihak pengurusan peka terhadap beban tugas setiap pekerja (BT)	0 (0.0)	4 (7.1)	5 (8.9)	32 (57.1)	15 (26.8)	4.0 4 (T)	0.808
8	Menggalakkan program memantapkan bidang tugas dalam unit masing-masing (PK)	0 (0.0)	1 (1.8)	3 (5.4)	34 (60.7)	18 (32.1)	4.2 3 (T)	0.632
9	Pihak pengurusan peka dalam memberi penghargaan kepada kakitangan yang cemerlang dalam melaksanakan tugas (P)	0 (0.0)	4 (7.1)	8 (14.3)	29 (51.8)	15 (26.8)	3.9 8 (S T)	0.842
10	Meningkatkan kemudahan ruang pejabat yang lebih kondusif untuk keselesaan warga (P/K)	0 (0.0)	3 (5.4)	3 (5.4)	34 (60.7)	16 (28.6)	4.1 3 (T)	0.740
Min Keseluruhan							4.1 0 (T)	0.732

Jadual 11: Min Keseluruhan Tahap Amalan Gaya Kepimpinan yang Digemari Oleh Responden

Bil.	Gaya Kepimpinan	Min Keseluruhan	Interpretasi
1.	Gaya Kepimpinan Transformasi (Keseluruhan)	4.33	Tinggi
2.	Faktor 1: Pengaruh Ideal	4.36	Tinggi
3.	Faktor 2: Motivasi Berinspirasi	4.35	Tinggi
4.	Faktor 3: Meransang/Stimulasi Intelektual	4.28	Tinggi
5.	Faktor 4: Pertimbangan Individu	4.33	Tinggi

Hubungan Amalan Kepimpinan Transformasi Dan Kepuasan Bekerja AKP

Hubungan Aspek Pengaruh Ideal Dan Kepuasan Bekerja AKP

Hasil analisis mendapati bahawa pekali korelasi Pearson antara aspek pengaruh ideal dan kepuasan bekerja AKP adalah ($r = 0.519$, $p < 0.01$). Ini menunjukkan kedua pemboleh ubah berhubung secara positif dengan kekuatan perhubungan pada tahap yang tinggi. Dengan berpandukan hasil analisis dalam Jadual 12, maka hipotesis H_{01} yang menyatakan tidak terdapat hubungan yang signifikan antara aspek pengaruh ideal dan kepuasan bekerja AKP adalah ditolak.

Jadual 12: Analisis Korelasi Pearson Aspek Pengaruh Ideal Dan Kepuasan Bekerja

		Pengaruh Ideal	Kepuasan Bekerja
Pengaruh Ideal	Korelasi Pearson	1	0.519**
	Sig. (2-hujung)		0.000
	N	56	56

** Signifikan pada aras 0.01 (2-hujung)

Hubungan Aspek Motivasi Berinspirasi Dan Kepuasan Bekerja AKP

Hasil dapatan memaparkan nilai pekali korelasi Pearson antara aspek motivasi berinspirasi dan kepuasan bekerja AKP adalah ($r = 0.610$, $p < 0.01$). Ini menunjukkan kedua pemboleh ubah mempunyai hubungan positif dengan kekuatan hubungan pada tahap yang tinggi. Maka hipotesis H_{02} yang menyatakan tidak terdapat hubungan yang signifikan antara aspek motivasi berinspirasi dan kepuasan bekerja AKP adalah ditolak.

Jadual 13: Analisis Korelasi Pearson Aspek Motivasi Berinspirasi Dengan Kepuasan Bekerja

		Motivasi Berinspirasi	Kepuasan Bekerja
Motivasi Berinspirasi	Korelasi Pearson	1	0.610**
	Sig. (2-hujung)		0.000
	N	56	56

** Signifikan pada aras 0.01 (2-hujung)

Hubungan Aspek Stimulasi Intelektual Dan Kepuasan Bekerja AKP

Hasil daripada analisis korelasi Pearson, didapati bahawa pekali korelasi Pearson antara aspek stimulasi intelektual dan kepuasan bekerja AKP adalah ($r = 0.586$, $p < 0.01$). Analisis ini menjelaskan terdapat hubungan yang signifikan diantara aspek stimulasi intelektual dan kepuasan bekerja AKP. Oleh itu, hipotesis nul ketiga, H_{03} ditolak. Manakala anggaran kekuatan hubungan korelasi adalah pada tahap tinggi.

Jadual 14: Analisis Korelasi Pearson Aspek Stimulasi Intelektual Dan Kepuasan Bekerja

		Stimulasi Intelektual	Kepuasan Bekerja
Stimulasi Intelektual	Korelasi Pearson	1	0.586**
	Sig. (2-hujung)		0.000
	N	56	56

** Signifikan pada aras 0.01 (2-hujung)

Hubungan Aspek Pertimbangan Individu Dan Kepuasan Bekerja AKP

Hasil dapatan Jadual 15 memaparkan nilai pekali korelasi ($r = 0.540$, $p < 0.01$). Analisis ini menjelaskan terdapat hubungan yang signifikan antara aspek pertimbangan individu dan kepuasan bekerja AKP. Analisis ini menunjukkan kedua pemboleh ubah mempunyai hubungan positif dengan kekuatan hubungan pada tahap yang tinggi. Oleh itu, hipotesis H_{04} yang menyatakan tidak terdapat hubungan yang signifikan antara aspek pertimbangan individu dan kepuasan bekerja AKP adalah ditolak.

Jadual 15: Analisis Korelasi Pearson Aspek Pertimbangan Individu Dan Kepuasan Bekerja

		Pertimbangan Individu	Kepuasan Bekerja
Pertimbangan Individu	Korelasi Pearson	1	0.540**
	Sig. (2-hujung)		0.000
	N	56	56

** Signifikan pada aras 0.01 (2-hujung)

Hubungan Gaya Kepimpinan Transformasi Dan Kepuasan Bekerja AKP

Jadual 16 menunjukkan nilai pekali korelasi ($r = 0.585$, $p < 0.01$). Analisis ini menjelaskan terdapat hubungan yang signifikan antara gaya kepimpinan transformasi secara keseluruhan dan kepuasan bekerja AKP. Analisis ini menunjukkan kedua pemboleh ubah mempunyai hubungan positif dengan kekuatan hubungan pada tahap yang tinggi. Oleh itu, hipotesis H_{05} yang menyatakan tidak terdapat hubungan yang signifikan antara gaya kepimpinan transformasi dan kepuasan bekerja AKP adalah ditolak.

Jadual 16: Analisis Korelasi Pearson Gaya Kepimpinan Transformasi Dan Kepuasan Bekerja

		Kepimpinan Transformasi	Kepuasan Bekerja
Kepimpinan Transformasi	Korelasi Pearson	1	0.585**
	Sig. (2-hujung)		0.000
	N	56	56

** Signifikan pada aras 0.01 (2-hujung)

PERBINCANGAN

Tahap Gaya Kepimpinan Transformasi (TF)

Dapatan kajian menunjukkan secara keseluruhannya AKP IPG Kampus Kent mempunyai tahap persetujuan yang tinggi terhadap amalan kepimpinan transformasi dalam kalangan pemimpin pentadbiran. Hal ini menunjukkan AKP yang bertugas di IPG Kampus Kent meminati pemimpin yang menggalakkan pekerja untuk mencapai prestasi yang lebih tinggi dan melibatkan pekerja dalam membuat keputusan (Bass, 1985; Voon et al., 2011). Tambahan itu, gaya kepimpinan ini diyakini berupaya meningkatkan prestasi terhadap sokongan organisasi sekiranya pemimpin menjadi sumber inspirasi kepada pekerja dengan menetapkan arah tuju dan visi yang jelas. Pemimpin transformasi akan menetapkan matlamat pekerjaannya dan akan bersama-sama membantu untuk memenuhi keperluan bagi mencapai matlamat yang telah ditetapkan (Zhang, Li & Dick, 2015). Hal ini demikian, penilaian pekerja terhadap keupayaan pemimpin dalam memenuhi keperluan dan matlamat kerjaya

pekerja akan dapat meningkatkan keyakinan pekerja terhadap sokongan organisasi khususnya terhadap motivasi, komitmen, kepuasan kerja dan integriti pekerja (Aselage & Eisenberber, 2003). Cara kepimpinan ini akan lebih dihargai dan mendapat kepercayaan oleh orang yang dipimpin secara langsung.

Aspek amalan kepimpinan transformasi yang paling diminati dalam kalangan AKP adalah aspek pengaruh ideal, diikuti dengan aspek motivasi berinspirasi, pertimbangan individu dan stimulasi intelektual. Ini menunjukkan bahawa AKP menggemari pemimpin yang sentiasa berkeyakinan serta memberi contoh teladan yang baik di samping menitikberatkan kebajikan pekerja. Tambahan itu, pemimpin juga mempunyai kekuatan dan keyakinan yang boleh mempengaruhi tindak laku AKP.

Selain itu, pemimpin yang memberi inspirasi dan motivasi untuk mencapai cita-cita tinggi turut digemari oleh AKP. Bass dan Steidlmeier (1999) mengatakan bahawa tingkah laku motivasi berinspirasi boleh dilakukan melalui penggunaan kata-kata yang memberangsangkan, menaikkan semangat dan pujian untuk menimbulkan keinginan kakitangan bekerja dengan cemerlang. Dengan cara ini, kakitangan akan melaksanakan sesuatu lebih daripada apa yang mereka fikir mereka boleh laksanakan (House, 1996). Tidak dapat dinafikan sekiranya seseorang AKP mempunyai motivasi yang tinggi, banyak kejayaan yang dapat dicapai.

Aspek pertimbangan individu juga menjadi aspek pilihan AKP pada tahap yang tinggi. Di mana, mereka menggemari pemimpin yang memberi perhatian terhadap setiap pekerja tanpa mengira pangkat atau gred. Setiap kakitangan di bawah seliannya dianggap mempunyai keistimewaan tersendiri dan penting kepada organisasi. Justeru, pemimpin sedemikian melayan semua kakitangan sebagai anggota yang sangat penting dalam sesebuah organisasi. Pemimpin turut memberi peluang kepada kakitangannya untuk meningkatkan kemahiran masing-masing seperti melanjutkan pelajaran, mengikuti kursus dan berkongsi pengetahuan supaya kemahiran dan ketrampilan dirinya lebih meningkat. Peningkatan kebolehan, kemahiran dan pengetahuan seseorang menjadi penyuntik keyakinan diri dan meninggalkan kesan positif di kalangan AKP. Tambahan itu, pemimpin juga perlu memperuntukkan masa untuk mengenali setiap kakitangan dengan lebih dekat. Dengan mengambil tahu dan perhatian kepada kakitangan secara individu semangat mereka untuk bekerja menjadi lebih tinggi. Kakitangan akan merasa diri mereka dihargai dan diberi perhatian oleh pemimpin. Mengikut Leithwood dan Jantzi (1999) pemimpin yang tidak memberi perhatian kepada perhubungan individu sering kali menyebabkan *burn out* di kalangan pekerja.

Walaupun aspek merangsang intelektual bukan dimensi kepimpinan transformasi yang paling digemari dalam kalangan AKP, namun masih berada pada tahap yang tinggi. Dimana, rangsangan intelektual merujuk kepada kesanggupan pemimpin untuk mempertimbang dan menerima idea AKP serta menggalakkan mereka untuk berfikir secara kreatif dalam menyelesaikan sebarang kesulitan dalam tugas harian. Justeru, seorang pemimpin perlu sentiasa memberi suntikan baru seperti cadangan dan pendekatan yang lebih mencabar serta besesuaian dalam bidang kerja kepada kakitangannya supaya mereka mampu menyelesaikan sebarang masalah yang hadapi dengan berkesan sekaligus menggalakkan kakitangannya untuk lebih menyerlah dalam tugas harian.

Tahap Kepuasan Bekerja dalam Organisasi - Pengurusan Atasan

Berdasarkan dapatan kajian, tahap kepuasan bekerja AKP IPG Kampus Kent berada pada tahap yang sangat memuaskan. AKP yang menjadi tulang belakang untuk melicinkan sistem pentadbiran IPG Kampus Kent perlu mendapatkan kepuasan kerja mengikut dimensi yang digariskan untuk mencapai matlamat organisasi. Justeru, kepuasan kerja yang tinggi adalah penting untuk meningkatkan prestasi kerja. Sekiranya hubungan profesional dan fleksibel terjalin antara pengarah, timbalan pengarah, ketua jabatan, ketua unit dan AKP, maka AKP akan merasa dihargai dan berpuas hati dengan pekerjaan mereka. Perkara ini dianggap penting kerana membuat AKP berpuas hati dengan pekerjaan mereka.

Menurut Lawler dan Porter (1967), kepuasan bekerja penting dan mempunyai hubungan dengan prestasi kecemerlangan dan kerja seseorang individu. Kepuasan kerja sering dikaitkan dengan keadaan kerja dan ganjaran yang diperolehi secara langsung dari sesuatu tugas atau kerja yang dilaksanakan. Justeru, kepuasan kerja adalah bila mana seseorang pekerja mempunyai perasaan gembira dan selesa terhadap pekerjaan. Hal ini memberikan gambaran bahawa pekerja yang berada pada tahap yang selesa dengan keadaan kerjanya telah mencapai kepuasan bekerja. Hal ini turut disokong oleh, Ward dan King (2017) yang menekankan bahawa kepuasan dan kebahagiaan pekerja harus diberi perhatian kerana mereka merupakan tulang belakang organisasi, terutama dalam era pasaran yang berubah dengan cepat.

Hubungan Amalan Kepimpinan Transformasi Dan Kepuasan Bekerja AKP

Dapatan kajian mendapati terdapat hubungan yang signifikan secara positif dengan kekuatan perhubungan pada tahap yang tinggi antara amalan kepimpinan transformasi dan kepuasan bekerja AKP di IPG Kampus Kent. Hal ini menunjukkan bahawa AKP telah mencapai tahap kepuasan kerja pada tahap yang memuaskan dengan amalan kepimpinan transformasi yang diamalkan oleh pemimpin IPG Kampus Kent.

Dapatan ini disokong oleh kajian Aniza (2014) terhadap kepimpinan transformasi ketua jabatan dan hubungannya dengan kepuasan kerja pensyarah di Politeknik Tuanku Syed Sirajuddin yang menunjukkan bahawa wujudnya hubungan antara kepimpinan transformasi dari aspek pengaruh ideal, motivasi berinspirasi, ransangan intelektual dan pertimbangan individu dengan kepuasan kerja pensyarah.

Kajian Zuriman (2013) tentang hubungan antara gaya kepimpinan transformasi dan transaksi pengetua dengan kepuasan kerja guru di sekolah menengah daerah Kuala Terengganu turut menyokong dapatan kajian, dimana kajian beliau mendapati kepimpinan transformasi mempunyai hubungan positif dengan kepuasan kerja guru dan berada pada tahap yang tinggi.

Selain itu, dapatan kajian turut disokong oleh kajian yang dilakukan oleh Rosmawati (2014) untuk melihat hubungan gaya kepimpinan transformasi pengetua dengan kepuasan kerja guru sekolah menengah harian di daerah Seremban, Negeri Sembilan. Secara keseluruhannya, dapatan kajian menunjukkan bahawa gaya

kepimpinan transformasi pengetua dan setiap dimensi terdapat hubungan yang signifikan positif dan kuat dengan kepuasan kerja guru.

Justeru, seseorang pemimpin yang mengamalkan kepemimpinan transformasi perlu memenuhi keempat-empat aspek kepemimpinan transformasi iaitu aspek pengaruh ideal, motivasi berinspirasi, ransangan intelektual dan pertimbangan individu bagi meningkatkan tahap kepuasan kerja guru. Hasil kajian Windy et al. (2019) juga menunjukkan bahawa amalan kepemimpinan transformasi bukan sahaja dapat mengubah sesebuah organisasi tetapi juga mampu mengubah tahap kepuasan penyempurnaan kerja. Oleh itu, amalan kepemimpinan pemimpin dan kepuasan kerja AKP saling berkait rapat dalam meningkatkan kecemerlangan institusi.

KESIMPULAN

Secara amnya, sistem pendidikan di Malaysia amat mementingkan kecemerlangan di semua peringkat institusi pendidikan dan Institut Pendidikan Guru (IPG) secara khususnya. Hasrat ini dapat dicapai sekiranya barisan kepimpinan IPG mengamalkan gaya kepimpinan transformasi dalam kepimpinan mereka kerana telah terbukti gaya kepimpinan tersebut mempunyai hubungan signifikan dengan kepuasan bekerja. Hal ini demikian, kerana kecemerlangan sesebuah institusi pendidikan adalah hasil kerjasama, barisan kepimpinan dan kakitangan dari pelbagai golongan secara amnya dan khususnya AKP.

Justeru, kepimpinan yang berkesan dapat menyumbang kepada kecemerlangan dan peningkatan prestasi organisasi. Dengan erti kata lain, peningkatan prestasi IPG akan terhasil dari kecemerlangan kepimpinan yang ditonjolkan oleh pemimpin yang menerajui barisan kepimpinan. Kepimpinan secara berkesan memerlukan kepelbagaian ciri-ciri sebagai seorang pemimpin antaranya ialah mempunyai disiplin diri, mengambil berat hal kakitangan bawahan, mempunyai tahap kesabaran yang tinggi, sentiasa berlaku adil, mendalami pembelajaran secara berterusan, bijak, cekap serta peka sebagai seorang pentadbir.

Pemimpin yang baik bukan hanya bergantung kepada kuasa yang dimiliki tetapi lebih kepada keupayaan membawa peranan sebagai pentadbir yang sekaligus dapat mewujudkan sebuah institusi pendidikan yang cemerlang. Tambahannya, untuk menjalankan tugas secara lebih efektif, pemimpin perlu memiliki ciri-ciri dan gaya kepimpinan yang berkemahiran tinggi, mempunyai keperibadian yang berkualiti disamping berpengetahuan dalam bidang masing-masing.

Oleh itu, berpandukan dapatan kajian yang diperolehi jelas menunjukkan bahawa pihak pengurusan institusi disarankan memberikan penekanan terhadap empat aspek gaya kepimpinan transformasi bagi memastikan kepuasan bekerja dan peningkatan prestasi organisasi. Pemimpin perlu memahami dan mengenalpasti gaya kepimpinan yang terbaik di institusi masing-masing agar dapat dipraktikkan dan pemimpin juga perlu melakukan penyesuaian secara lebih khusus dalam usaha meningkatkan prestasi IPG. Pemimpin dapat membantu dalam peningkatan prestasi sesebuah organisasi sekiranya dapat menjalankan peranan dengan gaya kepimpinan

yang menepati keperluan organisasi tersebut. Di samping itu, pemimpin yang mengamalkan gaya kepimpinan yang baik akan menguruskan kakitangan untuk sentiasa progresif dalam menangani permasalahan kakitangan dalam organisasi mereka. Dengan itu, budaya kerja yang cemerlang dapat dihasilkan sekaligus membantu membangunkan sistem pendidikan negara ke arah yang lebih cemerlang.

RUJUKAN

- Ahmad Yusri Ismail. (2016). Gaya kepimpinan pengetua dan kepuasan kerja guru di Sekolah Menengah Kebangsaan Daerah Marang, Terengganu. International Seminar on Generating Knowledge Through Research, UUM-UMSIDA, 25-27 October 2016, Universiti Utara Malaysia. Malaysia. Available online: <http://ojs.umsida.ac.id/index.php/icecr>.
- Aniza Dahri. 2014. Hubungan kepimpinan transformasional ketua jabatan dengan kepuasan kerja pensyarah di Politeknik Tuanku Syed Sirajuddin (PTSS). Artikel 2/2014 PTSS, Arau Perlis.
- Aselage, J., & Eisenberger, R. (2003). Perceived organizational support and psychological contracts: A theoretical integration. *Journal of Organizational Behavior*, 24(5), 491-509.
- Aube, C., Rousseau, V., & Morin, E. M. (2007). Perceived organizational support and organizational commitment: The mediating effect of locus of control and work autonomy. *Journal of Managerial Psychology*, 22(5), 475- 495.
- Bass, B. M. (1985). *Leadership and performance beyond expectations*. New York: Collier Macmillan Publishers.
- Bass, B. M., & Avolio, B. J. (1995). *Full range of leadership: Manual for the multi-factor leadership questionnaire*. California: Mind Garden, Inc.
- Bass, B. M. dan Steidlmeier, P. 1999. Ethic, character and the authentic transformational leadership behavior. *The Leadership Quarterly* 10(2): 181-217.
- Burns, J. M. (1978). *Leadership*. New York: Harper & Row.
- Eddleston, K. A., Baldrige, D. C., & Veiga, J. F. (2004). Toward modeling the predictors of managerial career success: Does gender matter. *Journal of Managerial Psychology*, 19(4), 360-385.
- House, R. J. 1996. Path-goal theory of leadership: Lessons, legacy, and a reformulated theory. *Leadership Quarterly* 7: 323-352.
- Jamalullail Abdul Wahab, Che Fuzlina Mohd Fuad, Hazita Ismail, & Samsidah Majid. (2014). Headmasters' transformational leadership and their relationship with teachers' job satisfaction and teachers' commitments. *International Education Studies*, 7(13), 40-48.
- Krejcie, R.V & D.W Morgan. (1970). *Determining sample size for research activities educational and psychological measurement*. Duluth:

- University of Minnesota. 30(3):607-610.
- Lawler, E. E., & Porter, L. W. (1967). The effect of performance on job satisfaction. *Industrial Relations*, 7(1), 20–28. <https://doi.org/10.1111/j.1468-232X.1967.tb01060.x>
- Leithwood, K. (1994). Leadership for school restructuring. *Educational Administration Quarterly*, 30(4), 498-518.
- Leithwood, K., & Jantzi, D. 1999. Transformational school leadership effects: A replication. *school effectiveness and school improvement*, 10(4), 451-479.
- Maslow, A. H. (1943). A theory of human motivation. *Psychological Review* 50: 370-396.
- Mohd Akhmarudi Mohd Yusoff, Siti Noor Ismail & Anis Salwa Abdullah. (2020). Kepimpinan transformasional, kepuasan kerja guru dan peranan iklim sekolah sebagai mediator. *Jurnal Kepimpinan Pendidikan, Universiti Utara Malaysia*. April 2020, Bil. 7, Isu 2.
- Mohd. Najib, A. G. (1999). *Penyelidikan Pendidikan*. Johor: Universiti Teknologi Malaysia.
- Nunnally. J.C. & Bernstein. I.H. (1994). *Psychometric Theory* (3rd ed.). New York: McGraw-Hill.
- Philip Sia, S. & Azlin, N. M. (2016). Kepimpinan transformasional guru besar dan kepuasan kerja guru sekolah rendah di daerah Kota Belud, Sabah. *Latihan Ilmiah: Universiti Kebangsaan Malaysia*.
- Rosmawati binti Abdullah. 2014. Hubungan kepuasan kerja guru di sekolah menengah harian di daerah Seremban, Negeri Sembilan. *Seminar Kebangsaan Pengurusan Pendidikan PKPGB 2009 di UTHM*.
- Simon (1947) Dalam Suhaya, D. & Siti Zubaidah M. Isa. (2016). Tahap kepuasan kerja dalam kalangan kakitangan penjara. *Jurnal Komunikasi, Malaysian Journal of Communication*, Jilid 1 2016: 149-161.
- Voon, M.L., Lo, M. C., Ngui, K. S., & Ayob, N. B. (2011). The Influence Of Leadership Styles On Employees' Job Satisfaction In Public Sector Organizations In Malaysia. *International Journal of Business, Management and Social Science*, 2(1), 24-32.
- Ward, S. J., & King, L. A. (2017). Work and the good life: How work contributes to meaning in life. *Research in Organizational Behavior*, 37, 59-82. <https://doi.org/10.1016/j.riob.2017.10.001>
- Windy. A., Roslee. T., & Soon Singh. B. S. (2019). Hubungan gaya kepemimpinan transformasi dengan kepuasan kerja guru akademik tingkatan enam. *Labuan E-Journal of Muamalat and Society (LJMS)*, (1), 1-16. <https://jurcon.ums.edu.my/ojums/index.php/LJMS/article/view/2540>
- Zaffar Ahmad Nadaf. (2018). Comparative study on job satisfaction of J&K Bank employees. *North Asian International Research Journal of Social*

- Science & Humanities, 4(1), 281-293.
- Zeynep Ozguner & Mert Ozguner. (2014). A Managerial point of view on the relationship between of Maslow's hierarchy of needs and Herzberg's dual factor theory. *International Journal of Business and Social Science* 5(7): 207-215.
- Zhang, X. A., Li, N., Ullrich, J., & van Dick, R. (2015). Getting everyone on board: The effect of differentiated transformational leadership by CEOs on top management team effectiveness and leader-rated firm performance. *Journal of Management*, 41(7), 1898-1933.
- Zuriman bin Abdul Rahman. 2013. Hubungan gaya kepemimpinan pengetua dan kepuasan kerja guru sekolah menengah di daerah Kuala Terengganu Utara, Terengganu. *Kertas Penyelidikan Sarjana*. Universiti Utara Malaysia. Proceeding of International Seminar on Educational Comparative in Curriculum for Active Learning Between Indonesia and Malaysia. ISBN: 978-602-9098-12-9.



INSTITUT PENDIDIKAN GURU KAMPUS KENT

Peti Surat 2, 89207 Tuaran Sabah

Tel : 088-7898500 / 088-797500

Fax : 088-788007

Email : admin@ipkent.edu.my

Laman Web : <http://www.ipkent.edu.my>



eISSN 3036-0129



9 773036 012002